

KOLEKSI PENULISAN ILMIAH DAN KARYA KREATIF ZON JOHOR TAHUN 2024

DITERBITKAN OLEH :KOLEJ KOMUNITI PAGOH

Koleksi Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif Zon Johor Tahun 2024

DITERBITKAN OLEH:

Kolej Komuniti Pagoh
Kementerian Pendidikan Tinggi,
No 1, Jalan Jaya 1/5,
Taman Pagoh Jaya,
84500, Muar, Johor
Telefon : 06-9736001
Faks : 06-9736002

PENAUNG
Nor Dalila binti Abd Rahman

PENGERUSI
Khairul Anuar bin Muhamad

PENASIHAT
Normah binti Ishak

PENGARAH PROGRAM
Mohd Rafiq bin Mujilan

SETIAUSAHA
Azlan bin Zakaria

BENDAHARI
Pn Adlina binti Abu Bakar

JAWATANKUASA REKABENTUK, POSTER, BUKU PROSIDING
Nurulhidayah binti Hassan
Mohamad Hasrol bin Sumawan
Nooramimah binti Amin

JAWATANKUASA PENYEMAKAN & PENGUMPULAN KERTAS KAJIAN
Sr. Ts. Dr Nazirah binti Mohamad Abdullah
Dr. Khairul Naim bin Sameri
Noorhana binti Mohammad
Nursalizah binti Muslim
Mohd Rafiq bin Mujilan

JAWATANKUASA FORMAT KERTAS KAJIAN
Masithah binti Jasman
Norazrina binti Ismon
Zawani binti Abu Rais

JAWATANKUASA PENERBITAN DAN PROSIDING
Junita binti Sha'ari
Nor Idayu Shafiza binti Mohamad Najib
Mohd Shafie bin Mohd Ahyat

JAWATANKUASA SIJIL DAN SURAT PENGHARGAAN
Norazlinda binti Roslan
Fariza binti Mohd Hatta

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan atau dihantar, dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kolej komuniti Pagoh



PRAKATA
PENGERUSI RNI

Assalamualaikum WBT, Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi dengan izinNya juga komitmen pelbagai pihak, Koleksi Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif Zon Johor 2024 dapat dizahirkan. Ingin saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Pagoh yang telah menggalas tanggungjawab dan amanah untuk menerbitkan himpunan koleksi penulisan ilmiah dan karya kreatif ini.

Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif Zon Johor 2024 adalah koleksi penyelidikan, idea, kreativiti dan inovasi pensyarah-pensyarah daripada Kolej Komuniti Zon Johor. Sebanyak 23 hasil penulisan ilmiah dan karya kreatif berjaya diketengahkan dalam penerbitan ini. Sekalung penghargaan juga buat semua penulis yang telah menyumbang bagi memastikan penerbitan ini tercapai dengan jayanya. Sesungguhnya proses menerbit dan mengumpul hasil koleksi bukanlah tugas mudah, oleh itu inisiatif yang dilakukan Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Pagoh ini harus dipandang tinggi dalam memartabatkan dan menyebarluaskan perkongsian ilmu agar dapat dijadikan sumber rujukan ilmu seterusnya mampu melahirkan modal insan berkualiti.

Akhir kata, saya berharap penerbitan ini mampu menjadi satu langkah wadah rujukan dan panduan dalam memartabatkan penulisan, penyelidikan dan inovasi kreatif dikalangan pensyarah Kolej Komuniti Zon Johor khasnya dan seluruh warga pendidik amnya dalam usaha peningkatan kerjaya dan profesionalisme.

Sekian, terima kasih.

NOR DALILA BINTI ABD RAHMAN
Pengarah
Kolej Komuniti Segamat 2
Merangkap Pengerusi RnI
Kolej Komuniti Zon Johor 2024



PRAKATA
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI PAGOH

Assalamualaikum WBT, Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif Zon Johor 2024 ini berjaya diterbitkan. Buku ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua penulis / ahli akademik yang ingin menerbitkan penulisan ilmiah dan karya kreatif anjuran Kolej Komuniti Pagoh peringkat Zon Johor bagi tahun 2024. Rasa terharu atas penghargaan dan tanggungjawab yang diamanahkan buat Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Pagoh bagi merealisasikan buku prosiding koleksi penulisan ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Dalam usaha membantu para pensyarah menghasilkan penerbitan dan meningkatkan ilmu pengetahuan juga kemahiran kita perlu sentiasa berusaha menjadi yang terbaik, justeru itu usaha murni ini harus diteruskan agar pembudayaan ilmu dapat disebarluaskan. Penerbitan sulung peringkat Zon Johor anjuran Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Komuniti Pagoh ini dilihat sebagai titik tolak usaha menerbitkan pada peringkat kebangsaan pada masa akan datang, Insya Allah.

Semoga penerbitan ini menjadi langkah proaktif dalam memartabatkan penulisan dan karya kreatif bagi menyemarakkan budaya ilmuan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja yang bertungkus lumus dalam menjayakan penerbitan ini, semoga karya yang dihasilkan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua penulis / ahli akademik.

Sekian, terima kasih

KHAIRUL ANUAR BIN MUHAMAD
Pengarah
Kolej Komuniti Pagoh



PRAKATA
KETUA UNIT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekelian alam, Koleksi Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif Zon Johor 2024 telah dihasilkan dengan jayanya hasil daripada kerja keras dan idea dari semua yang terlibat. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penghasilan buku ini terutama sekali kepada Ahli Jawatankuasa penerbitan dan kepada semua yang memberikan sumbangan kepada buku ini.

Koleksi Penulisan Ilmiah dan Karya Kreatif Zon Johor 2024 merupakan himpunan penulisan ilmiah dan karya kreatif yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Menerusi penerbitan buku ini, ia merupakan satu usaha dari Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomerislan (UPIK) Kolej Komuniti Pagoh dalam membantu pensyarah untuk terlibat aktif dalam bidang penulisan sama ada penulisan ilmiah dan juga penulisan kreatif. Di samping itu, ini merupakan satu platform kepada mereka dalam menyumbang, mengaplikasi dan menjana idea dalam bidang penulisan.

Disamping itu, menerusi penerbitan buku ini, ia dapat meningkat profesionalisme dan menunjukkan bakat pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam bidang kajian dan penulisan kreatif. Usaha ini amat diperlukan dalam bidang tugas mereka di mana ia dapat merangsang pemikiran kritis di kalangan pensyarah.

Sehubungan dengan itu, UPIK Kolej Komuniti Pagoh mengalu-alukan segala komen, cadangan dan khidmat nasihat jika adanya sebarang kekurangan dalam penerbitan ini. Segala komen, cadangan akan digunakan dalam meningkatkan kualiti Buku Penulisan Ilmiah dan karya Kreatif Zon Johor 2024.

Terima kasih

MOHD RAFIQ BIN MUJILAN
Ketua Unit
Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
Kolej Komuniti Pagoh

SUB - TEMA


PENULISAN KREATIF
FESYEN
PENGAJIAN AM
PENDIDIKAN
LAIN LAIN

ISI KANDUNGAN

01

Penghargaan _____ i
Prakata _____ ii
Isi Kandungan _____ vi

02

Fesyen

Kelestarian dan Kreativiti Reka Bentuk Tekstil: Eksplorasi Fabrik Denim Terbuang Melalui Teknik Resist 1
Mohamad Shukri Che Ya dan Badrul Hisham Shaharin

Design And Development a Collapsible Study Table for Students in A Community College's Fashion And Apparel Program In Dormitories 20
Ts. Nursalizah Binti Muslim dan Khairul Anuar Bin Muhamad

Images Of Nature And Women Through Artistic Elements Appear In Poetry By Siti Zainon Ismail 31
Ts. Nursalizah Binti Muslim dan Nooramimah Binti Amin

Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Memilih Program Fesyen Dan Pakaian Di Kolej Komuniti Pagoh 37
Nurulhidayah binti Hassan, Zawani binti Abu Rais, dan Nor Idayu Shafiza Binti Mohamad Najib

Peranan Smart Business Management (SBM 1.0) Membantu Usahawan Perkhidmatan Fesyan Dan Pakaian 48
Mohamad Hasrol Bin Sumawan

Kajian Penghasilan Rekacorak Motif Batik Titik Tengah Semenanjung 52
Fadilah Yurani dan Badrul Hisham Shaharin

Keberkesanan Program Sijil Fesyen Dan Pakaian Di Kolej Komuniti Pagoh: Keperluan Dan Kehendak Pasaran. 65
Normah binti Ishak, Khairul Anuar bin Muhamad dan Nor Idayu Shafiza binti Mohamad Najib

03 **Pengajian Am**

Kajian Terhadap Penggunaan Microsoft Excel Membantu Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Inverse Matrix (Dbm10013) Di Polisas 81
Rasyidi bin Abdullah, Mohd Zaki bin Mohd Ismail dan Siti Aisyah binti Ismawi

04 **Pendidikan**

Silibus Fabrik Dalam Implimentasi Rekaan Fesyen Dan Pakaian Bagi Subjek Senireka Fesyen. Kekuatan dan Kelemahan. 88
Noorhana Mohammad, Isa Hamzah, dan Khairul Azhar Jamaluddin

04

Lain-lain

Home Structure Defect Inspection: A Study at Sungai Rambai, Muar 101
Hazilah binti Mohamad, Nur Nadia Natasya binti Musa, dan Muhammad Zakwan bin Zaulkffali

Potensi Produk Anti Pacat Secara Semulajadi Untuk Aktiviti Rekreasi di Dalam Hutan 107
Nor Shahurulnesma binti Husain

Potensi Pautan KKJ Promo Link di Kolej Komuniti Jerai 113
Ummi Atiqah binti Ahmad dan Noor Hayati binti Saleh

Impak Keberkesanan Kemahiran Pengurusan Ikan Air Tawar Menggunakan Modul "Cerpia" 124
Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi, Nurulizzah binti Idris dan Muhammad Muizzulihab bin Morsid.

Persepsi Pelajar Teknikal Terhadap Personaliti Pensyarah Kolej Komuniti Batu Pahat 132
Nur Arifah Muhammad dan Noorhafizah Rubaai.

Official Secret Act 1972 (ACT 88) versus Whistleblower Protection Act 2010 (ACT 711). 139
Mohd Rafiq bin Mujilan, Muhamad Azren bin Abd Aziz dan Ikmal Rashmy bin Ismail

Kajian Keberkesanan Peta Muzium Warisan Negeri Melaka Terhadap Penduduk Setempat. 153
Suriawati Binti Jusoh, Sr. Firhan Bin Salian dan Aizah Ezylin Binti Amran

Factors That Affect Excellent Achievement in the Subject of Travel and Tour Management 164
Nurul Huda Binti Awang Kalong dan Mohd Jeffry Bin Zainuddin

Teknologi Percetakan Digital Sebagai Sumber Menghasilkan Seni Kreatif Melalui Deria Artistik Menggunakan Media Campuran Konvensional Dan Tidak Konvensional. 176
Ts. Meor Saifulah Lulaed Bin Meyor Samsudin dan Muhamad Azmir Bin Ahmad

04 **Penulisan Kreatif**

It Doesn't Matter 189
Miryati binti Omar dan Raj Ali Zahid Elley

Relevan Dalam Persaingan 196
Siti Nazirah binti Mohd Paiman

Tips Wanita Berkerjaya Kekal Cantik & Sihat Di Usia 40-an 197
Norazrina Binti Ismon dan Masithah Binti Jasman

Wisdom of Forbearance 202
Miryati binti Omar Raj dan Ali Zahid Elley

Life From The View Of The Beholder 203
Farhan bin Fauzi

Kelestarian dan Kreativiti Reka Bentuk Tekstil: Eksplorasi Fabrik Denim Terbuang Melalui Teknik *Resist*

Mohamad Shukri Che Ya[1, a], Badrul Hisham Shaharin[2, b]
[1]Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual,
Politeknik Muadzam Shah,26700 Muadzam Shah, Pahang, Malaysia.
[2]Program Rekabentuk Fesyen dan Pakaian,
Kolej Komuniti Temerloh, 28400 Mentakab, Pahang, Malaysia.
[a]mohamadshukricheya@pms.edu.my, [b]badrul@kkmen.edu.my

Abstrak. Kajian ini membentangkan penerokaan mendalam tentang teknik *resist* yang digunakan pada fabrik denim terbuang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti potensi untuk mengguna semula fabrik denim terbuang dengan menganalisis pelbagai teknik *resist* yang boleh digunakan untuk mencipta reka bentuk tekstil yang unik dan lestari. Pendekatan metodologi melibatkan tinjauan literatur untuk mengenal pasti teknik *resist* yang paling relevan dan eksperimen makmal yang melibatkan penggunaan teknik *resist* pada sampel fabrik denim terbuang. Kaedah eksperimen melibatkan pemilihan sampel fabrik denim terbuang dari pelbagai sumber dan penggunaan teknik *resist* tertentu seperti batik, shibori, dan *Tie-Dye* pada sampel-sampel tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang dapat mencipta reka bentuk yang menarik dengan nilai seni yang tinggi. Selain itu, proses ini dapat memberikan sumbangan positif kepada usaha kitar semula tekstil dan pengurangan sisa. Perbincangan mendalam mengenai penemuan ini melibatkan analisis keberkesanan pelbagai teknik *resist* dan bagaimana penggunaannya boleh dioptimumkan pada skala pengeluaran. Implikasi kajian ini adalah industri tekstil dapat memanfaatkan potensi kreatif dan lestari teknik *resist* pada fabrik denim terbuang. Kajian ini membentuk asas untuk penyelidikan lanjut dalam pembangunan kaedah pengeluaran yang mesra alam dan inovatif. Kesimpulannya menekankan kepentingan pendekatan lestari dalam industri tekstil dan mencadangkan bahawa penerokaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang boleh menjadi langkah strategik ke arah membina industri yang lebih lestari.

Kata kunci: Teknik *Resist*1, Fabrik Denim Terbuang2, Denim3, Rekabentuk Tekstil4.

Pengenalan

Industri tekstil kini menghadapi cabaran serius berkaitan dengan kesan alam sekitar dan isu sisa (Shirvanimoghaddam et al., 2020; Adamkiewicz et al., 2022). Dengan peningkatan kesedaran terhadap kelestarian dan kreativiti, penyelidikan untuk mengenalpasti penyelesaian inovatif dalam menangani masalah ini menjadi sangat penting (Syed Shaharuddin et al., 2021). Dalam konteks ini, kajian ini memberi tumpuan kepada penerokaan teknik *resist* yang boleh digunakan pada fabrik denim terbuang, dengan tujuan utama mengintegrasikan kelestarian dan inovasi reka bentuk dalam industri tekstil.

Industri tekstil telah mengalami peningkatan yang ketara dalam beberapa tahun terakhir, meningkatkan kadar pengeluaran dan permintaan pengguna (Unér, 2006; Rahman, 2023). Namun,peningkatan ini juga menyebabkan peningkatan sisa tekstil dan masalah pembuangan sisa (Jin et al., 2022). Fabrik denim, sebagai komponen penting dalam industri ini, menjadi penyumbang ketara kepada krisis sisa tekstil yang berkembang (Periyasamy, 2017). Seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 1, terdapat pakaian terbuang

yang diperbuat daripada fabrik denim, dilihat di pusat kitar semula. Walaupun terdapat usaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan protokol kitar semula tekstil, terdapat keperluan mendesak untuk satu paradigma yang lebih imaginatif dan lestari untuk menyegarkan bahan-bahan yang telah tidak digunakan (Huber, 2004; Šijaković, 2015).



Rajah 1. Pakaian terbuang yang diperbuat daripada fabrik denim di pusat kitar semula.
(Sumber: Che Ya, 2014, p. 19)

Penyelidikan terdahulu dari Sandin & Peters (2018) dan Juanga-Labayen et al., (2022) cenderung untuk memberi tumpuan kepada kitar semula tekstil secara umum dan pengurangan sisa, tetapi terdapat penjelajahan yang terhad khususnya pada aplikasi teknik *resist* pada fabrik denim terbuang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan ini dengan mendalami potensi seni dan lestari untuk memanfaatkan semula fabrik denim terbuang.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji potensi teknik *resist* pada fabrik denim terbuang, menekankan kelestarian dan kreativiti reka bentuk tekstil. Dengan mengenal pasti teknik *resist* yang paling relevan dan efektif, kajian ini dijangkakan memberikan sumbangan dalam membentuk satu paradigma baru dalam pengeluaran tekstil yang lebih lestari. Dengan latar belakang dan objektif yang difokuskan, kajian ini cuba menjawab persoalan penyelidikan berikut: Apa teknik *resist* yang boleh digunakan pada fabrik denim terbuang? dan Bagaimana penggunaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang dapat menambah nilai dari segi reka bentuk dan kelestarian? Dengan menjawab persoalan penyelidikan ini, kajian ini bertujuan untuk memberikan pandangan mendalam mengenai potensi dan halangan penggunaan teknik *resist* pada fabrik denimterbuang, membuka jalan untuk inovasi dalam industri tekstil. Oleh itu, kajian ini penting dalam konteks pembangunan penyelesaian kreatif dan lestari terhadap isu sisa tekstil sambil memberikan pandangan baru tentang penggunaan semula bahan tekstil yang tidak digunakan.

Teknik *Resist* dalam Tekstil

Kajian literatur bermula dengan meneroka konsep asas teknik *resist* dalam tekstil. Teknik *resist* merujuk kepada kaedah di mana bahagian-bahagian tertentu fabrik diproses sedemikian rupa untuk mencegah atau

menolak penyerapan pewarna (Arney, 1987; Noorizan et al., 2015; Gürses et al., 2016; Hassabo et al., 2023). Beberapa teknik *resist* yang biasa melibatkan penggunaan lilin (batik),pengikatan (shibori), dan pengikatan dan pencelupan (*Tie-Dye*) (Choi et al., 2008; Belfer, 2012; Dipodiwiryo, 2023). Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa penggunaan teknik *resist* ini boleh mencipta corak dan tekstur yang unik pada fabrik, menambah dimensi seni kepada produk tekstil (Bae, 2014; Meng et al., 2023).

Penggunaan Teknik *Resist* pada Denim

Walaupun penggunaan meluas teknik *resist* pada pelbagai jenis fabrik, terdapat keperluan penting untuk penyelidikan tambahan untuk memahami sepenuhnya aplikasinya pada denim. Denim, yang mempunyai ciri-ciri serat dan ketebalan yang unik, memerlukan pendekatan khusus dalam penggunaan teknik *resist* (Che Ya, 2014; Che Ya et al., 2019; Sanchez et al., 2021). Walaupun beberapa kajian terdahulu telah mencuba menerapkan teknik-teknik ini pada denim, sifat yang rumit secara semula jadi dalam denim memerlukan penerokaan yang lebih halus. Usaha terdahulu untuk menerapkan teknik *resist* pada denim tanpa keragaman atau variasi yang mencukupi dalam teknik yang digunakan dan pemilihan bahan yang sesuai. Keperluan untuk penyelidikan dan penerokaan lanjutan ke atas aspek-aspek kritikal ini adalah penting. Pemeriksaan lebih mendalam ke atas teknik *resist* pada denim adalah penting untuk membuka potensi kreatif dan lestari terhadap bahan khas ini dalam reka bentuk tekstil.

Kelestarian dan Kreativiti

Kelestarian merujuk kepada keupayaan sistem atau proses untuk meneruskan dan membangun tanpa merosakkan alam sekitar atau sumber asli sedia ada (Perdan, 2004). Dalam konteks umum, kelestarian melibatkan pengurusan sumber dengan bijak, mengekalkan keseimbangan ekologi, dan memastikan keperluan generasi semasa dapat dipenuhi tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka (Hariram et al., 2023). Kelestarian boleh digunakan dalam pelbagai bidang, seperti ekonomi, alam sekitar dan sosial (Nikolaou & Stefanakis, 2021).

Kreativiti ialah kebolehan mencipta sesuatu yang baharu, asli dan berbeza (Runco & Pritzker, 2020). Ia melibatkan pemikiran baharu, idea segar, dan cara berfikir yang inovatif (Henriksen et al., 2020). Kreativiti bukan sahaja terhad kepada seni atau reka bentuk, malah boleh muncul dalam pelbagai bidang seperti sains, perniagaan, pendidikan, dan lain-lain (Runco & Pritzker, 2020). Keupayaan untuk melihat kaitan antara konsep yang tidak dapat dilihat oleh orang lain, berfikir di luar sempadan konvensional, dan menghasilkan penyelesaian yang unik adalah elemen utama kreativiti (Akyıldız & Çelik, 2020).

Selalunya, kaitan antara kelestarian dan kreativiti terletak pada pembangunan penyelesaian inovatif yang boleh membantu mencapai matlamat kelestarian, seperti pembangunan teknologi mesra alam atau amalan perniagaan yang lestari dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar (Souto, 2022). Penyepaduan kelestarian dan kreativiti boleh memainkan peranan penting dalam mencipta penyelesaian yang bukan sahaja memulihara sumber tetapi juga merangsang perkembangan positif dalam masyarakat dan ekonomi (Shahzad et al., 2021).

Kelestarian dan Kreativiti dalam Fabrik Denim Terbuang

Dengan kesedaran kelestarian yang semakin meningkat, industri tekstil semakin menumpukan perhatian kepada amalan pengurusan sisa tekstil yang berkesan (Fletcher, 2013; Diabat, 2014; Thompson, 2017). Antara bahan yang dijadikan sasaran untuk inisiatif kitar semula dan pengurangan sisa, fabrik denim

terbuang menjadi pilihan utama (Dissanayake et al., 2015; Rathinamoorthy, 2019). Walaupun beberapa penyelidikan telah mengakui potensi untuk memanfaatkan semula denim terbuang (Rodriguez, 2020; Eike et al., 2020), terdapat satu kekosongan yang ketara dalam penjelajahan teknik *resist* yang diterapkan pada bahan-bahan khusus ini. Dari segi kreativiti, pendekatan inovatif terhadap sisa denim boleh termasuk reka bentuk produk baharu yang diperbuat daripada sisa denim yang tidak digunakan (Tomer et al., 2023). Penggunaan teknik seni dan kraf dalam reka bentuk produk boleh mengubah bahan buangan kepada barangan yang bukan sahaja mempunyai nilai fungsi, tetapi juga nilai seni. Kajian ini berusaha untuk menangani dan mengisi kekurangan pengetahuan ini dengan menumpukan pada penggunaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang. Walaupun penyelidikan terdahulu telah meletakkan landasan untuk penggunaan semula denim, aplikasi khusus teknik *resist* untuk meningkatkan potensi kreatif dan lestari denim terbuang telah diabaikan secara relatif. Dengan meneroka kaedah yang belum dijelajahi ini, kajian ini bertujuan memberikan pandangan dan metodologi yang berharga yang boleh meningkatkan integrasi teknik *resist* ke dalam proses kitar semula dan peningkatan rekabentuk tekstil.

Kelestarian dan Kreativiti dalam Kitar Semula Tekstil

Penyelidikan dari Riemens et al., (2021), Papadopoulou et al., (2022) dan Zaman & Kusi-Sarpong, (2023) menunjukkan makna implikasi penyelidikan dengan meneliti kaitan mereka dengan isu-isu kelestarian dan kreativiti yang meluas dan kitar semula tekstil. Pertimbangan utama adalah bagaimana penggunaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang memberi impak sejajar dengan prinsip kelestarian ekologi dan ekonomi. Penjelajahan ini penting dalam penelitian terdahulu menekankan keperluan untuk pendekatan kreatif dan kelestarian untuk menangani masalah berkaitan dengan sisa tekstil. Oleh itu, kajian ini bersedia untuk memberikan sumbangan yang besar terhadap formulasi penyelesaian yang lebih komprehensif dan lestari.

Kelestarian dan kreativiti dalam kitar semula tekstil adalah tonggak penting yang membimbing industri tekstil ke arah amalan yang lebih mesra alam (Avadanei et al., 2020). Dari segi kelestarian, kitar semula tekstil mesti melibatkan pengurusan sisa yang cekap, seperti mengitar semula gentian tekstil, dan mengurangkan kesan alam sekitar dalam proses pengeluaran dan pemprosesan (Patti et al., 2020). Penggunaan bahan mentah yang lestari, seperti gentian organik atau kitar semula, juga merupakan langkah penting dalam mencapai kelestarian.

Dari segi kreativiti, amalan kitar semula boleh dicerminkan dalam reka bentuk produk yang inovatif (Sarkar et al., 2022). Pereka bentuk boleh mencipta item baharu daripada bahan terpakai atau sisa tekstil, menambah nilai dan mengurangkan keperluan untuk bahan mentah baharu (Aus et al., 2021). Inovasi dalam teknik pewarnaan yang lebih mesra alam juga merupakan sebahagian daripada usaha kreatif untuk mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Justeru itu, tinjauan literatur mengesan kekurangan yang jelas dalam ilmu pengetahuan yang sedia ada dan membina rasional untuk usaha penyelidikan. Ketiadaan maklumat yang nyata mengenai aplikasi teknik *resist* pada fabrik denim terbuang berfungsi sebagai dorongan yang kukuh untuk penyelidikan lanjutan. Dengan menjelajahi teknik *resist* secara khusus pada bahan ikonik seperti denim, kajian ini dijangka membawa perspektif baru kepada hubungan antara inovasi dan kelestarian dalam industri tekstil. Penggabungan elemen ini tidak hanya akan memajukan pemahaman pengurusan sisa tekstil, tetapi juga memberi inspirasi kepada pendekatan yang baru dan holistik untuk mendorong industri ke arah lintasan yang lebih lestari.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan yang terdiri daripada tinjauan literatur dan eksperimen makmal. Tinjauan literatur dijalankan untuk mengenal pasti teknik *resist* yang paling relevan. Seterusnya, eksperimen makmal digunakan dengan tumpuan utama untuk meneroka teknik *resist* yang boleh digunakan pada fabrik denim terbuang. Reka bentuk eksperimen makmal diambil untuk memberikan kawalan yang tepat ke atas proses aplikasi teknik *resist*. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menyiasat dan menganalisis secara sistematik kesan teknik *resist* terhadap ciri-ciri fabrik denim terbuang. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada beberapa fabrik denim terbuang yang diperoleh dari pelbagai sumber, termasuk industri tekstil dan program kitar semula tekstil tempatan. Pemilihan sampel dilakukan dengan memerhatikan variasi warna, tahap daya tahan fabrik, dan ciri-ciri lain. Ini dilakukan untuk memastikan bahawa sampel itu mewakili pelbagai jenis fabrik denim yang boleh dijumpai dalam industri dan masyarakat. Jadual 1 menunjukkan proses penyediaan bahan rawatan pada fabrik denim terpilih yang berpotensi untuk diterokai dalam eksperimen ini.

Jadual 1. Proses penyediaan bahan rawatan pada fabrik denim terpilih

Proses	Kaedah
Mengasingkan 	➢ Mengasingkan material jenis denim seperti seluar, jaket, *skirt* dan sebagainya
Merendam dan mencuci 	➢ Material jenis denim direndam dalam air panas dan sebuk pencuci bagi menghapuskan bakteria sebelum dicuci. ➢ Selepas proses rendaman, material jenis denim tersebut dicuci.
Memotong 	➢ Selepas itu pemilihan material jenis denim yang berpontensi dijalankan dengan proses menetas dan memotong bahagian yang diperlukan.

Proses meluntur dan mencuci 	➢ Proses meluntur dilakukan ke atas fabrik denim yang agak gelap untuk melunturkan warna asal denim bagi memudahkan proses aplikasi teknik-teknik *resist*. ➢ Selepas itu, fabrik direndam ke dalam cuka untuk meneutralkan balik fabrik tersebut dan seterusnya fabrik dicuci dengan sabun pencuci dan pelembut fabrik.
Pengeringan 	➢ Proses pengeringan dilakukan sebelum proses aplikasi teknik *resist* dilakukan.

Jadual 2. Teknik-teknik *resist* terpilih yang berpotensi diterokai dalam eksperimen ini.

Teknik	Prosedur
Tie-Dye 	➢ Kaedah mencorak dengan cara mencelup fabrik kedalam pewarna sebanyak beberapa kali. ➢ Corak dan reka bentuk penerapan warna dirancang terlebih dahulu. ➢ Lilin atau ikatan tersebut akan melindung warna sedia ada dari bertukar apabila dicelup kedalam warna. ➢ Proses mengikat atau melilin corak batik pada fabrik putih dan prosespewarnaan akan diulang beberapa kali dengan corak yang berlainan untuk mendapatkan corak batik yang lengkap.
Shibori (Arashi Shibori) 	➢ Kaedah pencelupan fabrik dengan corak oleh mengikat, jahitan, lipatan, memulas, memampatkan, atau menutup. ➢ Arashi shibori juga dikenali sebagai paip-susunan shibori. ➢ Fabrik yang dibalut pada penjuru di sekeliling paip. Kemudian fabriksangat ketat terikat dengan pembalut benang atas dan ke bawah. ➢ Seterusnya, fabrik kemas di ikat di paip.

Batik (Canting) 	➢ Kaedah mencorak menggunakan canting. ➢ Dalam teknik batik kebiasaannya pereka menggunakan canting untuk mencorak pada fabrik. ➢ Canting tersebut adalah menggunakan *wax* untuk menghalang warnadaripada masuk di bahagian corak.

Aplikasi teknik *resist* melibatkan beberapa peringkat, bermula dengan penyediaan bahan dan pemilihan teknik *resist* yang sesuai. Jadual 2 menunjukkan beberapa teknik terpilih yang diterokai dalam eksperimen ini termasuk batik, shibori, dan *Tie-Dye*. Setiap teknik diterapkan ke atas sampel fabrik denim terbuang menggunakan kaedah yang terperinci dalam protokol eksperimen. Eksperimen dijalankan dalam persekitaran makmal yang terkawal untuk memastikan konsistensi hasil. Rajah 2 menunjukkan proses aplikasi teknik *resist* melibatkan langkah-langkah yang ketat, termasuk penyediaan bahan rawatan, aplikasi teknik *resist*, mewarna, peringkat pengeringan, proses mematikan warna, dan mendidih fabrik untuk menghilangkan lilin dan bahan pemati warna. Setiap peringkat dipantau dengan rapat dan direkodkan untuk memastikan setiap sampel menerima rawatan yang seragam.



Rajah 2. Proses aplikasi teknik *resist*.

Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif, bergantung kepada sifat data. Analisis kualitatif akan dijalankan untuk menggambarkan ciri-ciri unik setiap teknik *resist*. Semasa proses eksperimen, penilaian terhadap implikasi kelestarian penggunaan teknik *resist* padafabrik denim terbuang juga akan dijalankan. Penilaian ini melibatkan aspek seperti penggunaan bahan kimia dan potensi untuk menggunakan semula fabrik denim dalam konteks industri yang lestari.


Hasil Dapatan



Sebelum memaparkan hasil analisis, adalah penting untuk memberikan keterangan ringkas mengenai sampel fabrik denim terbuang yang digunakan dalam kajian ini. Sampel terdiri daripada 50 keping fabrik denim terbuang dengan variasi warna, tekstur, dan tahap ketebalan. Proses pemilihan sampel dijalankan untuk melibatkan kepelbagaian yang mencerminkan keadaan fabrik denim yang biasa dijumpai dalam amalan industri dan kitar semula tekstil.

Secara keseluruhannya, kedua-dua objektif penyelidikan telah berjaya dicapai, dan persoalan penyelidikan telah dijawab dengan terperinci. Penyiasatan terhadap teknik *resist* yang digunakan dalam penghasilan reka bentuk tekstil pada pelbagai jenis fabrik denim terbuang telah memberikan hasil yang positif. Penerokaan teknik *resist* pada pelbagai jenis fabrik denim terbuang bukan sahaja mencapai objektif utama tetapi juga menghasilkan pandangan yang berharga mengenai penggunaan kreatif dan

lestari teknik *resist* dalam bidang reka bentuk tekstil, khususnya dalam konteks bahan-denim terbuang. Penutupan pencapaian ini menekankan kepentingan kajian dalam menyumbang kepada ilmu pengetahuan dan mempromosikan amalan inovatif dan lestari dalam industri tekstil.

Jadual 3. Analisis untuk hasi dapatan eksperimen untuk 15 sampel yang berpotensi untuk diketengahkan.


No	Teknik dan material	Proses	Hasil Dapatan
01	• Shibori • Arashi Shibori (ikat tanpa mengedutkan fabrik. • Denim tebal yang telah dilunturkan.	• Gulung fabrik pada batang paip dalam keadaan diagonal. • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil. • corak berbentuk geometri. 
02	• Shibori • Arashi Shibori (ikat tanpa mengedutkan fabrik. • Denim tebal yang telah dilunturkan	• Gulung fabrik pada batang paip dalam keadaan vertical • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk geometri. 

03	• Shibori • Arashi Shibori (ikat tanpa mengedutkan fabrik. • Denim tebal yang telah dilunturkan	• Gulung fabrik pada batang paip dalam keadaan *horizontal* • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk geometri. 
09	• Shibori • Arashi Shibori (ikat tanpa mengedutkan fabrik. • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Gulung fabrik pada batang paip dalam keadaan *horizontal* • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk geometri dan berselang seli. 

10	• Shibori • Arashi Shibori (ikat tanpa mengedutkan fabrik. • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Gulung fabrik pada batang paip dalam keadaan diagonal. • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk geometri dan berselang seli. 
05	• Shibori • *Wrapping Pleated* • Denim tebal yang telah dilunturkan.	• Gulung fabrik yang telah dilipat pada kayu dalam keadaan diagonal. • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk geometri dan berselang seli. 

06	• Shibori • *Wrapping Pleated* • Denim tebal yang telah dilunturkan.	• Gulung fabrik pada kayu dalam keadaan vertical • Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk garisan dan organic 
07	• *Tie-Dye* • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk organik. 

08	• *Tie-Dye* • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk organic 
11	• *Tie-Dye* • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk garisan dan organic 

12	• *Tie-Dye* • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Ikat fabrik tersebut dengan menggunakan tali raffia seperti di bawah. Pastikan ikatan diikat dengan ketat. • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, buka tali dan sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap masuk pada bahagian tali yang diikat. • Hasil ikatan tersebut terhasil corak berbentuk garisan dan organic 
10	• Batik (Canting) • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan	• Canting guna *wax* • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Beberapa tempat warna keluar dari *wax*. • Hasil cantingan tersebut terhasil corak berbentuk garisan dan geometri. 

11	• Batik (Canting) • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan.	• Canting guna *wax* • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak keluar dari *wax*. • Hasil cantingan tersebut terhasil corak berbentuk garisan. 
12	• Batik (Canting) • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan	• Canting guna *wax* • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak keluar dari *wax* • Hasil cantingan tersebut terhasil corak berbentuk geometri 

13	• Batik (Canting) • Denim sederhana tebal yang tidak dilunturkan	• Canting guna *wax* • Warna dengan menggunakan pewarna *reactive dye (remazol)*. • Setelah warna kering, sapukan *sodium silicate* bagi proses mematikan warna selama 8jam. • Selepas itu masukkan fabrik ke dalam air panas yang telah di campur dengan *soda ash*.	• Warna tidak menyerap keluar dari *wax* • Hasil cantingan tersebut terhasil corak berbentuk garisan 

Jadual 3 menunjukkan hasil eksperimen untuk 15 sampel yang berpotensi untuk ditekankan. Hasil eksperimen menunjukkan bahawa teknik *resist*, khususnya batik (canting), shibori, dan *Tie-Dye*, dapat diterapkan secara efektif pada fabrik denim terbuang. Penggunaan teknik-teknik ini menghasilkan variasi corak dan tekstur yang mencipta reka bentuk yang menarik secara visual. Pemerhatian visual terhadap sampel-sampel menunjukkan bahawa setiap teknik *resist* memberikan ciri-ciri unik kepada fabrik, selaras dengan proses aplikasinya.

Analisis kualitatif menunjukkan bahawa batik memberikan kesan *resist* yang lebih licin dan rapi, membolehkan pembentukan garisan-garisan yang jelas dan corak geometri. Sebaliknya, shibori mencipta corak geometri yang lebih organik dan berstruktur, membentuk kesan unik yang dibuat secara manual. *Tie-Dye*, dengan ciri-ciri organik dan abstraknya, menambah dimensi ekspresif dan seni kepada fabrik denim. Analisis statistik data pengukuran intensiti warna dan kejelasan corak juga mengesahkan perbezaan yang signifikan antara teknik *resist* ini.

Semasa eksperimen, penilaian kelestarian setiap teknik *resist* juga dijalankan. Hasilnya menunjukkan bahawa penggunaan teknik batik dan shibori lebih efisien berbanding dengan *Tie-Dye*. Penggunaan bahan kimia dalam proses pewarnaan *Tie-Dye* didapati lebih tinggi. Implikasinya ialah teknik *resist* seperti batik dan shibori mungkin dianggap lebih mesra alam dalam konteks aplikasinya pada fabrik denim terbuang.

Hasil eksperimen ini mengesahkan potensi besar dalam meneroka teknik *resist* pada fabrik denim terbuang untuk mencipta produk tekstil yang unik dan lestari. Kejayaan penggunaan teknik *resist* juga dapat membuka pintu kepada pembangunan reka bentuk baru yang boleh digunakan dalam skala pengeluaran. Kesimpulan dari analisis ini mengukuhkan hujah bahawa penggunaan semula fabrik denim terbuang dengan menerapkan teknik *resist* dapat memberikan sumbangan positif kepada usaha kitar

semula tekstil dan pembangunan industri yang lestari.

Perbincangan Dan Implikasi Kajian

Hasil eksperimen ini memberikan pandangan mendalam tentang aplikasi teknik *resist* pada fabrik denim terbuang. Perbincangan ini akan mempertimbangkan beberapa aspek penting yang muncul semasa analisis dan eksperimen. Sebagai contoh, teknik *resist* batik menunjukkan hasil yang licin dan rapi, membolehkan pembentukan corak yang jelas. Shibori, sebaliknya, menyajikan variasi corak yang lebih organik dan berstruktur, mencipta kesan unik yang dibuat secara manual. *Tie-Dye*, dengan ciri-ciri abstraknya, menambah dimensi ekspresif dan seni kepada fabrik denim. Analisis ini menimbulkan pertanyaan penting mengenai keutamaan pasaran, kegunaan industri, dan kecekapan pengeluaran.

Selain itu, perbezaan yang signifikan dalam penggunaan bahan kimia antara teknik *resist* menyoroti kepentingan mempertimbangkan aspek kelestarian. Walaupun teknik *Tie-Dye* menciptareka bentuk yang menarik, penggunaan bahan kimia yang lebih tinggi boleh memberi kesan kepada kelestarian ekologi. Implikasinya adalah pemilihan teknik *resist* seharusnya mempertimbangkan kesan kelestarian secara menyeluruh. Penemuan penyelidikan ini menyumbang kepada literatur dengan membangunkan pemahaman mengenai aplikasi teknik *resist*pada fabrik denim terbuang. Hasil penerokaan ini boleh dikaitkan dengan penyelidikan terdahulu mengenai kitar semula tekstil dan teknik *resist* pada bahan tekstil lain. Perbandingan ini boleh menekankan keunikan dan potensi fabrik denim sebagai medium untuk ekspresi seni melalui teknik *resist*.

Implikasi penyelidikan ini bagi industri tekstil adalah signifikan. Penggunaan semula fabrik denim terbuang melalui teknik *resist* boleh menjadi penyelesaian inovatif untuk mengurangkan pembaziran tekstil dan menambah nilai kepada produk. Kejayaan penggunaan teknik *resist*, terutama yang menunjukkan kelestarian yang lebih tinggi, dapat merangsang minat industri untuk mempertimbangkan teknik *resist* dalam amalan pengeluaran mereka. Pada peringkat ini, perbincangan juga melibatkan pengenalpastian cabaran yang dihadapi semasa penyelidikan ini, seperti had dalam variasi teknik *resist* yang diterokai. Cabaran ini memberikan asas untuk penyelidikan lanjut yang dapat memperkukuh pemahaman mengenai aplikasi teknik *resist* pada fabrik denim terbuang. Selain itu, peluang bagi penyelidikan masa depan mungkin melibatkan penerokaan lanjut mengenai pengintegrasian teknik *resist* dalam skala pengeluaran dan pembangunan reka bentuk tekstil yang lestari.

Perbincangan ini kemudian diakhiri dengan merumuskan kesimpulan utama dan implikasi praktikal penyelidikan ini. Kesimpulan merangkumi penemuan utama mengenai kejayaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang dan signifikannya dalam konteks kelestarian. Implikasi praktikal merangkumi aplikasi potensi teknik *resist* dalam industri tekstil, baik dari segi reka bentuk produk dan usaha kelestarian.

Kesimpulan

Dalam kesimpulan ini, hasil sintesis dan dapatan dari penerokaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang dijelaskan. Hasil eksperimen mengesahkan bahawa teknik *resist*, khususnya batik,shibori, dan *Tie-Dye*, dapat diterapkan secara efektif pada fabrik denim terbuang, ia menghasilkan reka bentuk yang unik dan menarik. Setiap teknik *resist* memberikan ciri visual yang berbeza kepada fabrik, ia memperkaya potensi estetik dan artistik bahan yang tidak digunakan ini.

Kesimpulan ini meliputi relevan dan sumbangan penyelidikan ini kepada pengetahuan dalam bidang

tekstil dan kelestarian. Penggunaan semula fabrik denim terbuang melalui teknik *resist* tidak hanya memberikan penyelesaian kreatif terhadap isu pembaziran tekstil, tetapi juga mencipta peluang untuk memperluas reka bentuk inovatif dan amalan pengeluaran yang lebih lestari. Sumbangan penyelidikan terletak pada perkembangan konsep penggunaan semula tekstil yang tidak digunakan melalui seni dan kelestarian. Dalam kesimpulan ini, implikasi kelestarian penggunaan teknik *resist* pada fabrik denim terbuang juga perlu ditekankan. Dengan mempertimbangkan penggunaan bahan kimia dan potensi untuk kitar semula, penyelidikan ini menunjukkan bahawa teknik *resist* tertentu, seperti batik dan shibori, mungkin lebih mesra alam berbanding dengan yang lain. Pertimbangan ini mempunyai implikasi penting untuk membuat keputusan di peringkat industri dan pembuat tekstil yang berorientasikan kepada kelestarian.

Kesimpulannya, sebagai cadangan untuk tindakan lanjut berdasarkan hasil dan dapatan penyelidikan ini. Cadangan mungkin termasuk aplikasi teknik *resist* dalam skala pengeluaran, pembangunan produk berdasarkan reka bentuk lestari, atau bahkan penyelidikan lanjut dalam bidang yang berkaitan seperti penilaian impak alam sekitar yang lebih terperinci. Selain itu, dapatan kajian ini berpotensi digunakan untuk mencipta produk reka bentuk fesyen, aksesori, dan kraf, serta produk hiasan dalaman dan seni tekstil.

Pengakuan

Para penyelidik dengan rendah hati mengucapkan terima kasih kepada sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi terutama kepada Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Muadzam Shah, dan Program Rekabentuk Fesyen dan Pakaian, Kolej Komuniti Temerloh, atas penyediaan maklumat yang diperlukan sepanjang penyelidikan ini.

Rujukan

Adamkiewicz, J., Kochańska, E., Adamkiewicz, I., & Łukasik, R. M. (2022). Greenwashing and sustainable fashion industry. *Current Opinion in Green and Sustainable Chemistry*, *38*, 100710.

Akyıldız, S. T., & Çelik, V. (2020). Thinking outside the box: Turkish EFL teachers' perceptions of creativity. *Thinking Skills and Creativity*, *36*, 100649.

Arney, S. (1987). *Malaysian batik: Creating new traditions*. Kraftangan Malaysia.Bae, J., & May, T. (2014). Creafion of surface design merging various techniques.Belfer, N. (2012). *Batik and tie dye techniques*. Courier Corporation.

Aus, R., Moora, H., Vihma, M., Unt, R., Kiisa, M., & Kapur, S. (2021). Designing for circular fashion: integrating upcycling into conventional garment manufacturing processes. *Fashion and Textiles*, *8*, 1-18.

Avadanei, M., Olaru, S., Ionescu, I., Ciobanu, L., Alexa, L., Luca, A., ... & Silva, C. (2020). ICT new tools for a sustainable textile and clothing industry. *Industria Textila*, *71*(5), 504-512.

Bhattacharjee, M., Dhar, A. K., Islam, M. M., & Rashid, M. A. (2019). Development of washing effects on reactive dyed denim fabrics: a value added approach of denim wash. *Int J Text Sci*, *8*(2), 41-48.

Che Ya, M. S. (2014). Eksperimentasi Teknik-Teknik Resist Pada Fabrik Denim Terbuang Bagi Rekaan Fesyen Pakaian. [Final Year Project Report, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)].

Che Ya, M. S., Jamaluddin, M. A. S., & Shaharuddin, R. (2019). Penggunaan Semula Jeans Terpakai Bagi Produk Kraf. *INSPIRED 1.0: 2019,* 56 – 64.

Choi, W., & Powell, N. B. (2008). The development of specialized knitted structures in the creationof *resist*-dyed fabrics and garments. *Journal of the Textile Institute*, *99*(3), 253-264.

Diabat, A., Kannan, D., & Mathiyazhagan, K. (2014). Analysis of enablers for implementation of sustainable supply chain management–A textile case. *Journal of cleaner production*, *83*, 391-403.

Dipodiwiryo, R. A. (2023). Shibotik: Inovasi Kreatif Teknik Pewarnaan Fabrik Batik (Studi Kasus Industri Kerajinan Batik Komar). *Journal of International Multidisciplinary Research*, *1*(2),862-871.

Dissanayake, G., & Sinha, P. (2015). An examination of the product development process for fashion remanufacturing. *Resources, Conservation and Recycling*, *104*, 94-102.

Eike, R., Irick, E., McKinney, E., Zhang, L., & Sanders, E. (2020). Repurposing design process. *Sustainability in the textile and apparel industries: Sustainable textiles, clothing design and repurposing*, 189-239.

Fletcher, K. (2013). *Sustainable fashion and textiles: design journeys*. Routledge.

Gürses, A., Açıkyıldız, M., Güneş, K., Gürses, M. S., Gürses, A., Açıkyıldız, M., & Gürses, M. S.(2016). Dyeing and dyeing technology. *Dyes and pigments*, 47-67.

Hariram, N. P., Mekha, K. B., Suganthan, V., & Sudhakar, K. (2023). Sustainalism: An Integrated Socio-Economic-Environmental Model to Address Sustainable Development and Sustainability. *Sustainability*, *15*(13), 10682.

Hassabo, A. G., Elmorsy, H. M., Gamal, N., Sediek, A., Saad, F., Hegazy, B. M., & Othman, H. (2023). Evaluation of various printing techniques for cotton fabrics. *Journal of Textiles, Coloration and Polymer Science*, *20*(2), 243-253.

Henriksen, D., Richardson, C., & Shack, K. (2020). Mindfulness and creativity: Implications for thinking and learning. *Thinking skills and creativity*, *37*, 100689.

Huber, J. (2004). *New technologies and environmental innovation*. Edward Elgar Publishing.

Jin, W., Dai, Z., Wang, L., Cai, F., Song, C., Liu, G., & Chen, C. (2022). Recycling different textilewastes for methane production: Morphological and microstructural changes and microbial community dynamics. *Waste Management*, *151*, 154-162.

Juanga-Labayen, J. P., Labayen, I. V., & Yuan, Q. (2022). A review on textile recycling practicesand challenges. *Textiles*, *2*(1), 174-188.

Meng, X., Yang, C., & Zhu, C. (2023). Impact of Tie-Dye Techniques on the Durability and Aesthetic Appeal of Textiles. *Fibres & Textiles in Eastern Europe*.

Nikolaou, I. E., Jones, N., & Stefanakis, A. (2021). Circular economy and sustainability: the past, the present and the future directions. *Circular Economy and Sustainability*, *1*, 1-20.

Noorizan, M. F., Ramli, I., & Nawawi, N. M. (2015). The Exploration Technique of Nature for Contemporary Batik Design. In *International Colloquium of Art and Design Education Research (i-CADER 2014)* (pp. 277-287). Springer, Singapore.

Papadopoulou, M., Papasolomou, I., & Thrassou, A. (2022). Exploring the level of sustainability awareness among consumers within the fast-fashion clothing industry: a dual business and consumer perspective. *Competitiveness Review: An International Business Journal*, *32*(3), 350-375.

Patti, A., Cicala, G., & Acierno, D. (2020). Eco-sustainability of the textile production: Waste recovery and current recycling in the composites world. *Polymers*, *13*(1), 134.

Perdan, S. (2004). Introduction to sustainable development. *Sustainable development in practice: case studies for engineers and scientists*, 1-28.

Periyasamy, A. P., Wiener, J., & Militky, J. (2017). Life-cycle assessment of denim. In *Sustainability in denim* (pp. 83-110). Woodhead Publishing.

Selain itu, sebanyak 45.5% pelajar tidak bersetuju, 36.4% lagi bersetuju dan 18.2% sangat bersetuju bahawa faktor pemilihan program pengajian adalah disebabkan adanya ibu bapa atau ahli keluarga rapat yang lain bekerja dalam bidang Fesyen dan Pakaian. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian pelajar tidak dipaksa oleh ibu bapa untuk memilih Program Fesyen dan Pakaian kerana harapan ibu/bapa/keluarga yang mahu pelajar berjaya hanya mendapat 9.1% sangat setuju. Hasil keseluruhan analisa mendapati para pelajar merasakan ibu bapa dan keluarga bukan faktor terbesar yang mempengaruhi keputusan pemilihan program Pengajian Sijil Fesyen dan Pakaian. Namun, sokongan dan dorongan keluarga terhadap pilihan yang dibuat adalah sangat penting dalam membantu kejayaan mereka kelak.

Berdasarkan Rajah 6, kebanyakan pelajar berpendapat bahawa mereka boleh bekerja di sektor swasta atau menjana pendapatan sendiri sekiranya tidak berpeluang bekerja di sektor awam sebagai salah satu sebab utama pemilihan mereka di dalam program pengajian Sijil Fesyen dan Pakaian. Ini dapat ditunjukkan berdasarkan analisis markah statistik mereka iaitu kenyataan tersebut mendapat peratus yang tinggi iaitu 90.9% berbanding daripada kenyataan-kenyataan lain yang disenaraikan. Hal ini membuktikan bahawa pelajar tidak terikat dengan sektor awam mahupun swasta. Kebanyakan pelajar sudah maklum bahawa peluang untuk mereka bekerja di dalam sektor awam dan swasta amat terhad disebabkan peluang pekerjaan yang terhad. Namun, disebabkan mereka mengetahui bahawa mereka masih berpeluang bekerja sendiri, ianya mendorong mereka untuk memilih jurusan Fesyen dan Pakaian.



Rajah 6 Taburan peratusan bagi faktor Prospek Kerjaya Selepas Tamat Pengajian

Hal ini bertepatan dengan saranan kerajaan Malaysia supaya masyarakat atau graduan TVET perlu lebih berdayasaing dalam mencipta peluang pekerjaan sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Dengan mengusahakan syarikat sendiri juga secara tidak langsung dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang lain. Maka budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan (Norfadhilah dan Halimah, 2010; Zaidatol dan Habibah, 1998; Tolbert, 1974).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar lepasan SPM memilih program pengajian Sijil Fesyen dan Pakaian. Berbanding dengan faktor-faktor lain, minat dianggap sebagai faktor utama dalam proses pemilihan bidang pengajian. Hal ini mencerminkan kesediaan para pelajar untuk melibatkan diri dalam pengajian selama 2 (dua) tahun dan memperolehi sijil sebagai asas untuk meneruskan perjalanan masa depan yang lebih baik. Keputusan ini menunjukkan bahawa minat berperanan besar dalam memotivasi pelajar untuk mengambil langkah-langkah pendidikan tertentu, menunjukkan keyakinan mereka terhadap perjalanan akademik yang mereka pilih. Menurut Ab Karim (2003), terdapat beberapa faktor pilihan kerjaya di dunia iaitu bakat, minat, kelayakan akademik dan upah yang akan diterima. Dengan minat yang tinggi, diharapkan para pelajar dapat belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam membantu kejayaan pelajar sepanjang tempoh pengajian. Sokongan ini dapat melibatkan berbagai aspek, termasuk dorongan emosional, sokongan kewangan, dan dukungan moral yang dapat memotivasi pelajar untuk mencapai matlamat akademik mereka. Sokongan keluarga yang berterusan dapat membentuk persekitaran yang positif, memberikan keyakinan dan semangat kepada pelajar untuk menghadapi cabaran pengajian. Keseluruhan, hubungan yang baik dengan keluarga juga dapat menjadi faktor penentu dalam mencapai kejayaan akademik. Hasil daripada kajian ini boleh digunakan di masa akan datang untuk mengukur pencapaian akademik mereka dengan melihat hubungkait di antara minat dan pencapaian akademik pelajar daripada populasi dan sampel yang sama.

Rujukan

Yahaya, A & Ismail, N (2011) Faktor-Faktor Pemilihan Kursus Dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pancapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan , Journal of Technical, Vocational & Engineering Education Volume 2 June 2011, Pages93-106/ISSN: 2231-7376

Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2019 . Diperolehi daripada http://www2.moe.gov.my/~lp/faq_spm.htm

Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman & Mohammad Azrul Tajuddin (2016). Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia : Satu Panduan untuk Industri (Career Selection Factors among University Students: A Guide for Industry). Jurnal Personalia Pelajar 19(2)(2016): 9

Norfadhilah, N. dan Halimah, H. (2010), Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian

Daud, M. R. (2008). Pendidikan vokasional pada perspektif pelajar orang asli di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan dalam daerah Rompin, Pahang. UTM.

Yuzainee, A. R., Fadhilah, B., & Faridah. (2011). Faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih universiti: Kajian kes. Prosiding Ist International Symposium on Condusive Learning Environment for Smart School 2011.

Othman, F. (2006). The relationships between family socioeconomic status and student achievement of mathematic in two schools at Johor Bahru district. Bachelor dissertation, Faculty of Education,Universiti Teknologi Malaysia.

Mahani, S., & Molki, A. (2011). Factors influencing female Emirati students' decision to study engineering. *Global Journal of Engineering Education, 13*(1), 26-31.

McInnis, C., James, R., & Hartley, R. (2000). *Trends in first year experience.* Evaluation and investigation program, Higher Education Division on 00 / 6. Canberra: Department of Education, Training and YouthFair

Looker, E. D., & Lowe, G. S. (2001). Post secondary access and student financial aid in Canada: Current knowledge and research gaps. Paper presented at Canadian Policy Research Networks Workshop on Post Secondary Access and Student Financial Aid, in Ottawa.

Mahyuddin, A. dan Nor, A. R. (2017), Faktor Kesediaan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Dalam Pembentukan Kerjaya, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
Mohd Effendi Jamlos (2012), Laporan projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Husein Onn Malaysia

Jurnal Personalia Pelajar 19(2) (2016): 9 – 15. Diperolehi daripada http://journalarticle.ukm.my/10888/1/Artikel-2_Mohd-Helmi-Ali_FEP.pdf

Ab Karim, A.H. (2003). Pemilihan Kerjaya Dalam Seni Reka Fesyen – Satu Tinjauan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Master.

Peranan *Smart Business Management (SBM 1.0)* Membantu Usahawan Perkhidmatan Fesyan Dan Pakaian

Mohamad Hasrol Bin Sumawan[1, a]

[1]Kolej Komuniti Pagoh, Johor, Malaysia [a]

[a] hasrol@kkpagoh.edu.my

Abstrak. *Smart Business Management (SBM 1.0)* adalah satu sistem yang yang direka khas bertujuan membantu usahawan dan perniaga mempunyai satu kaedah mengurus dan mentadbir perniagaan mereka secara bersistematik berfokuskan kepada perniagaan dalam bidang perkhidmatan khasnya fesyen dan pakaian. Sistem yang direka khas ini mampu membantu para perniaga mengurus perniagaan secara sistematik dan mudah alih, seterusnya meningkatkan kadar prestasi perniagaan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Tujuan *SMB 1.0* dihasilkan dengan berfokuskan memberi satu cara mudah serta mesra pengguna kepada usahawan dan perniaga perkhidmatan fesyen dan pakaian mempunyai satu sistem yang boleh mengawal, mengurus, merekod segala proses yang berlaku dalam proses perniagaan secara terus serta memastikan mencapai sasaran keuntungan yang ditetapkan. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo 12 manakala bagi pemerhatian adalah berdasarkan senarai semak yang dihasilkan daripada analisis dapatan temu bual bersama responden. Kajian mendapati bahawa 85% perniaga perkhidmatan fesyen dan pakaian masih mengamalkan budaya serta amalan kerja lama dengan menggunakan buku catatan serta lemah dari segi pemahaman tatacara pengurusan kerja dan rekod perniagaan yang menjadi nadi penting dalam memastikan perniagaan ini terus maju kehadapan. Kajian mendapati terdapat beberapa kelemahan seperti mengunakan buku catatan sebagai rekod perniagaan, maklumat pelangan tidak direkod dengan baik, pengeluaran resit secara manual (tulis tangan), pemantauan pengurusan perkerja dan agihan kerja yang tidak teratur, tiada slip gaji, sukar menyemak status kewangan masih diamalkan oleh pengusaha sehingga kini. Oleh yang demikan dengan bantuan *SMB 1.0* masalah ini dapat ditangani dengan berkesan.

Kata Kunci: Perniagaan; Fesyen; Pakaian; Usahawan; Perkhidmatan.

Pengenalan

Perniagaan berasaskan perkhidmatan jahitan ini telah terbukti memberikan keuntungan lumayan kepada pengusaha di Malaysia dan lain-lain Negara di dunia pada masa ini. Ini berdasarkan kepesatan pertambahan kedai dan pusat perusahaan/perkhidmatan ini terutamanya di kawasan Muar serta di Bandar-bandar utama di Negara ini. Adalah didapati, lambakan pesanan yang mereka terima sehingga menyebabkan pesanan pelanggan tidak dapat dipenuhi terutama menjelang musim perayaan. Kebanyakan permintaan dan pesanan adalah daripada golongan wanita. Namun terdapat juga permintaan di kalangan kaum lelaki dan kanak-kanak. Terdapat juga permintaan untuk membaiki pakaian yang rosak dan mengubahsuai pakaian.

Smart Business Management (SBM 1.0) adalah satu sistem yang yang direka khas bertujuan membantu usahawan dan perniaga mempunyai satu kaedah mengurus dan mentadbir perniagaan mereka secara bersistematik berfokuskan kepada perniagaan dalam bidang perkhidmatan khasnya fesyen dan pakaian. Sistem yang direka khas ini mampu membantu para perniaga mengurus perniagaan secara sistematik dan mudah alih, seterusnya meningkatkan kadar prestasi perniagaan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Tujuan *SMB 1.0* dihasilkan dengan berfokuskan memberi satu cara mudah serta mesra pengguna kepada usahawan dan perniaga perkhidmatan fesyen dan pakaian

mempunyai satu sistem yang boleh mengawal, mengurus, merekod segala proses yang berlaku dalam proses perniagaan secara terus serta memastikan mencapai sasaran keuntungan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun 89% usahawan kecil khasnya dalam sektor perkhidmtan fesyen dan pakaian tidak mempunyai kepakaran serta ilmu dalam pengurusan perniagaan secara bersistematik. Ini dibuktikan dengan kajian dan pemerhatian yang telah dibuat di buat Pusat Dagangan Arked Muar terhadap responden yang menjalan aktivti perniagaan perkhidmatan fesyen dana pakaian. Antara keistimewaan yang boleh dibantu dengan menggunakan *Smart Business Management (SBM 1.0)* dalam urusan pengurusan perniagaan adalah :

1. Diurus tadbir dengan lebih bersistematik
2. Merekod agihan tugas pekerja
3. Merekod segala aktiviti belian dan jualan
4. Mencatat Rekod Pelangan
5. Menjana Slip Gaji dengan pantas
6. Menjana Resit Belian dan Jualan dengan Pantas
7. Boleh digunakan Online dengan telefon bimbit
8. Mempunyai sistem keselamatan.
9. Menjana laporan kewangan setiap bulan.

Penguna *Smart Business Management (SBM 1.0)* akan dibekalkan dengan manual secara digital (video) yang akan dibekalkan secara link youtube, Kerana dengan pendekatan sedemikian dapat memudahkan lagi kefahaman dan kemahiran menggunakan SBM 1.0. Pengguna juga akan mendapat perkhidmatan selepas belian dengan tawaran yang berpatutan, bagi menjamin keselamatan serta sebarang kerosakan.

Isu dan Cabaran

Smart Business Management (SBM 1.0) adalah sistem mengunakan Google Sheet yang direka khas bertujuan membantu perniaga menguruskan perniagaan mereka secara bersistematik, berfokuskan kepada perniagaan dalam bidang perkhidmatan. Sistem yang direka khas ini mampu membantu para perniaga mengurus perniagaan secara digital dan mudah alih, seterusnya meningkatkan kadar prestasi perniagaan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Berdasarkan kajian dan permerhatian yang dibuat mendapati 89% usahawan kecil khasnya dalam sektor perkhidmtan fesyen dan pakaian tidak mempunyai kepakaran serta ilmu dalam pengurusan perniagaan secara bersistem.

Halangan pertama yang dihadapi oleh perniaga adalah tidak berkemampuan untuk membayar kos penyediaan sistem pengurusan perniagaan yang mahal serta keperluan aset lain. Latihan serta pendedahan tentang teknologi pengurusan perniagaan terlalu asas.

Cabaran seterusnya adalah kemahiran menggunakan komputer serta aplikasi yang terkini perlu dipelajari. Ini memastikan pengetahuan serta kebolehan seiring dengan peredaran masa. Secara umumnya pihak pengurusan perlu dilengkapi dengan pengetahuan tatacara pengurusan perniagaan yang cekap serta dilengkapi kemudahan dan proses kerja yang betul bagi menjamin perniagaan yang maju pada masa hadapan.

Metodologi

Dalam kertas kajian ini, kaedah kualitatif telah diaplikasikan bagi mengumpul data. Temu bual dan pemerhatian telah dijalankan di sekitar Bandar Diraja, Muar, Johor. Temu bual secara bersemuka dengan soalan tidak berstruktur bersama pengusaha perkhidmatan fesyen dan pakaian, Muar, telah dijalankan bersama lapan orang responden yang terdiri daripada perniaga dan pembuat pakaian tersebut. Soalan soalan berkisar tentang proses pengurusan perniagaan dibincangkan. Bagi teknik

pemerhatian pula, pemerhatian dilakukan di sekitar Banggunan Arked Muar. Melalui sesi pemerhatian responden sering terganggu dalam proses kerja dilapangan dan penyediaan dokumentasi.

Analisis Data

Data bagi sesi temu bual telah dianalisis menggunakan perisian NviVo 12 dan dikumpulkan melalui pengekodan terbuka. Pada awal proses, data tidak berkaitan dibuang dan data yang berkaitan diambil. Kemudian, proses axial terhadap data tadi dilakukan di mana data diletakkandan disatukan mengikut tema yang diinginkan. Setiap data axial dilabel ZL1, ZL2, ZL3 dan seterusnya proses pemilihan kod pada fasa terakhir. Data axial dianalisis di mana kesamaan dan perbezaan dari pandangan responden akan dipilih sebagai pendapat mutlak responden mengenai *SBM 1.0* di Muar, Johor. Seterusnya, bagi proses pemerhatian pula, pemerhatian dijalankan di dalam kawasan Banggunan Arked Muar, Johor. Satu senarai semak daripada dapatan temu bual telah dihasilkan bagi mengenal pasti dan menguatkan dapatan. Kesemua dapatan dirakam dan didokumentasikan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil daripada temu bual bersama responden dan proses pemerhatian di dalam Banggunan Arked Muar, berikut adalah isu dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha perniagaan perkhidmatan fesyen dan pakaian Muar, Johor.

Buku catatan sebagai rekod perniagaan

75% responden masih menggunakan buku catatan sebagai rujukan bagi urusan dokumetasi dan sering keculasan maklumat pembayaran sehingga memberi risiko kepada aliran tunai dan rekod jual beli yang menjadi nadi pengoperasian perniagaan. Kelemahan ini dapat dilihat apabila pengusaha tidak dapat mengikuti kemajuan teknologi masa kini dan masih dibuai dengan keselesaan budaya kerja sedia ada.

Rekod maklumat pelangan

Data rujukan maklumat pelangan merupakan perkara penting yang perlu diuruskan dengan baik dan cekap responden hanya mengunakan buku rekod pelangan dan kaedah penyimpanan adalah sangat tidak cekap. Kecuaian ini mendorong kepada kesalahan dalam proses penyediaan pakaian dan produk yang dihasilkan. Budaya kerja serta amalan sedia ada perlu diubah bagi menjamin kualiti kerja serta keuntungan mencapai tahap yang disasarkan.

Pengeluaran resit

Cetakan resit adalah penting bagi satu satu urusan jual beli. Bukti urusniaga perlu dikeluarkan oleh pihak responden sebagai bukti urusniaga telah dibuat, pengeluaran resit secara manual masih digunapakai menyebabkan kecuaian berlaku dan memberi peluang kepada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dan rekod sejarah tidak dapat dirujuk apabila diperlukan.

Pemantauan perkerja dan agihan kerja

Pengurusan perkerja dalam perniagaan adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian responden tidak mempunyai kaedah yang berkesan membantu dalam proses agihan kerja serta rekod tugasan yang telah diberikan untuk dipantau selia dalam memastikan produk dikeluarkan mematuhi tempoh ditetapkan.

Slip gaji

Pembayaran gaji adalah satu proses penting dalam urusan perniagaan cetakan bukti pembayaran gaji perlu disimpan dan diselengara dengan baik untuk rujukan pihak tertentu dan rujukan perkerja. Responden tidak mempunyai rekod pembayaran gaji rasmi serta rekod penyimpanan yang baik sukar untuk dirujuk oleh perkerja dan hanya menggunakan buku bukti serahan gaji dalam proses semasa.

Laporan kewangan

Penyata kewangan dan laporan kewangan perniagaan adalah dokumen penting dalam urusan perniagaan. Responden tidak dapat menghasilkan laporan dan penyata kewangan serta melihat keseluruhan aliran tunai yang berlaku dan membawa kepada kerugian dalam satu satu satu urusan perniagaan. Perincian kewangan perlu disediakan bagi memastikan kedudukan kewangan serta untung rugi didalam kawalan yang baik.

Kesimpulan

Setelah pemerhatian dan kajian dibuat keatas kelemahan dan kekurangan yang diperolehi maka *SBM 1.0* adalah pilihan yang mampu membantu mengatasi kelemahan ini. Pihak pengusaha perlu meningkatkan ilmu pengetahuan serta berani mencuba untuk berubah bagi memastikan perniagaan yang dibina akan terus maju kehadapan.

Rujukan

Boatler, R.W, 1992. "Worldminded Attitudes of International Division Managers". *Southwest Journal of Business and Economics,* 9 (2):22-26.

Danco, L.A., 1994. "The New Business". *Agenry Sales Magazine,* 24 (1):42- 46.Doescher, W.F., 1992. *Pioneering the New Russia.* **D** & B Reports, 40 (3):10-11.

Herron, L. & Sapienza, **H.J.,** 1992. *The Entrepreneurs and the Initiation of New Venture Lounch Activities. Entrepreneurship,* 17 (1):49-55. http://www.tourism.gov/ report/2002 la.html

Lawlis, G.F., 1971. Motivational Factors Reflecting Employment Stability. *Journal of Small Business Management.* 18(1):11-19.

Mohd Asri Hj. Abdullah, 1999. *Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Mohd Taib Ariffin & Mahmood Nazar Mohamed, 1993. Lahirkan Usahawan Berjaya Perlu Ada Strategi. *"Usahawan.* Mei-April, 20-21.

KAJIAN PENGHASILAN REKACORAK MOTIF BATIK TITIK TENGAH SEMENANJUNG

Fadilah Yurani[1,a] , Badrul Hisham Shaharin[2,b]
Kolej Komuniti Temerloh.
[1]dillaelphn@gmail.com , [2]badrul@kkmen.edu.my

Abstrak: Tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk mendokumentasikan proses teknik penghasilan rekacorak motif batik Titik Tengah Semenanjung. Batik merupakan satu hasilkraf tekstil yang mempamerkan keunikan pada motif, warna serta cara pembuatannya. Rekacorak motif batik merupakan elemen utama yang diperlukan dalam proses penghasilan batik. Titik Tengah Semenanjung merupakan gelaran yang telah diberikan kepada daerah Temerloh, Pahang memandangkan lokasinya yang berada ditengah - tengah Semenanjung Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti elemen yang boleh dijadikan inspirasi bagi menghasilkan reka corak motif serta mencadangkan pembangunan reka corak motif Titik Tengah Semenanjung sebagai motif batik yang mempunyai ciri-ciri identiti tempatan. Dapatan daripada penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa penghasilan rekacorak motif yang berasaskan sumber inspirasi alam dapat menyampaikan maksud nilai budayamelayu dan dan melambangkan sesuatutempat. Pendokumentasian penghasilan rekacorak motif batik semenanjung inimerupakan salah satu cara penyelidik memelihara motif batik titik tengah semenanjung yang telah dihasilkan serta menjadi rujukan generasi akan datang.

Kata Kunci: Kreativiti, Reka corak Motif, Batik, Titik Tengah Semenanjung

PENGENALAN

Seni Kraf terhasil melalui ilham manusia dan keseragaman alam. Batik merupakan seni kraf tekstil yang mempunyai keunikan. Keunikan Seni kraf batik boleh dilihat dari sudut reka corak motif, warna serta cara pembuatannya. Keunikan batik yang digambarkan oleh unsur alam menjadi ciri khas yang menonjol, dan ini telah menjadi salah satu faktor mengapa perkataan batik tidak diterjemahkan dalam hampir kesemua bahasa dunia.(Norlelawaty Binti Haron, 2019). Seni kraf batik dihasilkan melalui pelbagai teknik serta bentuk kreativitinya. Keindahan seni kraf batik dan keunikan estetikanya sering dikaitkan dengan konsep keindahan serta fungsi batik itu sendiri. Perkataan batik itu sendiri mencerminkan keunikan dan keindahan yang melibatkan proses pembuatan dengan penuh imaginasi dan kreativiti. Setiap motif batik memiliki cerita atau makna khusus yang sering mencerminkan nilai-nilai budaya sesuatu masyarakat. Melalui proses ini , karyawan batik mempunyai peranan yang penting dalam merealisasikan konsep estetika untuk mengungkap ekspresi serta menghasilkan produk yang bukan hanya mempunyai unsur seni, tetapi juga berfungsi sebagai pakaian atau produk kraf yang digunakan oleh masyarakat secara meluas. Penghasilan seni batik Malaysia mendapat sambutan dan diiktiraf sebagai salah satu kraftangan tempatan dan ini diiktiraf olej Majlis Kraf Dunia-Asia. Sejajar dengan konsep Malaysia, kerajaan Malaysia turut mengiktiraf batik Malaysia sebagai pakaian rasmi bagimasyarakat umum, serta mewajibkan pemakaian batik pada setiap hari khamis bagi penjawat awam.


Batik didefinisikan sebagai hasil kerja tangan tekstil yang melibatkan penggunaan lilin sebagai bahan penghalang untuk memisahkan warna pada kain. Proses ini melibatkan penutupan bahagian-bahagian tertentu dengan lilin sebelum kain dicelopkan pada warna.
Terdapat berbagai bentuk dan corak hiasan yang dihasilkan mengunakan lilin pada permukaan kain

batik. Corak -corak hiasan ini dikenali sebgai motif.

Motif atau reka corak merupakan elemen visual yang penting dalam proses penghasilanbatik. Reka Reka corak adalah susunan motif yang diulang secara tertentu atau bebas. Lazimnya motif atau reka corak dihasilkan melalui proses olahan dan perkembangan idea dari sumber inspirasi yang dilipilih. Dalam penghasilan reka corak motif pereka lazimnya mendapat inspirasi dari sumber alam flora dan flora, persekitaran, kedudukan geografi, geologi serta sumber ekonomi setempat. Dalam buku*Seni Kraf Batik Motif Dan Teknik* (2009) membicarakan hal lazimnya motif -motif dihasilkan berinspirasikan sumber alam dan dibentuk menjadi corak. Motif-motif alam semulajadi ini telah direka menjadi corak batik dengan hiasan yang ringkas dan sederhana terutamanya untuk kegunaan industri batik. Konsep pengulangan dan pengisian ruang menjadi asas untuk meningkatkan keindahan rekacorak .Rekacorak ini tidak hanya berfungsi sebagai hiasan sahaja, tetapi juga memiliki nilai simbolik dengan nama dan makna tertentu. Makna sesuatu reka corak motif pula adalah hasil interpretasi pereka berdasarkan pengamatan terhadap elemen-elemen disekitarnya..Sebagai contoh interpretasi motif yang dihasilkan sering dikaitkan dengan budaya, adat, kepercayaan, mahupun apa yang berada pada sekeliling.

Temerloh merupakan daeah yang terletak di Pahang, mempunyai keluasannya 225,086 hektar (2,251 km persegi), dengan jumlah penduduk (2009) 164,900 orang. Daerah ini ditubuhkan pada 1 Julai 1889 dengan E.A. Wise dilantik sebagai 'Pemungut dan Pengadil' pertama. Jawatan ini kemudian diubah menjadi 'Pegawai Daerah' dan W.L. Conlay menjadi Pegawai Daerah Temerloh yang pertama pada 1898. Temerloh dikenali sebagai "Titik Tengah Semenanjung," mencerminkan kedudukannya yang strategik di pusat Semenanjung Malaysia.

Daerah ini dikenali dengan gelaran "Titik Tengah Semenanjung" memandangkan lokasinya yang berada di tengah Semenanjung Malaysia. Daerah Temerloh ditadbir oleh satu pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Temerloh. Daerah ini terbahagi kepada 10 mukim yang menempatkan dua bandar, tiga pekan dan 80 kampung. 10 Mukim tersebutmerupakan mukim Kerdau, Bangau, Lebak Jenderak, ,Lipat Kajang, Sanggang , Mentakab dan Perak. Manakala Temerloh dan Mentakab merupakan bandar (Rajah 1). Lanchang. Kerdau dan Kuala Krau dikategorikan sebagai Pekan



Rajah 1

Sumber : Profile Daerah temerloh-RSN Pahang 2050 (2017)

SOROTAN KAJIAN

Dalam penghasilan reka corak motif titik tengah semenanjung penyelidik melihat dan mengambil beberapa sumber sebagai inspirasi berdasarkan pemerhatian dan data sekunder yang diperolehi. Pemilihan sumber inspirasi juga merujuk kepada sumber alamdan sumber ekonomi yang terdapat di daerah Temerloh. Inspirasi sumber alam dan sumber ekonomi ini digabungkan bagi menghasilkan satu reka corak motif yang baharu. Masyarakat melayu sering mengambil inspirasi dan panduan dari sumber alam seperti tasik ,sungai, bukit, gunung, laut , sawah padi, pohon kelapa serta elemen kosmos seperti bulan, bintang, matahari dan awan *(Arba'iyah 2021)*.Terdapat lima sumber dipilih untuk dijadikan reka corak motif iaitu Bunga Kantan dan Kuih tradisional Badak Kubang yang banyak boleh diperolehi di Pekan Sehari Temerloh di mana Pekan Sehari Temerloh merupakan lokasi popular dan terkenal untuk mendapatkan hasilsumber alam . Ikan Patin yang merupakan sumber ekonomi akuakultur di Temerloh, jugasebagai tarikan pelancong dimana Temerloh itu sendiri terkenal dengan jolokan nama bandar ikan patin. Tanaman Vanilla di Temerloh merupakan tarikan baru sektor pelancongan dimana pelancong tempatan dan luar dapat melihat sendiri tanaman vanillaserta merasai keenakkan aiskrim vanilla yang segar dari ladang. Selain itu sungai-sungaidan batu-batu sungai yang menyusuri kawasan-kawasan termerloh juga dipilih sebagai inspirasi penghasilan motif reka corak titk tengah semenanjung.

Bunga Kantan

Etlingera Elatior atau lebih dikenali sebagai Bunga Kantan merupakan tanaman herba yang memiliki khasiat saintifik dan digunakan dalam pelbagai bidang seperti bidang masakan untuk memberikan aroma dan rasa yang unik. Ia juga digunakan dalam bidang perubatan sebagai agen anti bakteria serta dalam bidang gubahan bunga *(S.Y Choon & P.Ding, 2016)*. Di Malaysia Pokok Kantan banyak ditanam di negeri Perak, Pahang, Johor, Selangor dan Kelantan dengan keluasan tanah sekitar 156 hektar CHE bagi tujuan komersial (*Sumber Booklet Statistik Keluasan Tanaman Makanan, Jabatan Pertanian 2021*). Di Temerloh, bunga kantan banyak dijual di merata tempat terutamanyadi Pasar Pekan Sehari Temerloh. Ia merupakan salah satu sumber pertanian yang dijualdi Pekan Sehari Temerloh bersama sumber alam yang lain. Penyelidik memilih bunga kantan sebagai sumber inspirasi bagi tujuan penghasilan motif di titk tengah semenanjung kerana bunga kantan mempunyai kelebihan dan keunikkan rekabentuknya.Bunga kantan yang kembang sangat cantik dan mempunyai kelopak yang banyak serta tersusun rapi. Setiap jambak mencapai 240 hingga 345 kuntum bunga yang tersusun melingkari jambak bunga. Bersesuaian dengan kajian, pemilihan dan kegunaan motif dalam penghasilan rekacorak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keunikan yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan yang memikat perhatian dan mudah didapati *(Hussin, Haziyah ,2000)*. Flora atau tumbuh-tumbuhan sebenarnya mudah dilihat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa (*Haziyah Hussin, 2006)*.

Tanaman Vanilla

Tanaman Vanilla (*Vanillia paniflora)* atau (*Vanili fragrans)* adalah tumbuhan keluarga sejenis orkid yang berasal dari Mexico dan banyak ditanam dikawasan tropika. Tanamanini berpotensi di tanam di Malaysia kerana kedudukan geografi yang terletak di garisan khatulistiwa Di negeri Pahang, tanaman ini terdapat di Kampung Bangau Parit Temerlohdi mana pengusaha tanaman ini merupakan pengusaha ketiga di negara Malaysia selaindi daerah Jerantut dan negeri Sabah. Dengan adanya tanaman vanilla di temerloh, tempat ini menjadi tarikan pelancong yang datang ke temerloh untuk melihat sendiri pokok yang menghasilkan buah vanilla selain dapat menikmati ais krim vanilla dan aktiviti-aktiviti lain di tempat ini. Tanaman ini merupakan rempah kedua termahal di dunia dengan harga hampir RM2,000 sekilogram *(Ketahui segala tentang vanilla di Temerloh-Kosmo, 21 Julai 2023).* Beberapa negara di Asia Barat, seperti Singapura, United Kindom dan Jerman telah menerima tanaman eksport dari Temerloh ini untuk dijadikan rempah ratus.*(Vanilla terbang keserata dunia- Berita Harian 24 September 2017).* Bagi tanaman vanilla ini, penyelidik memilih bunga Vanilla sebagai inspirasi bagi penghasilan motif titik tengah memandangan bungalebih mempunyai kecantikan tersendiri untuk di mujaradkan rekabentuknya berbanding buahnya.

Sungai Pahang

Menurut Muhammad Haji Salleh (2006) masyarakat Melayu sudah sebati dengan kehidupan di dalam ‘ruang alam’, seperti yang sering didengar, contohnya di tepi pantai, di seberang sungai, di hutan ,di lembah, di pinggir paya dan sebagainya. Sungai merupakan suatu khazanah yang sangat berharga dan bernilai dalam kehidupan, terutamanya bagi manusia. Selain menyediakan sumber air bersih , sungai juga memiliki kepentingan dalam sektor perindustrian,pengangkutan, rekreasi ,perikanan, pelancongan dan juga sebagai penjanaan tenaga *(Mohd Khairul Amri 2015).* Sungai Pahang yang merupakan sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia iaitu sepanjang 459km. Sungai itu berhulu di pertemuan Sungai Jelai dan Sungai Tembeling dan mengalir hingga ke Laut China Selatan. Antara bandar di sepanjang sungai ini ialah Jerantut, Temerloh, Maran, Bera dan Pekan. Di daerah temerloh sahaja mempunyai sebanyak 137 anak sungai sepanjang 752.2 km (*sumber: Warta Kerajaan Negeri Pahang 1996).* Penduduk tempatan Temerloh bergantung kepada sungai-sungaiini sebagai sumber pendapatan mereka. Sehubungan itu, penyelidik telah memilihelemen yang terdapat pada sungai serta batu-batu sungai ini sebagai sumber inspirasi secara visual bagi proses penghasilan reka corak motif titik tengah memandangkan sungai-sungai di temerloh ini merupakan medium sumber eonomi penduduk tempatan terutamanya bagi aktiviti akuakultur penternakan ikan patin sangkar. Dalam usaha untuk mencari rezeki, masyarakat perlu memahami setiap ruang alam di sekeliling mereka dan mengenal selok-belok kawasan dengan baik. Keakraban antara manusia dan alam menjadi nilai penting dalam proses ini. (Arba’iyah Ab. Aziz 2021)

Ikan Patin

Daerah Temerloh di Pahang mempunyai keluasan daerah sebanyak 2,251kilometer persegi dengan ketinggian 163 kaki di atas aras laut pada kedudukan 3°27' U dan 102°26'T. Terkenal sebagai kawasan aliran air sungai Pahang yang terpanjang di Semenanjung Malaysia. Temerloh juga terkenal sebagai "Bandar Ikan Patin" kerana menjadi pusat aktiviti akuakultur.(Azimah & Nornadhirah 2022).

Universiti Putra Malaysia (UPM) pernah menerima peruntukan sebanyak RM182,000.00 daripada Kementerian Pengajian Tinggi bagi menjalankan kajian mengenai keistimewaan dan variasi beberapa produk hiliran daripada ikan patin di daerah temerloh.*(Bernama 2012).* Ini menunjukkan bahawa sosioekonomi akuakultur ikan patin di daerahTemerloh mendapat sambutan dan merupakan aktiviti yang berpotensi sebagai pemangkin ekonomi komuniti tempatan.

Di Temerloh ikan patin terkenal dengan masakan gulai tempoyak. Masyarakat umum melihat ikan patin sebagai hidangan lauk dan sumber protein. Namun ikan patin juga turutmengandungi zat-zat lain seperti kalsium, zat besi, fosforus, dan vtamin A, C dan B. Ikanpatin juga tergolong dalam kategori ikan berlamak iaitu ikan yang tinggi dengan kandungan asid lemak Omaga 3 yang baik untu perkembangan otak dan kesihatan jantung.Penyelidik memilih ikan patin sebagai inspirasi dalam perkembangan idea rekacorak motif titik tengah kerana ikan patin begitu terkenal dan aktiviti akuakultur ini berada di daerah temerloh, yang merupakan kawasan titik tengah semenanjung.

Kuih Badak Kubang

Bentuk kuih-kuih tradisional Malaysia banyak dipengaruhi oleh motif flora. Sama ada motif yang terhasil daripada acuan kuih tersebut atau daripada hasil tanganpenyediaannya. Jenis-jenis flora yang menjadi rujukan motif pada kuih-kuih tradisional ialah daripada tumbuh-tumbuhan yang ada di kawasan geografi dan iklim yang sama, serta dekat dengan budaya Melayu itu sendiri. Kebanyakannya tumbuh atau ditanam dikawasan rumah. (Hishamudin Isam 2021)

Kuih Badak Kubang merupakan salah satu dari 3 jenis kuih tradisioanal negeri Pahang selain kuih kuih pepena dan dodol kukus. Tiga jenis kuih warisan ini digelar kuih tiga beradik kerana persamaan bahan utama dalam pembuatnnya iaitu tepung pulut dan santan pekat. . Kuih Badak Kubang ini menggunakan tepung pulut dan beras pulut hitamyang diadun dan dibentuk menjadi bulat. Di dalamnya ada inti kelapa. Dimakan bersamakuah lemak masin yang dibuat menggunakan campuran tepung gandum, santan dan garam. Kombinasi rasa bahan- bahan ini memang dapat membangkitkan selera. Kuih ini hadir dalam bentuk bulatan dan menggunakan daun pisang sebagai alas. Penyelidik memilih kuih badak Kubang sebagai inspirasi dalam penghasilan rekacorak motif titik tengah kerana makanan ini merupakan makanan tradisi negeri Pahang dan juga banyakdijual di Pasar Sehari Temerloh yang merupakan pasar yang terpanjang di Malaysia danpopular sejak tahun 1800an diwujudkan sehingga kini.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan dan rekabentuk pembangunan model ADDIE digunakan bagi menghasilkanreka corak motif titik tengah semnanjung. Terdapat lima fasa atau aliran yang digariskandalam model ADDIE iaitu (i) analisis (ii) rekabentuk (design), (iii) pembangunan (development), (iv) pelaksanaan (implementation) dan (v) penilaian (evaluation). Fasa dan aliran model ADDIE ini bersesuaian dalam kontek penghasilan reka corak motif yang baharu. Namun, dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan tiga fasa sahaja sejajar dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Fasa analisis dalam kajian ini adalah penelitian melalui bahan bacaan dilakukan bagi mendapatkan bahan dan maklumat secara terperinci berkaitan dengan kajian menerusi bahan bercetak seperti buku ilmah, laporan akhbar online, fotografi, tesis, jurnal serta laman web rasmi. Semua data yang diperolehi dianalisis berdasarkan kesesuaian elemendan prinsip rekabentuk

Manakala fasa rekabentuk dibangunkan menggunakan elemen dan prinsip rekabentuk dalam konteks pembelajaran seni visual yang berasaskan dari teori Gestalt. Teori Gestaltberasal yang dari Jerman membahaskan tentang persepsi. Kajian dari ahli gestalt menyatakan bahawa proses kognitif memainkan peranan penting dalam pembentukan persepsi yang diterima melaui penglihatan (Pettersson, 2016). Teori Gestalt menekankan keseluruhan daripada sebahagian. Di mana, melihat sesuatu objek secara holistik . Ini melibatkan proses kognatif iaitu pemikiran beralih dari pemahaman setiap komponan dalam membentuk makna keseluruhan dari pandangan. Hukum-hukum dalam teori gestalt seperti hukum persamaan (*similarity*) menyatakan bahawa konsep hukum persamaan adalah lebih mudah untuk difahami. Individu cenderung untuk mengklasifikasikan rangsangan yang serupa ke dalam kategori yang sama berdasarkan persamaan tersebut.

Bentuk dari alam semulajadi yang dijadikan inspirasi penghasilan reka corak amat bersesuaian dengan hukum persamaan dalam teori Gestalt. Selain hukum persamaan, hukum ciri-ciri bahagian (*membership character*) juga ditekankan dalam teori ini . Di dalam hukum ini, individu cenderung mentafsir sesuatu berdasarkan pandangan keseluruhan terhadap objek tersebut dan bukan mentafsir setiap bahagian secara terpisah . Dalam konteks pembelajaran seni visual, teori gestalt tidak hanya fokus pada karya atau produk akhir tetapi juga memberi penekanan yang tinggi ke atas proses penghasilan produk itu sendiri.

Seterusnya fasa pembangunan, rekacorak motif batik melibatkan dua elemen utama iaitu motif dan pengertiannya. Motif atau rekacorak batik adalah imej visual yangdinilai secara formalistik yang meliputi elemen dan prinsip rekaan seperti garisan, rupa,bentuk, tona, ruang, komposisi, perspektif dan warna. Gabungan elemen dan prinsip rekaan ini menjadi panduan formalistik untuk mencipta rekacorak atau rekabentuk motif. Penghasilan sesebuah karya kreatif yang melibatkan susun atur atau komposisi akan mengandungi elemen dan prinsip rekaan. Individu yang memahami elemen dan prinsrp rekaan mampu menganalisis hasil seni dengan lebih efektif. (Zamrudin Sabzali Musa Khan, Siti Rohaya Yahaya, Mohammad Radzi Manap, 2019).


Manakala pengertian sesuatu rekacorak pula adalah interpretasi yang dibuat oleh seseorang pereka berdasarkan pandangan sebagaimana hukum teori gestalt. Ini bermaksud pemerhatian terhadap motif atau rekacorak tidak hanya terbatas pada elemen dan prinsip rekaan tetapi meliputi persepsi dan interpretasi holistik terhadap keseluruhan rekacorak.


Berdasarkan analisis kandungan yang dijalankan, proses penghasilan rekacorak motif titik tengah yang dicadangkan adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti sumber yang boleh dijadikan inspirasi rekacorak motif Titik Tengah Semenanjung.
2. Menghasilkan lakaran dan perkembangan idea bagi mendapatkan rekacorakmotif. Sumber inspirasi yang dikenalpasti akan melalui fasa perkembangan idea yang meliputi proses diubah suai (*modification*), digayakan (*stylization*) serta dipermudahkan (*simplify*). Inspirasi yang dipilih adalah sumber rujukan utama bagi idea-idea baru.
3. Aplikasi Teori dan model penghasilan Rekabentuk Motif Model ADDIE digunakan seperti fasa ii (rekabentuk/design) dan fasa iii (pembangunan/development). Selain itu teori gestalt digunakan sebagai pandauan menjana idea
4. Pendokumentasian karya akhir ini sebagai portfolio rekaan yang merangkumi lakaran dan perkembangan idea rekacorak motif serta cadangan rekabentuk karyaakhir.

Jadual 1 adalah cadangan kepada pembangunan rekacorak motif Titik Tengah Semenanjung. Lima eleman sumber inspirasi seperti Bunga Kantan, Bunga Vanilla, KuihBadak Kubang, Ikan Patin dan Sungai dan batu-batu sungai Pahang digabungkan dengan eleman dan prinsip dalam seni seperti garisan, rupa, bentuk, ruang, keseimbangan dan komposisi telah diilhamkan menjadi rekacorak motif.

Jadual 1 : Cadangan Pembangunan rekacorak motif

Bil	Subjek Inspirasi	Cadangan Motif
1.	Bunga Kantan	
		
2.	Bunga Vanilla	
		

Bil	Subjek Inspirasi	Cadangan Motif
3.	Ikan Patin	
		
4.	Batu & Sungai Temerloh	
		
5.	Kuih Badak Kubang	
		


DAPATAN KAJIAN

Dapatan yang diperolehi telah dianalisis serta penghasilan rekacorak motif batik sebagaikarya akhir dihasilkan berpandukan beberapa aspek seperti sumber motif, jenis motif, rekabentuk dan warna dari elemen sumber alam yang telah dipilih. Elemen visual yangbanyak digunakan dalam penghasilan motif batik ini berasaskan bentuk organik dari sumber seperti Bunga Kantan, Bunga Vanilla, Kuih Badak Kubang, Ikan Patin dan SungaiPahang.

Karya akhir rekacorak motif ini akan dicadangkan dan digunakan sebagai rekacorak motifbatik Titik Tengah Semenanjung yang membawa simbolik tradisi masyarakat Temerloh. Karya akhir ini juga diekstrak kepada dua bahagian iaitu karya akhir rekacorak motif batikblok / terap dan karya akhir rekacorak motif batik lukis.


Karya Akhir Rekacorak Motif Batik Blok / Terap

Rekacorak Motif 1



Motif ini mempunyai 10 lingkaran bulat yang melambangkan 10 mukim yang terdapat di daerah Temerloh. Kombinasi motif bunga vanilla, ikan patin, sungai dan kuih badak Kubang yang telah dihasilkan mengunakan elemen rupa disusun secara simetri bagi mendapatkan kesan yang lebih stabil dalam prinsip rekaan. Elemen garisan nipis dan tebal digunakan sebagai *outline* lebih bersifat tegas dan mampu memberi tumpuan padapemerhatian tampak.

Rekacorak motif 2



Rekacorak motif ini mempunyai 10 lingkaran bulat yang melambangkan 10 mukim yang terdapat di daerah Temerloh. Kombinasi dari cadangan motif berinspirasikan bunga kantan, ikan patin, kuih badak kubang serta batu-batu sungai disusun secara harmoni dengan pengulangan ritma unsur seni yang sesuai dan seimbang. Motif rekacorakyang menggunakan prinsip rekaan harmoni ini lebih bersifat tenang dan damai. Selain gabungan dari elemen rekaan seperti garisan, rupa dan bentuk.

Rekacorak motif 3




Rekacorak motif 3 juga mempunyai 10 lingkaran bulatan sebagai asas rekabentuk yangmenunjukkan terdapat 10 mukim di daerah Temerloh. Kombinasi motif seperi bunga kantan, bunga vanilla diaplikasikan dan disusun secara imbangan simetri pada garisan lingkaran bulatan yang lebih besar. Manakala susunan motif ikan patin juga secara simetri disusun pada garisan lingkaran bulatan lebih kecil. Rekacorak motif ini menggunakan elemen rekabentuk seperti ruang yang dikosongkan pada beberapagarisan lingkaran supaya reka bentuk yang dihasilkan tidak bersifat penuh dan bernafas. Elemen seperti garian nipis dan tebal digunakan untuk menampakkan prinsip penegasan dalam rekabentuk yang mampu memberikan gaya tumpuan yang lebih terhadap unsur seni yang ditonjolkan.

Karya Akhir Rekacorak Motif Batik Lukis

Cadangan karya akhir bagi rekacorak motif batik lukis adalah lebih berfokus kepada motifinspirasi yang dipilih. Idea penghasilan rekacorak lebih menitikberatkan hasil yang lebih ringkas berbanding rekacorak batik blok/terap yang lebih padat. Ini kerana batik lukis menggunakan canting sebagai medium utama untuk melukis dan melakar di atas kain. Penghasilan batik lukis melibatkan proses yang lebih kompleks dan memerlukan masa yang lebih lama berbanding batik blok/terap.

REKACORAK MOTIF BATIK LUKIS	
	
Rekacorak motif 1 - Ikan Patin	

	
Rekacorak motif 2 - Kuih badak Kubang	
	
Rekacorak motif 3- Sungai & Batu Sungai	
	
Rekacorak Motif 4- Bunga Kantan	**Rekacorak motif 5- Bunga Vanilla**

Rumusan

Kraftangan berunsurkan batik merupakan seni warisan yang mempunyai nilai-nilai keindahan yang berkaitrapat dengan kehidupan masyarakat melayu. Keindahan rekacorak motif batik banyak dipengaruhi oleh sumber alam dan disokong oleh elemen dan prinsip rekabentuk bagi membantu menghasilkan visual yang lebih menarik. Dapatandaripada penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa penghasilan rekacorak motif yang berasaskan sumber inspirasi alam dapat menyampaikan maksud nilai budaya melayu dan dan melambangkan sesuatu tempat.

Secara kesimpulannya kajian ini mengkaji, mengenalpasti dan menghasilkan motif untukdigunakan sebagai motif batik Titik Tengah Semenanjung. Kecemerlangan seorang pereka batik apabila ia berupaya mencipta, memproses dan menampilkan ciptaan itu menjadi produk akhir batik. Tujuan utama adalah untuk menambah dan memperkasakan ragam hias yang beridentitikan titik tegah semenanjung sebagai salah satu motif reka corak seni batik. Diharapkan melalui penyelidikan ini, perkongsian maklumat dan informasi motif batik Titik Tengah Semenanjung dapat menyemarakkan lagi karya-karyadari pengusaha batik yang produktif di negara ini.

Rujukan

Arba'iyah Ab. Aziz (August 2021). *Konsep Mimesis Dalam Seni Melayu*. International Journal of Art & Design, Volume 5,(2), Pg. 44-56

Amin Ridzuan Ishak (2017). Vanilla. http://animhosnan.blogspot.com/2011/01/vanilla.html

Azimah Abd Rahman, Nornadhirah Abdul Khalib (2022).*Penglibatan Komuniti Tempatan Dalam aktiviti Ternakan Ikan Dalam Sangkar Sekitar Kawasan Temerloh Pahang*.Journal Of Social Science Transformation. Special Issue: Vol. 19. No.2 (2022) 160-184. ISSN: 1823-884x

Hishamudin Isam, Muhammad Amir Izzat And Aziz, Abdonloh Khreeda, Jati Widago (2021)*Budaya Serumpun Dalam Penghasilan Kuih Tradisional melayu Malaysia, Indonesia dan Thailand*. JMS Vol 4 Issue 1

Haziyah Hussin(2006). *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*. Kuala Lumpur: PenerbitDewan Bahasa dan Pustaka

Hussin, Haziyah (2000). *Pengaruh Alam Semulajadi Tempatan Dalam Reka Motif TekstilMelayu Kelantan*. PhD Thesis, Universiti Putera Malaysia

Juhari Azmi, Zurainah Umor, Mohd Sakri Ismail, Kamariah Abdullah, Nora Ali, NormaziahKamaruzaman (2009). *Seni Kraf Batik Motif & Teknik*. Institut Kraf Negara

Mohd Khairul Amri Kamarudin, Mohd Ekhwan Toriman, Nur Hishaam Sulaiman , Frankie Marcus Ata , Muhammad Barzani Gasim , Asyaari Muhamad, Wan Adi Yusoff , Mazlin Mokhtar ,Mohammad Azizi Amran , Nor Azlina Abd Aziz (2015) *Klasifikasi Sungai Tropika MenggunakanTeknik Kemometrik: Kajian Kes Di Sungai Pahang, Malaysia*. Malaysian Journal Of Analytical Sciences, Vol 19 No 5

Muhammad Haji Salleh (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Mustafa

Norlelawaty Binti Haron, Nik Hassan Shuhaimi Bin Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Bin Ramli, Hasnira Binti Hassan, Ros Mahwati Binti Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Bin Abdul Wahab, Salina Binti Abdul Manan & Mohd Syafiq Ali (2019) . *Kajian Terhadap Penggunaan bahan, Teknikdan Pembuatan Motif Pada Blok Batik* . Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, SejarahDan Budaya Di Alam Melayu Pkt

Pettersson, R. (2016). *Information Design Theories*. Journal of Visual Literacy, 33(1), 1–96. https://doi.org/10.1080/23796529.2014.11674713

S.Y.Choon & P.Ding (2016) *Groth Stage of Torch Ginger plant*. Universiti Putra Malaysia

Yakin, H. S. M., & Totu, A. (2014). *The Semiotic Perspectives of Peirce and Saussure: A BriefComparative Study*. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 155(October), 4–8. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.247

Zamrudin Abdullah, Sabzali Musa Khan, siti Rohaya Yahya, Mohd Radzi Manap (2019). *Ciri-cirikeindahan dalam penghasilan rekaan batik kontemporari berinspirasikan motif abstrak* .Jurnal Jrnal Pengajian Melayu jilid 30

Keberkesanan Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Pagoh: Keperluan dan Kehendak Pasaran

Normah binti Ishak[1, a], Khairul Anuar bin Muhamad[2, b] Nor Idayu Shafiza binti Mohamad Najib[3, c]

Kolej Komuniti Pagoh, Johor, Malaysia

[a]normah.ishak@kkpagoh.edu.my, [b]khairul.muhamad@kkpagoh.edu.my, [c]idayu@kkpagoh.edu.my

Abstrak. Kajian ini dijalankan bagi melihat dan mengenalpasti keberkesanan Program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Pagoh bersesuaian dengan keperluan semasa dan kehendak pasaran. Kaedah kuantitatif telah diaplikasikan bagi mengumpul data. Sampel kajian berbentuk soal selidik telah diedarkan di kalangan 24 buah industri yang pernah dan sedang mempunyai pelajar Kolej Komuniti Pagoh yang menjalankan Latihan Industri di syarikat mereka dan kesemua soal selidik tersebut telah dikembalikan. Soal selidik terbahagi 3 bahagian iaitu kandungan program dan kesesuaian dengan keperluan organisasi, peluang kerjaya dan lain-lain. Terdapat 3 soalan dari bahagian 1, 3 soalan dari bahagian 2 dan 3 soalan dari bahagian 3. Perincian data dapatan soalselidik ini akan dipaparkan terperinci dalam bentuk graf bar manakala ianya dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistic 27. Keputusan analisis ini membuktikan bahawa program pengajian Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Pagoh telah menunjukkan program ini mempunyai permintaan industri dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga kerja negara.

Kata kunci: Program Fesyen dan Pakaian; Pelajar Kolej Komuniti Pagoh; Industri Fesyen dan Pakaian.

1. Pengenalan

Sesebuah negara perlu mengekalkan kemampanan ekonomi bagi memastikan segala perancangan yang dilakukan dalam membangunkan infrastruktur, modal insan dan kebajikan rakyat berjalan lancar. Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan sesebuah negara itu mempunyai ketersediaan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran tinggi. Jika dahulu ekonomi Malaysia yang berteraskan kepada pertanian dan tidak menitik beratkan pembangunan modal insan telah berubah kini dan beralih kepada sektor ekonomi yang berorientasikan kepada bidang pengetahuan, teknologi dan inovasi (UPEN, 2015).

Perancangan pembangunan TVET sebenarnya telah dimplementasi sejak Rancangan Malaysia ke 10 (2011 hingga 2015) di mana kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah penambahbaikan pasaran buruh dan transformasi sistem pendidikan. Sepanjang Rancangan Malaysia ke 10, kerajaan telah berjaya mewujudkan 1.8 juta pekerjaan baharu yang ditawarkan dan mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia daripada 3.3% pada tahun 2015 kepada 2.9% pada tahun 2015. Selain itu pengenalan gaji minimum telah membantu 1.9 juta pekerja yang menerima gaji bulanan. Hal ini dapat membantu meningkat ekonomi purata pendapatan berkapita rakyat Malaysia dan dalam masa sama penjanaan ekonomi negara dapat ditingkatkan.

Antara inisiatif kerajaan pada Rancangan Malaysia ke 10 adalah menyediakan peluang kepada rakyat untuk menceburi dalam bidang TVET. Peningkatan enrolmen pada semua peringkat bermula dari prasekolah dan *tertiary* berlaku sepanjang Rancangan Malaysia ke 10. Mengikut statistik dalam sorotan Rancangan Malaysia ke 10 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 2015, enrolmen pelajar yang mengikuti Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) di Malaysia telah meningkat daripada 113000 orang pada tahun 2010 kepada 164000 orang pada 2013. Selain itu pengenalan dasar-asar baru dalam pendidikan seperti pelan pembangunan Pendidikan Malayisa 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi) dan Talent Roadmap 2020 telah menjadikan dan menjanjikan transformasi kepada ekosistem pembangunan modal insan.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2015 telah merancang dan menetapkan empat bidang fokus dalam memenuhi aspirasi negara iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh, mentranformasi program berunsur TVET bagi memenuhi kehendak dan keperluan industri, memperkukuh dan memperkasa pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkat kemahiran dan menambah kualiti sistem pendidikan yang mementingkan dapatan atau hasil dari peningkatan pelajar dan kecemerlangan institusi. Dalam Rancangan Malaysia ke 11, penambahan 1.5 juta peluang pekerjaan telah dicapai pada rahun 2020 dengan bersasarkan kepada penambahbaikan kepada ekonomi yang berorientasikan kepada produktiviti buruh dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah.

Oleh yang demikian, inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan dalam meningkatkan kemahiran TVET adalah amat baik dan dapat menjana dan meningkatkan taraf sosioekonomi semua rakyat Malaysia. Sokongan dari rakyat juga diperlukan bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan dalam masa memastikan semua rakyat mendapat faedah daripada hal ini

2. Metodologi

Di dalam kajian ini, kaedah kuantitatif telah diaplikasikan bagi mengumpul data. Tiga bahagian soal selidik telah diedarkan di kalangan 24 majikan yang pernah dan sedang mempunyai pelajar Kolej Komuniti Pagoh yang melakukan Latihan Industri di syarikat mereka. Kesemua soal selidik tersebut telah dikembalikan. Soalan-soalan kaji selidik tersebut berkisarkan tentang pasaran kerja mengenai program Sijil Fesyen dan Pakaian yang ditawarkan di Kolej Komuniti Pagoh. Dapatan daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistic 27.

3. Analisis Dapatan Kajian


Analisis dapatan kajian terhadap industri/majikan terdapat 3 bahagian iaitu kandungan program dan kesesuaian dengan keperluan organisasi, peluang kerjaya dan lain-lain isu berkaitan menunjukkan keputusan seperti berikut:

Bahagian I: Kandungan Program Dan Kesesuaian Dengan Keperluan Organisasi

i. Adakah program yang ditawarkan sesuai dalam keadaan semasa?

Aspek kesesuaian dalam keadaan	**Respons (%)**
Ya	23 (95.8%)
Tidak	1 (4.2%)

Jadual 1




Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1 di atas, dapatan menunjukkan bahawa 95.8% responden atau industri bersetuju program Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti Pagoh yang ditawarkan sesuai dalam keadaan semasa. Hanya 1 responden yang menyatakan tidak sesuai dengan tempoh latihan yang sedia ada.

ii. Nyatakan jenis organisasi / industri anda:

Jenis Organisasi	Respones
Organisasi/ industri milik tempatan	24 (100%)
Organisasi/ industri milik asing	0 (0%)

Jadual 2




Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2 di atas, dapatan menunjukkan bahawa 100% responden terdiri daripada industri milik tempatan dan 0% industri milik asing.

iii. Adakah program yang dicadangkan memenuhi asas-asas teori dan praktikal dalam bidang berkenaan?

Aspek Kajian	Response (%)
Memenuhi sepenuhnya	21(87.5%)
Memenuhi sebahagian	3(12.5%)
Tidak memenuhi langsung	0

Jadual 3



Rajah 3


Rajah 3 adalah dapatan untuk menunjukkan bahawa 87.5% responden bersetuju bahawa program Sijil Fesyen Dan Pakaian yang dijalankan memenuhi asas-asas teori dan praktikal dalam bidang yang ditawarkan.

Bahagian II: Peluang Kerjaya

i. Berapa banyak jawatan yang sesuai diisi dalam organisasi anda oleh graduan program ini?

Aspek kajian	Respon Tawaran
1-3 Jawatan	24 (100%)
4-6 Jawatan	0
7-9 Jawatan	0

Jadual 4




Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan dapatan jumlah jawatan yang bakal ditawarkan oleh majikan kepada para praduan lulusan Sijil Fesyen Dan Pakaian Kolej Komuniti Pagoh bagi mengisi bilangan jawatan tersebut.

ii. Apakah pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan ini?

Aspek Kajian Dalam Tawaran Pendapatan	Response
RM2001 – RM2500	0
RM1501 – RM2000	1 (4.2%)
RM1001 - RM1500	10 (41.7%)
Kurang RM1000	6 (25%)
Lain-lain	7 (29.2%)

Jadual 5




Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan dapatan jumlah pendapatan yang bakal ditawarkan oleh majikan kepada para praduan lulusan Sijil Fesyen Dan Pakaian Kolej Komuniti Pagoh sekiranya berjaya mengisi jawatan tersebut.

iii. Adakah program ini sesuai untuk dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi?

Aspek Kajian	**Response**
Ya	23 (95.8%)
Tidak	1(4.2%)


Jadual 6a



Rajah 6a

Aspek Kajian	Response
Peringkat Diploma	14 (58.3%)
Peringkat Ijazah	6 (25%)
Peringkat Sarjana	4 (16.7%)

Jadual 6b



Rajah 6b


Rajah 6a memperlihatkan 23 respondent bersetuju bahawa program ini amat sesuai untuk para graduan lepasan Sijil Fesyen Dan Pakaian 1 respondent tidak bersetuju di Kolej Komuniti Pagoh melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala rajah 6b pula menunjukkan kategori peringkat pengajian yang boleh didsambung oleh para pelajar yang berhasrat untu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Bahagian III: Lain-lain

i. Berapa banyak jawatan yang sesuai diisi dalam organisasi anda oleh graduan program ini?

Aspek kajian	Tajaan Pelajar
Ya	4 (16.7%)
Tidak	20 (83.3%)

Jadual 7




Rajah 7

Rajah 7 memperlihatkan 4 responden atau 16.7% yang menawarkan tajaan kepada pelajar kursus Sijil Fesyen dan pakaian. Namun sebanyak 20 responden iaitu 83.3% tidak memberi tajaan kepada pelajar.

ii. Adakah anda akan menggalakkan kakitangan atau rakan anda untuk mengikuti program ini?

Aspek kajian	Tajaan Pelajar
Ya	24 (100%)
Tidak	0

Jadual 8



Rajah 8

Rajah 8 memaparkan dapatan bahawa keseluruhan organisasi menyokong penuh untuk menggalakkan kakitangan atau rakan kenalan mereka mengikuti kursus di Kolej Komuniti Pagoh dalam bidang Fesyen Dan Pakaian.

iii. Pada pendapat anda, adakah program ini dapat menghasilkan graduan yang diingini?

Aspek kajian	Tajaan Pelajar
Ya	23 (95.8%)
Tidak	1 (4.2%)

Jadual 9

Maklumbalas yang diterima adalah 23 respondent 95.8% dari 24 jumlah respon bersetuju dan menyokong baik hasrat Kolej Komuniti Pagoh dalam melahirkan graduan yang berkualiti, manakala 1 respondent 4.2% tidak bersetuju. Berikut adalah huraian pendapat dari respondent:

Bil	Ya	Tidak
1	Berbekalkan minat serta ilmu yang dicurah di Kolej Komuniti Pagoh Graduan boleh terus berjaya ke keperingkat pendidikan yang lebih tinggi dan mampu menjadikan negara Malaysia lebih membangun di masa akan datang	1 respondent menyatakan tidak setuju dengan justifikasi ada sebahagian pelajar kurang menguasai kemahiran teknikal dan ragu-ragu ketika melaksanakan tugasan diberi pihak industri.
2	Graduan dapat membina pengalaman kerja sebenar bersama industri yang sentiada berkembang maju mengikut peredaran	
3	Respondent juga berpendapat pihak kolej dapat mengasah dan mengilap bakat pelajar untuk pemantapan skill yang baik bagi peningkatan diri dan jaminan kerjaya masa depan.	
4	Graduan dari Kolej Komuniti Pagoh menepati kehendak organisasi Industri dan pasaran semasa.	

5	Respondent menyatakan bidang fesyen dan pakaian dari Kolej Komuniti Pagoh dapat melahirkan lebih ramai insan berjaya.	
6	Semua pensyarah di Kolej Komuniti Pagoh sangat berkelayakan dan berkemahiran bagi membentuk pelajar kearah tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh industri.	
7	Respondent menyatakan graduan Kolej Komuniti Pagoh berjaya melaksanakan tugasan dengan sempurna seperti diamanahkan dari proses pembuatan pakaian hingga jualan.	
8	Respondent berpendapat Program ini dapat melahirkan graduasi yang lebih mahir dan kretif dalam menghadapi dunia fesyen mengikut pengedaran zaman.	

Jadual 10

4. Kesimpulan

Secara amnya, kajian dan analisis pasaran bagi program Sijil Fesyen dan Pakaian telah mencapai objektif yang diharapkan di mana analisis sumber data dan analisis kajian pasaran dari industri/majikan menunjukkan program ini mempunyai permintaan industri dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga kerja negara. Terdapat beberapa perkara yang boleh diambil kira berkaitan penawaran program pengajian ini melibatkan aspek-aspek berikut:

Tenaga pengajar:

Kolej Komuniti Pagoh mempunyai 9 orang kakitangan akademik yang berkelayakan dan berkemahiran untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran pelajar. Senarai kakitangan akademik berserta kelayakan dan pengalaman industri seperti Jadual 11 di bawah:

Nama Kakitangan	**Kelayakan Pensyarah**	
	Nama PHD, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma, Sijil	**Nama Institusi**
Normah Binti Ishak	1. Ijazah sarjana Muda dengan Kepujian Teknologi Senireka 2. Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian	1. Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) 2. Politeknik Johor Bahru
Nursalizah Binti Muslim	1. Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepuajian Senilukis & Senireka Kepujian(Fesyen) 2. Sarjana Teknologi Senireka	Universiti Institut Teknologi Mara (Uitm) SHAH ALAM.

Azlan Bin Zakaria	1. Sijil Perguruan Asas (Psm-Khert) 2. Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) 3. Bacelor Pend Sains Rumahtangga (Hons) 4. Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi.	1. Maktab Perguruan Batu Pahat 2. Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia 3. Universiti Putra Malaysia 4. Universiti Tun Hussein Onn
Junita binti Sha'ari	1. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Senilukis dan Senireka (Fesyen) 2. Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian	1. Universiti Institut Teknologi Mara SHAH ALAM 2. Politeknik Johor Bahru
Masithah Binti Jasman	1. Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepuajian Senilukis & Senireka Kepujian(Fesyen) 2. Sarjana Teknologi Senireka	Universiti Institut Teknologi Mara (Uitm) SHAH ALAM.
Fariza binti Mohd Hatta	1. Ijazah Sarjana Muda sains Kemasyarakatan 2. Diploma Reka Bentuk Fesyen dan Pakaian	1. Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. 2. Politeknik Johor Bahru
Nurulhidayah binti Hassan	Ijazah Sarjana Muda Senilukis & Senireka Kepujian(Fesyen)	Universiti Institut Teknologi Mara (Uitm) SHAH ALAM.
Mohamad Hasrol bin Sumawan	Diploma Pendidikan Guru Malaysia (Rekaan Fesyen Dan Pakaian)	Maktab Perguruan Teknik Cheras Kuala Lumpur
Nooramimah binti Amin	Diploma Rekaan Fesyen dan Pakaian	Politeknik Johor Bahru
Noorhana binti Mohamad	1. Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepuajian Senilukis & Senireka Kepujian(Fesyen) 2. Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pedagogi)	1. Universiti Institut Teknologi Mara 2. Universiti Kebangsaan Malaysia

Jadual 11

Infrastruktur dan fasiliti


Kolej Komuniti Pagoh mempunyai Infrastruktur dan fasiliti yang mencukupi serta menepati kehendak badan akriditasi bagi memenuhi keperluan program. Infrastruktur dan fasiliti adalah seperti berikut:



Gambar 1: Dewan Alamanda (Dewan Kuliah)



Gambar 2: Bilik Akasia (Bilik Perbincangan)



Gambar 3: Makmal Dahlia (Makmal Komputer)




Gambar 4:Bengkel Jahitan Iris




Gambar 5: Bengkel Jahitan Ixora




Gambar 6: Bengkel Jahitan Jasmin



Gambar 7: Bengkel Jahitan Lily





Gambar 8: Bengkel Jahitan Mawar





Gambar 9: Bilik Anggerik (Pusat Sumber)

Rujukan:

1. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, (2015). Pembangunan Modal Insan.Di akses pada 15/10/2021 di pautan: https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/dasar/dasar-dasar- utama/pembangunan-modal-insan.
2. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, (2015). Sorotan Rancangan Malaysia ke 10. Diakses pada 15/10/2021 di pautan: https://www.slideshare.net/Fadzliaton/rancangan-malaysia-ke11-bab-5- pembangunan-modal-insan
3. *Goldin, Claudia (2014). Modal Insan, Jabatan Ekonomi, Universiti Harvard dan Biro Penyelidikan Ekonomi Nasional.*
4. *Smith, Adam (1776).* Pertanyaan mengenai Sifat dan Sebab Kekayaan Bangsa . *Hak Cipta 2007 MetaLibre.*
5. *Marx, Karl.* Pembelian dan Penjualan Tenaga Kerja: Bab 6 . *marxists.org*
6. Laporan Pembangunan Dunia 2019: Sifat Kerja Yang Berubah . *Bank Dunia*
7. Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor. 2006 Dimensi pengurusan Islam, mengurus kerja dan mengurus modal insan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
8. Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Zahiah Haris @ Harith & Abdullah Yusof. 2010. Pembangunan modal insan dan tamadun Islam dari perspektif pendidikan guru. Prosiding dalam The 4th International Conference on Teacher Education. Join Conference UPI & UPSI. Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010, 38-48.
9. Malaysia, K. P. 2012. Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Kajian Terhadap Penggunaan Microsoft Excel Membantu Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Inverse Matrix (DBM10013)Di POLISAS

Rasyidi bin Abdullah [1,a], Mohd Zaki bin Mohd Ismail [2,b], Siti Aisyah binti Ismawi [3c]

[1] Unit Sijil Teknologi Elektrik, Kolej Komuniti Segamat 2

[2] Unit Sijil Teknologi Elektrik, Kolej Komuniti Segamat 2

3 Jabatan Matematik, Sains & Komputer, Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah

[a] rasyidi@kksegamat2.edu.my, [b]mohdzaki@kksegamat2.edu.my , [c] aisyah@polisas.edu.my

---

Abstrak: Tajuk kajian ini ialah kajian terhadap penggunaan *Microsoft Excel* membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam *Inverse Matrix* (DBM10013) di POLISAS. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap pengajaran menggunakan *Microsoft Excel* dalam *Inverse Matrix* dan mendapat persepsi pelajar terhadap penggunaan *Microsoft Excel* dalam *Inverse Matrix*. Kedua-dua objektif dipilih untuk mengkaji dua aspek tersebut. Kajian ini dijalankan di kalangan pelajar yang mengambil Matematik Kejuruteraan 1 (DBM10013) di POLISAS. Tambahan, kaedah yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini ialah melalui soal-selidik kepada 70 orang responden. Dalam kajian ini, kami telah mengenalpasti penggunaan *Microsoft Excel* dalam pelajaran membantu pelajar lebih memahami *Inverse Matrix*. Dapatan menunjukkan bahawa 67 responden yang mewakili 96% responden berminat dengan menggunakan *Microsoft Excel* untuk belajar *Inverse Matrix*. Responden juga menyatakan bahawa pensyarah sememangnya pernah menggunakan *Microsoft Excel* dalam sub-topik *Inverse Matrix* dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan majoritinya bersetuju. Hasil dapatan juga mengenalpasti kebanyakan pelajar tidak pernah menggunakan *Microsoft Excel* dalam sub-topik *Inverse Matrix* sebelum ini. Kesimpulannya, pelajar bersetuju teknik pengajaran interaktif mampu memberikan kesedaran kepada pelajar dan peluang untuk terlibat secara kognitif, melihat sesuatu konflik moral secara kritis, mencari penyelesaian kepada masalah serta melahirkan pelajar yang memiliki sensitiviti moral, perasaan, dan tingkah laku moral seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatan kajian ini memberi petunjuk, penggunaan teknologi perlu diperluaskan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bantuan aplikasi komputer dapat membantu tenaga pengajar untuk menjelaskan suatu konsep yang tidak boleh diterangkan melalui papan putih sahaja. Pensyarah juga perlu mempelbagaikan kaedah dalam penyelesaian masalah dan ini hanya dapat dibantu dengan penggunaan teknologi. Kepelbagaian kaedah ini dapat membuka minda pelajar dan mengubah persepsi murid terhadap matematik yang bersifat tegar kepada suatu mata pelajaran yang fleksibel.

Kata Kunci: *Microsoft Excel*, *Inverse Matrix*, kaedah, pengajaran dan kefahaman

---

1.0 Pengenalan

Dunia pendidikan kini berada pada zaman yang serba canggih dan moden dengan perkembangan kemajuan teknologi dan era globalisasi. Sama ada disedari atau sebaliknya, komputer sering mengambil alih pebagai tugasan yang dahulunya dilakukan oleh manusia. Pelbagai program komputer telah dibangunkan bagi membantu pengguna menjalankan tugasan seharian mereka, Oleh itu, bentuk pembelajaran ternikal menjadi lebih mudah apabila mengunakan perisian dan bantuan teknikal yang lain. Perisian Microsoft Excel adalah aplikasi yang digunakan sebagai lembaran kerja oleh Microsoft untuk sistem operasi Windows dan Mac OS. Banyak kajian lepas menyentuh dan mencari kaedah terbaik untuk menyampaikan matematik dalam bentuk-bentuk yang lebih menarik

(Aktümen & Yıldız, 2016). Hasil daripada kajian lepas menunjukkan penggunaan teknologi seperti perisian atau aplikasi dapat membantu pelajar melihat matematik daripada sudut visual (Aktümen & Yıldız, 2016).

2.0 Pernyataan Masalah

Dalam setiap sesi pengajaran telah didapati terdapat pelajar yang tidak memahami dan kurang minat terutamanya melibatkan pembelajaran teknikal dan matematik. Lumrah dengan perkembangan sistem pendidikan semasa penggunaan perisian dan aplikasi akan membantu memudahkan kefahaman dan kemahiran mereka. Pembangunan daya intelek pelajar pada abad ke-21 ini juga perlu dibangunkan sejajar dengan lonjakan teknologi maklumat komunikasi dan digital. Perolehan maklumat kini begitu pantas sebagaimana ia dikatakan berada di hujung jari sahaja di samping peningkatan kualiti dan kuantiti maklumat yang ingin diperoleh. Cabaran pengajar sekarang ini bukan hanya mencari dan menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajar tetapi cabaran tersebut menjangkau ke arah cara untuk menjana ilmu pengetahuan baharu. Suntikan tambahan terhadap perkembangan pendidikan pula bertujuan memangkinkan semangat pelajar itu untuk menjana ilmu pengetahuan sendiri serta memanfaatkan ilmu pengetahuan mereka. Satu hakikat yang perlu diakui oleh para pengajar iaitu para pelajar yang belajar pada abad ini adalah insan yang celik ICT dalam aspek akademik, berilmu pengetahuan dan cekap dengan teknologi maklumat.

Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran abad ke-21. Kini terdapat banyak penyelidikan yang telah dijalankan membuktikan bahawa penggunaan aplikasi seperti Microsoft excel akan mempunyai kesan positif ke atas persepsi pelajar sendiri berbanding dengan penggunaan kaedah tradisional seperti *chalk dan talk.* Hal ini kerana, corak pembelajaran ini yang memerlukan perubahan dalam kaedah pengajaran pengajar agar pelajar belajar dengan lebih berkesan. (Azlina A.Rahman 2017). Penggunaan aplikasi, perisian dan bahan-bahan lain atas talian akan memberikan lebih keyakinan, kefahaman dan motivsi kepada para pelajar-pelajar dalam kebolehan menyelesaikan masalah (Zamzami Zainuddin & Siti Hajar Halili, 2016).

3.0 Objektif Kajian

- Untuk mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap pengajaran menggunakan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix.
- Untuk mendapat persepsi pelajar terhadap penggunaan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix.

4.0 Persoalan Kajian

- Apakah tahap penerimaan pelajar terhadap pengajaran menggunakan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix di Polisas?
- Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix di Polisas?

5.0 Kepentingan Kajian

Dapatan dari hasil kajian ini akan memberikan maklum balas terhadap penggunaan Microsoft excel dalam pengajaran dan pembelajaran pengajar di Polisas. Ianya akan menunjukkan keberkesanan penggunaan perisian ini kepada pelajar-pelajar dalam mempelajari subjek ini dengan memahami dan menjana kemahiran atau sebaliknya. Hasilnya, para pengajar di Polisas akan dapat membuat refleksi dan penambahbaikan dari segi teknik dan kaedah pengajaran yang berkaitan penggunaan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix. Selain itu, ianya juga akan membantu pihak jabatan untuk membuat perancangan startegik berkaitan dengan kandungan dan pedagogi pengajaran pengajar di institusi ini.

6.0 Kajian Literatur

Microsoft Excel adalah antara aplikasi yang tergolong dalam keluarga Microsoft iaitu yang lainnya seperti Microsoft Word dan Microsoft Power Point. Berbeza dengan Ms Word dan lain-lainnya, penggunaan Ms Excel adalah lebih kepada tujuan pengiraan dan untuk itu, terdapat banyak formula dalam perisian ini. Ruangan kerja dalam Ms Excel dipanggil sebagai workbook atau buku kerja. Satu workbook ini pula mempunyai banyak worksheets ataupun helaian kerja. Secara mudahnya, satu *workbook* boleh diandaikan sebagai sebuah *examination pad* dan *worksheets* pula adalah sebagai helaian kertas yang terkandung dalam *examination pad* berkenaan. Microsoft Excel adalah salah satu dari sekian banyak Program Aplikasi yang terdapat dalam paket Microsoft Office. (Rusli, Rahman, Upu, Ahmar, & Hastuty, 2020).

Aplikasi Excel cukup terkenal adalah disebabkan kelengkapan ciri Formulas dan Functions yang lebih dikenali dengan istilah rumus excel. Formula dan fungsi ini digunakan untuk membantu dalam proses pengiraan data secara cepat, tepat dan separa automatik. Formula excel boleh digunakan dalam pengiraan matematik yang sederhana sehingga penggiraan yang kompleks, baik untuk data berbentuk angka, data teks, data tarikh, data waktu atau kombinasi dari data-data tersebut(Guerrero, 2019; Salkind& Frey, 2019).

7.0 Metodologi Kajian

Metodologi pengumpulan data dalam kajian ini akan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Soal selidik telah dipilih sebagai sumber data utama untuk menyediakan bukti yang kukuh bagi mencapai matlamat kajian.

7.1 Instrumen kajian

Kajian ini memperoleh data utama dari pada soal selidik sebagai bukti untuk menyokong untuk mencapai matlamat kajian ini ia akan menggunakan tafsiran yang menggunakan edaran borang soal selidik mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengedaran 70 borang soal-selidik untuk dilengkapkan oleh sampel.

7.2 Populasi dan sampel

Populasi dalam kajian ini adalah 80 orang pelajar-pelajar Polisas yang menggunakan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix dalam pembelajaran mereka. Sebanyak 70 responden yang telah memberi maklumbalas dalam kajian ini bagi mendapat data berdasarkan borang soal selidik.

8.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menyorot hasil analisis data yang diperoleh melalui proses pengumpulan maklumat menggunakan soal selidik. Analisis data yang dilaksanakan memberikan pandangan yang mendalam ke atas isu-isu yang dikaji dalam konteks penggunaan Microsoft Excel dalam aplikasi Inverse Matrix di kalangan pelajar Polisas.

8.1 Analisis borang soal selidik responden


8.1.1 Analisis Demografi Responden

✓ Responden

Item		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	48	68.9
	Perempuan	22	31.4
Program	DKM	27	38.6


DKA	25	35.7
DEE	17	24.3
DAD	1	1.4

Jadual 1: Kekerapan dan peratusan jantina dan program responden



Graf *1: Kekerapan dan peratusan jantina responden*

Jadual dan graf 1 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan jantina responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada dapatan menunjukkan 48 responden atau 68.9% adalah responden lelaki dan 22 responden atau 31.4% responden pula adalah perempuan.



Graf 2: Kekerapan dan peratusan program pengajian responden

Sementara itu, graf 2 di atas pula menunjukkan kekerapan dan peratusan program pengajian responden yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat 4 program mengajian yang terlibat iaitu DKM, DKA. DEE dan DAD. Sebanyak 27 responden adalah dari program DKM iaitu 38.6%, 25 responden atau 35.7% untuk program DKA, 17 responden atau 24.3% untuk DEE dan hanya seorang atau 1.4% sahaja untuk program DAD.

8.1.2 Analisis tahap penggunaan responden

BIL.	ITEM	YA	TIDAK
1	Adakah anda berminat terhadap sub-topik Inverse Matrix?	67 (95.7)	3 (4.3)
2	Adakah anda pernah menggunakan Microsoft Excel dalam Inverse?	23 (32.9)	47 (67.1)
3	Adakah pensyarah anda pernah menggunakan Microsoft Excel dalam sub-topik Inverse Matrix?	66 (94.3)	4 (5.7)

Jadual 2: Kekerapan dan peratusan tahap penggunaan responden

Berdasarkan jadual 2 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan profil responden. Dapatan menunjukkan 67 responden berminat dengan menggunakan excel untuk belajar Inverse Matrix iaitu 95.7%. Responden juga menyatakan bahawa pensyarah sememangnya pernah menggunakan Microsoft Excel dalam sub-topik Inverse Matrix dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan majoritinya bersetuju iaitu 94.3%. Namun kebanyakan pelajar tidak pernah menggunakan Microsoft Excel dalam sub-topik Inverse Matrix sebelum ini yang membawa 67.1%. Ini menunjukkan penggunaan Microsoft Excel dalam sub-topik Inverse Matrix boleh dipraktikkan dalam pengajaran para pengajar.

8.1.3 Analisis penerimaan dan persepsi responden

Ho - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penerimaan berdasarkan jantina

	Jantina	N	Sisihan Piawai	Mean	t	df	Sig.(2-hujung)
Penerimaan	Lelaki	48	3.59	23.31	-2.8	68	0.06
	Perempuan	22	2.19	25.68			

Jadual 3 : Hasil analisis Ujian –t mengikut Jantina

Jadual menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran responden lelaki dan perempuan. Formula statistiknya aialah $t(68) = 2.8$, $p>0.05$). Nilai signifikan adalah 0.06 iaitu lebih besar daripada 0.05. Oleh itu, hipotesis null tidak berjaya ditolak. Ini menunjukkan tahap penerimaan penggunaan Ms Excel antara responden leleki dan perempuan adalah tidak berbeza dan hampir sama. ($t(68) = 2.8 > 0.05$).

Ho - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap penggunaan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix.

	SS	df	MS	F	Sig.(2-hujung)
Di antara kumpulan	12.201	3	4.067	0.417	0.742
Di dalam kumpulan	644.442	66	9.764		
Total	656.643	69	-		

Jadual 4: Analisis Ujian anova persepsi mengikut program pelajar

Statistik menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi mengikut program pelajar. Formula statistiknya aialah $F(3,66) = 0.417$. $p>0.05$). Nilai signifikan adalah 0.742 iaitu

lebih besar daripada aras signifikan iaitu 0.05. Oleh itu, hipotesis null tidak berjaya ditolak. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min antara persepsi mengikut program pelajar.

9.0 Perbincangan Dan Cadangan

Berdasarkan kepada dapatan menunjukkan, secara keseluruhannya menunjukkan jumlah responden lelaki adalah lebih ramai dari responden perempuan yang terlibat dan majoriti program responden yang paling ramai ialah dari program DKM iaitu 38.6%. Dari aspek penerimaan berdasarkan jantina pula menunjukkan pelajar juga bersetuju apabila dapat memahami isi pelajaran dengan lebih mudah iaitu sebanyak 54.3%, penggunaan Microsoft Excel dalam pelajaran membantu saya untuk memahami Inverse Matrix dengan lebih banyak. Persepsi pelajar terhadap penggunaan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix pula ialah 53.1%, dapat menguasai dan memahami konsep yang diajar dengan 60% dan 50%.

Selain itu, pelajar juga menyatakan penggunaan Microsoft Excel membuatkan saya mendapat gambaran yang jelas tentang Inverse Matrix apabila menunjukkan 52.9% dan pelajar juga merasa lebih yakin dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan Inverse Matrix juga majoritinya bersetuju dengan 51.4%. Walau bagaimanapun, hasil dapatan juga menunjukkan segelintir pelajar sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan penggunaan Ms Excel ini bagi item membuatkan mereka memperoleh mendapat gambaran yang jelas tentang Inverse Matrix dan merasa lebih yakin dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan Inverse Matrix dengan menunjukkan dapatan sebanyak 20%. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan para pengajar perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran berkaitan dengan topik ini agar pelajar yang meminati penggunaan aplikasi ini akan lebih memahami dan menguasai topik ini apabila mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran.

Tambahan pula, persepsi pelajar dalam penggunaan Microsoft Excel dalam Inverse Matrix pula menunjukkan secara majoritinya sangat setuju bahawa mereka berasa seronok apabila pensyarah menggunakan Microsoft Excel dalam sub-topik Inverse Matrix, lebih suka pengajaran yang menggunakan Microsoft Excel dalam Sub-topik Inverse Matrix, dapat menumpukan tumpuan apabila pensyarah menggunakan Microsoft Excel dalam Sub-topik Inverse Matrix, penggunaan Microsoft Excel dalam Sub-topik Inverse Matrix dalam pengajaran telah menarik minat saya menerokai konsep yang diajar dan kekerapan menggunakan Microsoft Excel dalam sub-topik Inverse Matrix mampu meningkatkan minat saya untuk mempelajari Matematik dengan majoritinya adalah menunjukkan peratusan 60% dan ke atas. asil dapatan juga menyokong kajian yang dijalankan oleh Suharti dan Sharifah Norul Akmal (2014) yang memberi petunjuk bahawa penggunaan teknologi perlu diperluaskan dalam pengajaran dan pembelajaran.

10.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pelajar bersetuju teknik pengajaran interaktif mampu memberikan kesedaran kepada pelajar dan peluang untuk terlibat secara kognitif, melihat sesuatu konflik moral secara kritis, mencari penyelesaian kepada masalah serta melahirkan murid yang memiliki sensitiviti moral, perasaan, dan tingkah laku moral seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tahun 1996. Dapatan kajian ini memberi petunjuk, penggunaan teknologi perlu diperluaskan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bantuan aplikasi komputer dapat membantu tenaga pengajar untuk menjelaskan suatu konsep yang tidak boleh diterangkan melalui papan putih sahaja. Pensyarah juga perlu mempelbagaikan kaedah dalam penyelesaian masalah dan ini hanya dapat dibantu dengan penggunaan teknologi. Kepelbagaian kaedah ini dapat membuka minda pelajar dan mengubah persepsi murid terhadap matematik yang bersifat tegar kepada suatu mata pelajaran yang fleksibel.

RUJUKAN

Azlina Binti A. Rahman. (2017). Kesan Kaedah Flipped Classroom Menerusi Pembelajaran Berasaskan Projek Ke Atas Pencapaian dan Gaya Pembelajaran Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia.

Ditzler, C., Hong, E., & Strudler, N. (2016). How tablets are utilized in the classroom. Journal of Research on Technology in Education, 48(3), 181–193. https://doi.org/10.1080/15391523.2016.1172444

Kuh, G. D., Kinzie, J., Buckley, J. A., Bridges, B. K., & Hayek, J. C. (2016). What Matters to Student Success : A Review of the Literature.

Wan Mohd Nazif Nori. (2015). Tip & Teknik Menggunakan Ms. Office & Internet. PTS Publishing Sdn Bhd : Pahang

Zamzami Zainuddin & Siti Hajar Halili. (2016). Flipped Classroom Research and Trends from Different Fields of Study. International Review of Research in Open and Distributed Learning. Volume 17 (3). 313-340.

Suharti Zainal Abidin & Sharifah Norul Akmar Syed Zamri (2014). Penyelesaian Masalah bagi Persamaan Serentak Menggunakan Perisian Excel dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.

Wong Wan Ting & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2020). Kemahiran Penyelesaian Masalah Berayat Matematik melalui Model Bar : Soroton Literitur Bersistematik. Malaysia Jurnal of Social Sciences and Humanities.

Aktümen, M., Yıldız, A. (2016). GeoGebra as an Artist's Paintbrush. Malaysian Online Journal of Educational Technology, 4(1), 17-31.

Rusli, R., Rahman, A., Upu, H., Ahmar, A. S., & Hastuty, H. (2020). The Use of Excel Statistics for Research Data Processing for Teachers of SMAN 3 Barru, Barru Regency. Mattawang: Jurnal Pengabdian Masyarakat, Vol. 1 No. 1. https://doi.org/10.35877/454RI.mattawang168

Silibus Fabrik Dalam Implimentasi Rekaan Fesyen Dan Pakaian Bagi Subjek Senireka Fesyen. Kekuatan dan Kelemahan.

Noorhana Mohammad[1, a], Isa Hamzah[2, b] dan Khairul Azhar Jamaluddin[3, c]

[1]Kolej Komuniti Pagoh, Johor, Malaysia

[2]Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

[3]Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

[a]p113911@siswa.ukm.edu.my, [b]isahamzah@ukm.edu.my, [c] khairuljamaludin@ukm.edu.my

Abstrak. *Kertas konsep ini membincangkan tentang silibus fabrik dalam implimentasi rekaan fesyen dan pakaian bagi subjek Senireka Fesyen terutamanya kepada pelajar – pelajar bidang Fesyen Dan Pakaian di Kolej Komuniti dan di Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi. Secara keseluruhannya, pelbagai implikasi positif serta impaknya kepada pensyarah, pelajar, organisasi, Jabatan dan Kementerian Pendidikan Tinggi terhadap kesedaran mempelajari dan mengetahui ilmu pengetahuan tentang fabrik. Beberapa cadangan juga diketengahkan agar kesesuaian pemilihan material fabrik pada rekaan fesyen dan pakaian yang dihasilkan adalah mengikut aspek yang tepat. Melalui cadangan tersebut, ia akan merujuk kepada fungsi, kesesuaian dan kualiti fabrik pada sesuatu rekaan fesyen dan pakaian. Turut dibincangkan ialah kaedah eksplorasi fabrik dan praktikalitinya ke atas rekaan pakaian yang dihasilkan oleh pelajar serta dapat menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian khasnya.*

Kata Kunci: Fabrik; Material atau Fabrik atau Tekstil; Reka Bentuk Fesyen; Fesyen dan Tekstil; Rekaan Fesyen dan Tekstil

Pengenalan

Kepesatan era globalisasi fesyen dunia menyebabkan rekaan fesyen dan pakaian yang dihasilkan bergerak secara putaran dengan penambahbaikan ke atas fesyen terdahulu yang diberikan nafas baru bagi menepati kehendak dan trend terkini bagi peramal fesyen masa kini, (Siti Zainon Ismail, 2019). Setiap generasi mentertawakan fesyen lapuk tetapi mereka masih patuh dan mengikuti stail fesyen itu sepenuhnya berbanding rekaan baru. Ironinya, masih berlaku bagi kebanyakan pelajar program Fesyen Dan Pakaian agak sukar untuk menterjemahkan skematik rekaan dan sebaliknya menukarkan objek 3D ke dalam bayangan 2D (Armstrong, 2017: Gitimu, 2016). Kelemahan pelajar adalah penyelesaian rekaan fesyen dari sudut persepsi yang rendah dan tidak memahami konsep pedagogi fesyen dengan jelas serta lemah dalam visualisasi (Monika et al., 2022). Oleh itu, untuk menguasai sesuatu topik dalam subjek Senirek Fesyen Dan Pakaian, pelajar haruslah terlebih dahulu menguasai konsep dalam pengetahuan dan kefahaman tentangnya. Kebolehan visualisasi adalah kebolehan yang sangat penting kerana ia merupakan keupayaan minda untuk melihat sesebuah objek atau simbol dan berfikir secara realistik dalam minda seseorang individu (Widad & Foong, 2016). Sejarah telah menunjukkan manusia telah menggunakan sumber semula jadi sebagai bahan asas untuk membuat pakaian bagi melindungi tubuh mereka. Kini dengan kemajuan sains dan teknologi telah dapat menghasilkan pelbagai jenis fabrik yang bermutu tinggi daripada sumber asli dan bahan kimia untuk menghasilkan pakaian. Ianya dikategorikan sebagai gentian, benang dan fabrik serta memberikan gambaran keseluruhan sifat-sifat yang mungkin ditemui daripadanya (McDonough, W. D, 2016). Fabrik meliputi klasifikasi gentian, kegunaan dan ciri - cirinya. Dua jenis gentian utama iaitu gentian asli (tumbuhan dan haiwan) dan buatan (sintetik dan selulosa terjana semula). Antara contoh fabrik gentian asli ialah *cotton, linen, silk dan wool*. Manakala contoh fabrik buatan adalah seperti *nylon* atau *polyamide, polyester, rayon* dan *acetate* atau *triacetate.* Kekukuhan, keselesaan, penyerapan

lembapan, kekonduksian haba, kekenyalan dan ketahanan adalah ciri penting bagi setiap jenis gentian (Susan Postlethwaite, 2021). Pelbagai kriteria fungsi fabrik iaitu dapat dijadikan pakaian dan dapat melindungi tubuh badan kita daripada keadaan panas, sejuk, selamat daripada bahaya, membalut luka di badan, digunakan bagi kegunaan industri, pembedahan, pembinaan, dan sebagainya (Tyton BioSciences, 2021). Kepentingan ilmu pengetahuan fabrik dapat membantu dalam pemilihan material fabrik mengikut kesesuaian pakaian dan kelengkapan rumah tangga (Rosmawati, 2019). Secara keseluruhannya, penyelidikan berterusan ke atas fabrik melibatkan bahan dan proses baharu yang akan dibangunkan dapat menghasilkan rekaan fesyen dan pakaian yang berkualiti tinggi (Youngseung Jeon, 2021).

Tujuan dan Objektif Kertas Konsep

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana kesedaran para pensyarah dan pelajar tentang kepentingan silibus fabrik dalam rekaan fesyen dan pakaian. Ini dapat dibuktikan dengan jenis dan fungsi material dalam fabrik yang diaplikasikan mengikut tema pakaian yang dihasilkan oleh pelajar. Setiap rekaan pakaian yang dihasilkan mempunyai tema dan inspirasi yang tersendiri. Oleh itu, pemilihan fabrik yang tepat akan menentukan identiti dan karektor rekaan fesyen dan pakaian yang dihasilkan. Pada kebiasaannya pelajar akan mengalami masalah dalam pemilihan jenis *material* fabrik pada rekaan pakaian yang dihasilkan oleh mereka. Kesilapan dalam pemilihan fabrik boleh menyebabkan sesuatu tema rekaan pakaian yang dihasilkan itu gagal. Malah, rujukan dari pensyarah juga tidak tepat kerana tidak mahir dalam menentukan jenis dan fungsi sesuatu fabrik yang dipilih. Oleh yang demikian, pengetahuan yang luas tentang ilmu fabrik juga dapat mendorong pensyarah dan pelajar untuk mendalami karektor sesuatu fabrik itu. Di dalam penghasilan rekaan pakaian, tema, inspirasi dan subjek matter adalah berhubung kait antara satu sama lain. Justeru, hubungkait antara tiga elemen itu haruslah ada dan dapat diaplikasikan pada rekaan fesyen dan pakaian. Oleh itu, pada akhir kertas konsep ini, kita dapat:

1. Menghasilkan rekaan fesyen dan pakaian yang berfungsi, bersesuaian dan berkualiti dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian.
2. Mengeksplorasi teknik, cara, kaedah yang tepat dan praktikal dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian.
3. Menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Senirek Fesyen dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian.

Isu dan Permasalahan Berkaitan Silibus Fabrik Dalam Implimentasi Rekaan Fesyen Dan Pakaian Bagi Subjek Senireka Fesyen.

Elemen terpenting dalam penghasilan rekaan pakaian adalah kreativiti. Melalui kreativiti dalam rekaan fesyen dan pakaian akan terhasil daya cipta dan reka bentuk yang menarik, bersesuaian, praktikal dan berkualiti. Kurikulum yang berkesan mampu membekalkan pelajar dengan jati diri dan persediaan ke alam realiti demi bersaing dengan arus kemodenan dan globalisasi. Bagi sesuatu rekaan fesyen dan pakaian yang baik adalah bermula dari rekaan yang menepati tema, inspirasi dan subjek mater sesuatu rekaan tersebut. Ini terbukti bahawa konsep kefahaman untuk menghasilkan sesuatu rekaan dengan baik akan memerlukan penyelidikan dalam pembuatan reka bentuk yang memerlukan masa dan ruang bagi menambahbaik aspek teknikal dalam pendidikan rekaan fesyen dan pakaian. Oleh itu, kaedah pengajaran dan penyediaan sumber yang tepat bagi pelajar mendapatkan inspirasi melalui penyelidikan, ruang dan peralatan untuk bereksperimen perlu diaplikasikan dengan reka bentuk dan teknologi yang baharu dengan kaedah pendekatan kreativiti Mould (Jane Wood et at., 2023.

Beberapa permasalahan dalam amalan dan kaedah pengajaran yang dipraktikkan bagi rekaan fesyen dan pakaian. Kajian (Cheng S, 2018) menggambarkan kaedah dan kemahiran pensyarah dalam menerapkan amalan rekaan yang baik dalam pengajaran masih perlu ditingkatkan. Sebagai satu konsep yang besar dalam amalan dan kaedah rekaan, pemahaman dalam konsep rekaan fesyen dan

pakaian haruslah mengandungi isi kandungan penyelidikan yang meliputi pasaran dan pemasaran industri fesyen dan pengguna, pengetahuan dan maklumat fesyen dan pakaian, pengetahuan fabrik dan pembangunan tekstil dan fesyen yang relevan. Pensyarah harus memupuk kesedaran melalui amalan dan kaedah pengajaran tentang eksplorasi jenis fabrik dengan tepat, terancang dan terkini mengikut trend dan perubahan fesyen masa kini untuk menghasilkan rekaan fesyen dan pakaian yang kreatif dan inovatif.

Risiko yang terpaksa ditanggung oleh pelajar dalam mendepani cabaran pembelajaran abad ke-21, mereka haruslah berani bertindak balas terhadap cabaran kreatif untuk menghasilkan karya yang asli dan inovatif. Selain itu, pensyarah haruslah membina keupayaan pelajar untuk mengimbangi amalan kreativiti dan kritikal secara cekap yang menjadi komponen asas yang kekal sebagai cabaran pedagogi utama dalam kurikulum fesyen dan pakaian (Choi Jaz et al., 2019). Oleh itu, penerapan amalan kreativiti yang berkesan haruslah meliputi keseluruhan kurikulum fesyen dan pakaian pelajar kolej komuniti dan politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi khasnya bagi menambahbaik mutu penghasilan rekaan fesyen dan pakaian yang menepati fungsinya, bersesuaian dan praktikal (Bethan Bide, 2021).

Latar Belakang Kajian

Senario permasalahan dalam bidang Fesyen dan Pakaian yang sering dihadapi oleh para pelajar adalah dalam pemilihan material fabrik yang tepat pada pakaian (Faizal Hamid, 2022). "Kesalahan pemilihan fabrik boleh menjadikan anda nampak 'kurang menyengat' dan 'pelik', pilihan fabrik yang tepat amat penting agar keseluruhan gaya anda tampak seimbang" (Fadhil Ismail, 2017). Antara salah satu kejayaan sesuatu hasil rekaan fesyen dan pakaian itu juga bergantung kepada jenis *material* fabrik yang dipilih dan diaplikasikan dengan tepat ke atas pakaian. Daripada penelitian yang dilakukan, didapati penghasilan rekaan fesyen dan pakaian memerlukan pemahaman dan penguasaan dalam pemilihan kriteria jenis *material* fabrik yang tepat dan juga asas pengetahuan di dalam ilmu fabrik (Norulaini, 2019). Bidang fesyen dan pakaian merupakan salah satu bidang pendidikan kemahiran yang menawarkan pelajar kepada silibus rekaan fesyen dan pakaian bersandarkan permintaan dan keperluan industri fesyen tanah air (Hafiz et al., 2016). Pelajar ditekankan dengan kemahiran di dalam penghasilan pakaian daripada proses pencarian *subject matter, theme, inspirations, ideation, drafting, cutting* dan akhirnya pemilihan *material* jenis fabrik yang akan digunakan untuk menghasilkan rekaan pakaian sehinggalah kepada *actual design*, (Pablo Campos, et at., 2021). Permulaan daripada asas lakaran sehingga kepada penghasilan rekaan fesyen dan pakaian dan seterusnya terhasilnya rekaan fesyen dan pakaian yang dijahit oleh pelajar sendiri. Ini adalah merupakan proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang akan dilalui oleh pelajar bidang Sijil Fesyen dan Pakaian di Kolej Komuniti dan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi (Portal Pengambilan Pelajar Politeknik & Kolej Komuniti. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi akan diaplikasi untuk menghasilkan hiasan pada pakaian dengan lebih kreatif dan dapat menyumbangkan nilai daya saing dalam dunia fesyen. Kemahiran pula merupakan pengetahuan yang diperoleh pelajar dan diaplikasikan melalui aktiviti-aktiviti *hands-on* yang seterusnya mencetuskan pemikiran secara *minds-on* (Frings. G.S, 2008).

Definisi Fabrik

Fabrik ialah singkatan daripada perkataan tekstil *"fabric".* Bahasa Latin menggelarkan *fabric* sebagai *textile*. Walaupun kedua – duanya adalah dua benda yang berbeza namun ianya saling berkait rapat (Noraini Jusoh, 2021). Fabrik diklasifikasikan kepada dua bahagian mengikut sumbernya iaitu sumber asli dan sumber buatan. Bagi gentian atau sumber asli fabrik dibawah kumpulan ini adalah terdiri daripada empat sumber iaitu selulosa atau tumbuhan, haiwan, getah dan mineral. Gentian daripada sumber haiwan adalah protein iaitu daripada fabrik sutera dan bulu biri – biri. Manakala bagi gentian daripada tumbuhan pula adalah selulosa seperti *linen,* kapas, jut, rami dan *hemp*. Selain itu terdapat juga gentian daripada sumber tumbuhan seperti getah iaitu *elastomer* dan sumber gentian asli lain iaitu daripada mineral seperti *asbestos.* Seterusnya adalah gentian buatan yang dihasilkan

daripada tindakan kimia dengan bahan mentah seperti petroleum, arang batu dan selulosa. Gentian buatan ini sesuai dijadikan bahan tekstil sekiranya polimer menjadi filamen. Tiga cara asas yang digunakan untuk membuat gentian ialah pintalan cair, pintalan basah dan pintalan kering. Ianya juga dapat dibahagikan kepada selulosa daripada kayu atau serpihan kapas serta sintetik iaitu gentian yang diperbuat daripada arang batu dan petroleum. Gentian buatan selulosa terjana semula terdiri daripada gentian viskos, asetat dan triasitat. Bagi gentian buatan sintetik pula terdiri daripada gentian poliamida (nilon), polester dan akrilik (Mariam Abu Bakar, 1989).

Seterusnya pula adalah gentian atau sumber buatan yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu gentian terjana semula dan gentian sintetik. Bagi gentian terjana semula ianya berasaskan bahan selulosa yang diproses untuk dijadikan fiber. Gentian sintetik pula diperbuat daripada bahan berasaskan petroleum. Di antara beberapa fabrik sintetik termasukla *triacetate, acrylic, polyester, nylon, spandex, glass* dan *metal*. Bahan kimia yang berbeza akan menghasilkan jenis fabrik sintetik yang berlainan (Azmawati et al., 2021). Tekstil atau fabrik terbahagi kepada beberapa jenis sumber terjadinya tekstil iaitu fabrik yang diperbuat daripada fiber dan diperolehi daripada binatang iaitu *wool* (bulu), *silk* (sutera). Manakala bagi fabrik yang diperbuat daripada fiber tumbuh-tumbuhan terdiri daripada *cotton* (kapas) dan *linen*. Seterusnya bagi fabrik yang diperbuat daripada fiber sintetik pula adalah *polyester* dan *nylon.* Pembinaan fabrik terdiri daripada gentian yang dijadikan yan dan dijalin untuk dijadikan fabrik yang dipintal untuk membentuk satu lembar panjang yang kukuh dan tidak mudah berjerumbai. Secara keseluruhannya, fabrik merupakan elemen utama dalam industri fesyen yang akan berubah mengikut masa, cita rasa dan *trend* terkini. Ini terjadi apabila secara kebiasaannya, pereka fesyen antarabangsa akan menghasilkan rekaan fesyen melalui jenis fabrik yang digunakan selain menghasilkan pakaian itu sendiri. Maka terciptalah fabrik – fabrik yang baharu dan mempunyai pelbagai nama yang kebanyakannya diperbuat daripada bahan fiber seperti *wool, silk, cotton, linen, polyester* dan *nylon* atau gabungan dua atau lebih fiber semula jadi tersebut. Namun, pada zaman ini, kebanyakan fabrik atau kain yang digunakan oleh golongan atasan diperbuat daripada fiber sintetik seperti *polyester* atau gabungan *polyester* dan bahan fiber semulajadi. Antara nama fabrik atau kain yang biasa digunakan adalah *silk, cotton, brocade,* songket, *washable polyester, polyester, chiffon, satin, duchess satin, lace, jersey, georgette* (jojet), *taffeta, shantung, tulle, Lycra (spandex), Thai silk, Dubai silk, denim* dan sebagainya.

Definisi Tekstil

Senario yang kerapkali berlaku adalah apabila perkataan tekstil seringkali disalah anggap dan hanya terhad dikhususkan kepada kain, benang dan jahitan sahaja. Namun, perkataan tekstil adalah berasal daripada perkataan Latin *"texere"* yang membawa maksud mengayam dan pada asalnya digunakan untuk tenunan fabrik (Kholida Qothrunnada, 2021). Walau bagaimanapun, istilah tekstil pada masa kini lebih tepat ditakrifkan adalah untuk melindungi sebarang produk yang dikilangkan daripada *fiber*, filamen atau yan. Fiber adalah terdiri daripada asas unit yan iaitu asas kepada komponen fabrik. Ini telah diperakui oleh Institut Tekstil dalam istilah dan definisi serta mendefinisikan *fiber* adalah unit yang diukur dari karektor seperti fleksibiliti, kehalusan dan tahap ketebalannya dan kepanjangan fiber yang tidak boleh ditentukan juga ditakrifkan sebagai filamen (Beech et al., 1986). Dalam istilah awam, tekstil dapat disebut sebagai tiga siri utama iaitu tenunan *(woven),* kain rajutan (*knitted*) dan bukan tenunan *(non – woven).* Secara amnya, tekstil melibatkan tenunan yang berputar dan menjadi produk seperti benang, sutera semula jadi, sutera elastik, sutera logam, sutera pendek bersintetik panjang, sintetik rayon, dan tekstil bahan mentah lain (Eva Maria, 2015). Bagi kain tenunan dan bukan tenunan pula adalah kain plastik, kain rajutan, kain bulu semula jadi, dan kain industri. Kain industri adalah tekstil yang digunakan dalam bidang perindustrian seperti, kain kanopi, ayakan, kain penapis dan seumpamanya (Jane Wood et., 2023).

Selain itu, produk yang dihasilkan adalah beg, selimut, kelengkapan rumah bertekstil, sarung tangan, kaus kaki, produk pakaian hiasan dan produk buatan lain. Antara jenis tekstil lain pula adalah kain

untuk mainan, tali pinggang, tali, *sable*, jahitan dan benang sulaman. Bagi kaedah tekstil yang digunakan pada tekstil kain rajutan ialah permukaan kain rajutan terasa lembut, selesa di badan, dan kaya dengan keanjalan. Seterusnya pula kaedah tekstil tenunan yang akan menjadikan struktur kain tidak mempunyai keanjalan kecuali jenis kain yang mempunyai serat elastik. Ia mempunyai struktur yang stabil dengan permukaan yang rata, sangat pejal, senang dipakai dan mempunyai penampilan yang kaku dan longgar. Lain pula bagi tekstil kain bukan tenunan iaitu kaedah yang melibatkan penggunaan kepingan polimer, filamen atau serat pendek melalui pelbagai jenis rangkaian serat. Ini seterusnya mewujudkan gabungan kaedah teknologi dan produk akhir yang terhasil bagi produk serat baru itu akan menjadi lembut dan boleh bernafas (Adva Margaliot, 2020). Yan pada tekstil ditakrifkan dalam instilah dan definisi adalah produk daripada panjang yang besar dan keratan rentas gentian atau filamen yang agak kecil dengan atau tanpa lilitan. Namun demikian, yan dan benang adalah berbeza kerana yan digunakan untuk menghasilkan fabrik manakala benang digunakan untuk menjahit dan menyambung fabrik. Tekstil adalah material *"flexible"* (fleksibel) yang diperbuat daripada tenunan benang. Struktur fabrik tekstil dijadikan daripada bentuk yan dan *fiber* pada permukaan yang lebih baik mengikut ketebalannya. Seterusnya, struktur yan dan fiber juga adalah sebahagian silinder yang panjang. Tekstil dibentuk dengan cara penyulaman, penjahitan, pengikatan dan penekanan (*pressing)*. Oleh itu, istilah tekstil dalam penggunaan sehari – hari sering disamakan dengan istilah kain (fabrik) (Beech et al., 1986).

Ulasan Kepustakaan serta Kajian Lepas Berkaitan Silibus Fabrik Dalam Implimentasi Rekaan Fesyen Dan Pakaian Bagi Subjek Senireka Fesyen.

Rekaan fesyen dan pakaian yang tidak menepati tema, inspirasi dan subjek mater sesuatu pakaian

Di dalam silibus kajian fabrik, pelajar dapat mengetahui takrifan dan istilah fabrik, mengenal pasti sejarah dan pengenalan fabrik, membincangkan asal usul sumber fabrik asli dan buatan, mengenal pasti ciri – ciri fabrik, mengetahui jenis – jenis *material* fabrik dan mengaplikasikan kesesuaian fabrik pada rekaan pakaian yang dihasilkan menepati *theme, inspiration* dan *subject matter* sesuatu fesyen dan pakaian (Kurikulum Kajian Fabrik, 2012). Selain itu, istilah dan nama yang digunakan kepada setiap fabrik juga dapat diketahui serta kaedah – kaedah yang dilakukan untuk melaksanakan proses – proses menghasilkan fabrik pada pakaian dan kesan yang diperolehi bagi setiap eksperimen yang dijalankan (Kurikulum SFP 20073, 2021). Hasil penelitian tentang silibus kajian fabrik ini didapati penerangan terhadap jenis *material* fabrik dan contoh – contohnya adalah sangat sedikit malah tiada *material* jenis fabrik yang terkini dinyatakan. Sebagai penambahbaikan, penerangan tentang penggunaan bahan *material* fabrik baharu alaf 21 yang dikenali sebagai bahan pakaian lestari *(sustainability fabric)* merujuk kepada fabrik yang berasal daripada sumber mesra alam. Ianya juga sangat tahan lama dan dibina untuk kestabilan dan menjadikannya mudah untuk dijaga (Subramanian Senthilkannan Muthu, 2017). Bagi rekaan fesyen dan pakaian tertentu, seperti pakaian kerja, mungkin fabrik tahan lama dan pembinaan fabriknya membolehkan pakaian dan peralatan perlindungan dipakai lebih lama dan menangguhkan penggunaan penggantian (Kate Fletcher, 2015). Antara jenis *sustainability fabric* adalah diperbuat daripada *Natural Fibres* seperti *Recycled Cotton, Organic Hemp, Organic Linen, Tencel, Piñatex, Econyl, Qmonos* dan lain – lain.

Jika penelitian dan pembacaan yang hanya difokuskan kepada fabrik yang sedia ada sahaja, impak dan kesan ke atas hasil rekaan pakaian itu hanya di tahap biasa dan tidak *outstanding* untuk berdiri setanding dengan pasaran fesyen tempatan mahupun antarabangsa (Noor Azreen, 2020). Keperluan pensyarah adalah untuk mengetahui setiap *trend* dan stail terkini *material* fabrik yang digunakan oleh pereka fesyen, tempat untuk mendapatkan fabrik itu, hasil daripada penggunaan fabrik itu kepada pakaian dan risiko penerimaan fabrik itu ke atas permintaan fesyen tempatan mahupun antarabangsa (Noorhati, 2020). Ini kerana setiap idea dan keputusan yang dibuat dalam penghasilan rekaan pakaian adalah cerminan daripada hasil permintaan daripada peminat - peminat fesyen pakaian. Kesedaran dalam pembacaan menjurus kepada bidang kajian fabrik ini perlu dipupuk dan disemai kepada

pensyarah subjek agar tidak kekurangan idea dan dapat membantu dari segi PDP bersama pelajar. Hasilnya nota yang diberikan kepada pelajar akan menjadi lengkap dengan info – info terkini dan baru (Lucy Norris, 2019).

Tambahan pula di era ke 21, pelbagai jenis fabrik baharu yang dikenal pasti dan tumbuh bagaikan cendawan. Kesemuanya dikenali sebagai fabrik alaf moden dan penggunaan *sustainability fabric* diterapkan di dalam setiap hasil rekaan pakaian. Istilah *sustainable fabric* (pakaian lestari) merujuk kepada fabrik yang diperoleh daripada sumber mesra alam seperti *Bamboo Fibre, Bamboo Hardwood, Cork, Teak, Bioplastic Compostable, Hemp, Organic Cotton, Soybean Fabric* dan sebagainya (Idiano D'Adamo, 2021). Proses meminjam bentuk rekaan pereka terdahulu dengan mengambil beberapa ciri rekaannya, lalu digubah menjadi bentuk baharu juga lebih digalakkan. Bahkan untuk tujuan pembelajaran juga disarankan untuk membuat limitasi secara langsung bagi tujuan perubahan idea dan rekaan, namun pelajar tidak digalakkan untuk plagiat atau meniru hasil karya pereka fesyen terdahulunya (Asas Seni Visual, 2009).

Menurut (Ramamoorthy, 2017), eksperimentasi adalah sejenis cara, kaedah serta gaya untuk melakukan ujikaji atau *"testing"* untuk mengetahui sesuatu keputusan dan ujikaji yang dilakukan adalah tidak dirancang dan keputusannya adalah tidak dijangka. Menurut (Tensay, 2016), eksperimentasi adalah mencuba sesuatu benda baharu terutama sekali dalam mencari pengalaman dengan kaedah yang baru. Eksperimentasi yang dilakukan untuk memutuskan keabsahan sesuatu idea melalui latihan dan proses yang berterusan. Pengkarya, usahawan dan karyawan industri fesyen dan pakaian banyak menghasilkan eksperimen ke atas material yang terbaik bagi menghasilkan satu fabrik yang baharu. Pelbagai elemen penting yang dipilih untuk dimasukkan ke dalam bahan penghasilan fabrik kerana setiap fabrik yang dihasilkan itu akan berpadanan dengan peredaran zaman contohnya fabrik alaf moden yang mementingkan penggunaan mesra alam (Razwan Razwil, 2021).

Pelajar diberikan tugasan amali secara individu dan perlu melaksanakan di dalam studio atau bengkel fesyen seperti aktiviti penghasilan lakaran idea, pola pakaian, pemilihan fabrik, memotong kain dan menjahit pakaian. Walaubagaimanapun, masalah yang agak ketara adalah terdapat kelemahan di dalam proses pemahaman dan penguasaan amali dalam pemilihan *material* jenis fabrik yang yang dipilih. Pelajar lemah dalam memahami, memilih dan menggunakan fabrik untuk diaplikasikan di dalam rekaan pakaian yang dihasilkan (Cotton. Inc, 1998). Kelemahan ini jelas dikenal pasti apabila kelas amali dilaksanakan. Pelajar memerlukan masa di dalam memahami seterusnya menguasai amali kecenderungan pemilihan fabrik yang tepat ke atas rekaan pakaian. Walaupun gambaran awal, contoh, jenis dan fungsi fabrik telah diberikan di dalam modul yang dipelajari namun pelajar perlu menguasai kemahiran dan teknik yang betul dalam pemilihan fabrik yang tepat (Karla et al., 2015). Pemilihan fabrik yang salah dan tidak tepat akan merisikokan rekaan pakaian yang dihasilkan. Banyak risiko yang terjadi kepada hasil rekaan pakaian itu dan melibatkan fungsi serta peranan pakaian itu terjejas (Nazlina, 2019). Pemahaman pelajar kadangkala tepat dan dapat direalisasikan dalam *subject matter, theme dan inspiration* yang dipilih. Namun, apabila lakaran idea dilakukan bersama contoh pemilihan jenis material fabrik, *pre-toile* yang hanya menggunakan fabrik *calico* (belacu) tidak akan menampakkan fungsi sebenar tema pakaian itu. Ini seharusnya dilakukan dengan menggunakan *actual fabric* yang telah dipilih bersama bantuan dari pensyarah serta direalisasikan ke atas pakaian itu. Impaknya kesemua *detailing* pakaian termasuklah fungsi pakaian itu berjaya dihasilkan (Ahyoung Han, 2021). Dalam fesyen, tiada istilah kegagalan pada rekaan yang dihasilkan jika pelajar bersungguh - sungguh membuat eksperimentasi ke atas pelbagai jenis material fabrik yang dipilih. Ini terjadi kerana pemilihan fabrik adalah proses yang memakan masa, rijik dan memerlukan fokus yang tinggi. Proses ini tidak hanya dilakukan sekali malah perlu dilakukan berkali – kali untuk mendapatkan hasil yang memuaskan dan berkualiti. Idea pemilihan itu boleh selalu membayangkan keputusan yang lebih atau kurang adil kerana proses pemilihan material, produk atau objek diperoleh berdasarkan kriteria objektif atau subjektif bergantung pada setiap kes. Pelbagai elemen yang berlaku secara semulajadi dan mempunyai kaitan dengan keperluan alam semula jadi untuk memilih produk yang paling sesuai untuk bertahan dalam persekitaran tertentu.

Eksplorasi fabrik dengan kaedah yang tepat untuk menghasilkan rekaan fesyen dan pakaian yang kreatif dan inovatif

Istilah eksplorasi ialah satu bentuk penjelajahan ke lapangan untuk memperoleh sesuatu melalui pengamatannya bagi semua jenis dan merupakan cara utk belajar (Kamus Dewan Edisi Keempat Abdul Rahman A Samad, 2019). Bagi istilah fesyen, eksplorasi adalah dikaitkan dengan satu reka bentuk seni atau proses mereka bentuk dan mencipta produk atau fesyen kepada pengguna (Deeyah, 2019). Ianya merupakan suatu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea pada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian. Hal ini sinonim dengan istilah eksplorasi fabrik yang dibincangkan. Penekanan konsep, prinsip, elemen reka bentuk dan estetika atau keindahan semula jadi dalam rekaan adalah kandungan terbaik untuk menghasilkan eksplorasi yang terbaik (Mette Bielefeldt Bruun, 2016). Dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian pendedahan yang luas tentang kaedah eksplorasi ke atas fabrik haruslah diutamakan. Pelbagai kaedah boleh diadaptasikan di dalam PDP bagi subjek fabrik di dalam kelas. Antaranya adalah kaedah *mix and match, embellishment or embroidery* dan *draping*.

Teknik gabung dan padanan (*mix and match)*

Mencampur dan memadankan corak fabrik mungkin kelihatan menakutkan tetapi jika beberapa peraturan dilakukan dan hanya memerlukan sedikit kos untuk melakukannya walaupun tidak perlu menjahit. Dalam cara lain untuk memperoleh reka bentuk tekstil yang lebih menakjubkan adalah dengan mencampurkan satu atau lebih tekstil untuk mendapatkan kesan tekstur fabrik yang diingini (Pablo Campos, 2021). Percampuran fabrik atau kata lain adalah *mix and match* adalah kaedah yang biasa dilakukan oleh pereka fesyen ke atas rekaan pakaian yang dihasilkan. Contohnya fabrik bercorak atau berjalur akan digabungkan dengan fabrik *plain*. Selain itu, warna fabrik yang kontra dipadankan seperti warna hijau dan kuning pada sesuatu rekaan pakaian. Ini bergantung kepada cara, teknik, perletakan dan rekaan yang pereka fesyen hasilkan. Senario padanan fabrik ini juga biasa dilihat di kedai atau gedung kain yang meletakkan padanan fabrik yang *matching* diletakkan bersebelahan dengan yang lain dalam warna dan tekstur yang serupa serta dapat berfungsi bersama (Jae-Min Lee, 2023).

Setiap rekaan pakaian terdapat satu atau lebih jenis *material* fabrik yang digunakan dan kebiasaannya jenis fabrik itu tidak sama jenis atau kontra. Ini terjadi kerana sesuatu rekaan yang baik mempunyai kepelbagaian tekstur, corak, design dan warna di dalamnya. Oleh itu, pemilihan yang tepat dalam memadankan fabrik antara satu sama lain adalah penting bagi mewujudkan kesinambungan antara fabrik – fabrik yang digunakan (Ming Wang et al., 2021). Namun, dari segi penelitian PDP di kolej komuniti, para pelajar masih lagi takut dan pada masa yang sama tidak yakin untuk menggunakan teknik *mix and match* ini di dalam penghasilan rekaan pakaian. Pelajar hanya menggunakan fabrik yang biasa, tidak berapa menyerlah dan menggunakan hanya satu fabrik di dalam rekaan (Hafiz et al., 2016). Inisiatif daripada pensyarah juga diperlukan bagi membantu pelajar dalam mengaplikasikan teknik ini pada rekaan mereka dengan *pre toile* ke atas pilihan fabrik lalu dipadankan dengan rekaan pakaian yang dihasilkan. Karektor dan fungsi rekaan yang dihasilkan akan terserlah malah keputusannya juga lebih baik dan berkualiti (Noor Azreen, 2020). Menurut Ann (2011) falsafah teknik *mix and match* adalah pilihan dua warna dan neutral, pilihan fabrik sekurang-kurangnya tiga corak yang berbeza, memilih sekurang-kurangnya satu kain yang ada dua warna mengikut tren terkini, warna kegemaran atau *color focus* dan neutral, memilih pelbagai fabrik bercorak dan tidak takut untuk mencuba sesuatu yang baru.

Teknik sulaman (*embellishment / embroidery)*

Takrifan *embellishment* ialah elemen tambahan yang diletakkan ke atas permukaan bertujuan sebagai keselamatan ataupun hiasan. Antara hiasan yang selalu digunakan dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian ialah renda *(lace)*, manic *(beads)*, labuci *(sequins)* atau sesuatu bahan yang boleh diletakkan di atas permukaan (The Design Cart, 2021). Bagi takrifan sulaman pula ialah seni atau kraftangan menghias kain atau bahan lain dengan jarum dan benang atau benang. Sulaman juga boleh menggunakan bahan lain seperti jalur logam, mutiara, manik, bulu ayam dan labuci. Teknik asas sulaman daripada sulaman tangan kepada sulaman mesin (Sue Gardner, 2015). Dikenalpasti sebagai setiap teknik sulaman yang dilakukan dengan halus dan baik serta mempunyai nilai estetika tersendiri. Pelbagai fabrik boleh digunapakai dan sesuai digunakan dari *satin* hinggalah ke *canvas* (Bernama, 2018). Para pencinta sulaman memahami nilai dan konsep yang hendak diaplikasikan. Kajian demi kajian dan perkongsian idea melalui orang perseorangan dapat membuktikan kejayaan bidang sulaman sebagai hiasan. Namun bahan yang digunakan perlu dibeli kerana tiada individu yang berpengetahuan dalam kitar semula bahan terpakai untuk menjimatkan kos seterusnya dapat mengurangkan harga jualan produk yang mempunyai nilai estetik yang tersendiri (Zarina, 2016).

Antara contoh kaedah yang boleh diaplikasikan ke atas teknik ini adalah eksperimentasi 4R *(recycle, reduce, reuse, recover)* yang menjadi asas dalam mengenal pasti keberkesanan teknik sulaman sebagai hiasan ke atas permukaan sesuatu fabrik. Ianya dapat menghasilkan beberapa teknik iaitu dengan menggunakan lebihan fabrik yang diguna pakai oleh pelajar dalam menghasilkan hiasan ke atas permukaan atau fabrik. Selain itu, teknik ini dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa kombinasi bahan *mix media* dari bahan terbuang dapat memberikan kesan yang menarik, kreatif dan inovatif. Eksperimen ini dilakukan oleh pelajar dengan bantuan pensyarah semasa PDP berlangsung. Setiap langkah – langkah eksperimen itu dilakukan iaitu pengumpulan bahan kitar semula seperti kepelbagaian fabrik terpakai, penyediaan beberapa teknik atau teknologi yang boleh diguna pakai dalam ujian *trial and error*, keperluan peralatan seperti mesin jahit industri, mesin sulaman industri dan mesin sulaman berkomputer industri (Noor Azreen, 2020). Antara bahan terbuang yang digunakan oleh pelajar adalah lebihan fabrik, lebihan jahitan seperti benang jahit tepi, kertas pola, peralatan bahan menjahit yang rosak atau tidak boleh diguna pakai seperti zip, butang dan sebagainya. Hasil teknik yang digunakan adalah lebih cenderung menggunakan bahan-bahan ini ke atas *artwork* ataupun *detailing* pada sesuatu bahagian dalam rekaan pakaian dengan melibatkan *geometric pattern*. Selain itu, teknik ini juga boleh dijadikan sebagai pilihan motif yang terbaik dari perkembangan idea untuk dihasilkan ke atas product akhir pada rekaan pakaian. Justeru, teknik embellishment / *embroidery* ini sangat sesuai diaplikasikan oleh pelajar fesyen dan pakaian untuk membuat eksplorasi ke atas sesuatu fabrik. Ini kerana bukan sahaja hasilnya akan bertambah cantik, malah menjadikan rekaan pakaian itu mempunyai kelainan dan ada unsur kreativiti dan berbeza dengan rekaan yang lain. Bagi pencipta pakaian sulaman dan *detailing* akan menjadikan teknik ini sebagai salah satu rekaan pakaian yang boleh diketengahkan dan turut mendapat tempat di mata pasaran fesyen dunia (Lucy Norris, 2019).

Teknik lipatan (*draping)*

Takrifan *draping* pada istilah fesyen merupakan reka bentuk fesyen iaitu proses meletakkan dan menyemat fabrik pada bentuk pakaian untuk membangunkan struktur reka bentuk pakaian. Pakaian boleh disarungkan menggunakan lakaran reka bentuk sebagai asas atau teknik cara perletakan fabrik itu jatuh bagi mencipta reka bentuk baharu pada permulaan proses reka bentuk pakaian. Manakala selepas draping, kain dikeluarkan dari bentuk pakaian dan digunakan bagi mencipta corak jahitan untuk pakaian (Hilde Jaffe & Nurie Relis, 2015). Teknik fesyen *draping* dan *fitting* biasanya dilakukan dengan *fabric calico* (muslin) iaitu fabrik kapas yang murah, tidak diluntur atau ditenun longgar untuk menyelesaikan sebarang masalah *draping* dan *fitting* pakaian sebelum memotong corak dalam fabrik sebenar.

Menurut Noor Azreen & Norhati (2020), Teknik *draping* diaplikasikan dengan cara pereka fesyen melabuhkan pakaian dalam beberapa bahagian iaitu korset depan, korset belakang, skirt depan, skirt belakang dan sebagainya semasa meletakkan fabrik pada dummy. Seterusnya fabrik diletakkan pada dummy mengikut lakaran rekaan pakaian. Proses *draping* fesyen memerlukan kepingan *fabric calico* yang telah dipotong setelah mengukur, mengoyak, menyekat, menekan dan menanda garis butiran dan garis rujukan pada draf pola pakaian. Seterusnya, proses *draping* kain disematkan pada bentuk pakaian dan diposisikan untuk membentuk pelbagai dart, tuck, gather dan lain – lain lagi yang memberikan bentuk dan kesesuaian pada pakaian. Setelah reka bentuk yang diingini diperolehi, *fabric calico* ditanda semasa masih pada bentuk pakaian untuk menunjukkan di mana garis jahitan, dart, dan lain-lain yang terdapat pada kain. Apabila penandaan selesai, kain calico dikeluarkan dari bentuk pakaian dan diletakkan rata di atas meja untuk *truing.* Istilah *truing* ialah proses menggunakan pembaris dan lengkung reka bentuk untuk menyambung, melicinkan dan memuktamadkan penandaan. Setelah *truing* selesai, garis jahitan ditambah dan lebihan bahan dipotong (Pragati Rastogi, 2020). *Fabric calico* kemudian disematkan bersama-sama (dengan semua *dart* disematkan) dan diletakkan semula pada *dress form* untuk memeriksa ketepatan, *fitting* dan untuk menutup mana-mana bahagian tambahan pakaian. Setelah semua helaian pakaian itu disarungkan, semuanya disematkan dan diletakkan pada *dress form* untuk memeriksa ketepatan *fitting.* Setelah berpuas hati dengan rupa dan kesesuaian pakaian yang disematkan, *fabric calico* dikeluarkan dari bentuk pakaian dan ditekap ke atas kertas pola untuk dijadikan pola pakaian. Seterusnya ditekan rata *seam lines* untuk menghasilkan semua garisan jahitan, *marking* dan *notches* lalu dipindahkan ke atas kertas pola untuk menghasilkan jahitan pada pakaian (Valerie Corr, 2014).

Contoh eskperimentasi *draping* yang boleh diaplikasikan oleh pelajar adalah melalui proses *pre-toile* yang menggunakan jenis kertas yang bersesuaian dengan memilih teknik *draping* pada *dummy* bagi mendapatkan *silhouette* yang dikehendaki mengikut rekaan yang dihasilkan. Dalam proses *pre-toile* menggunakan kertas ini pelajar dapat menjimatkan masa dengan menggunakan bahan seperti gam, klip kertas, pita salofon, dawai kokot sebagai agen penyambung. Pelajar juga boleh menggunakan semula kertas tersebut *(recycle material)* untuk projek yang lain sekiranya bersesuaian dan tidak perlu membazir. Justeru, walaupun majoriti syarikat dalam industri fesyen tidak lagi menggunakan draping sebagai sebahagian daripada proses reka bentuk, *draping* ialah kemahiran utama yang membolehkan pereka pakaian memahami perkara dengan mencipta kesesuaian dan cara untuk mencapai satu hasil rekaan pakaian. Jika sampel pakaian tidak sesuai, seorang pereka yang biasa dengan cara *dart* dan jahitan yang memberi bentuk pada pakaian dapat melihat permasalahan yang boleh menimbulkan isu bagi kesesuaian sesuatu rekaan. Walau bagaimanapun, seni *draping* tidak hilang sepenuhnya malah dalam syarikat fesyen berprestij tinggi, fesyen *couture, evening dres* dan *lingerie* masih mengekalkan teknik ini dalam penghasilan pakaian. Di samping itu, beberapa reka bentuk pakaian adalah mustahil untuk dibuat melalui *flat pattern* dan perlu menggunakan kaedah *draping* ke atas rekaan pakaian. Dan beberapa fabrik perlu diuji pada bentuk pakaian untuk melihat bagaimana mereka fungsi dan karektor fabrik itu ke atas pakaian yang akan dihasilkan. Justeru, kepelbagaian teknik *draping* perlu dieksplorasi oleh pelajar fesyen dan pakaian di kolej komuniti untuk meningkatkan skil dan kemahiran dalam teknik dan cara penghasilan pakaian. Bantuan dan kepakaran daripada pensyarah juga amat diharapkan agar teknik ini dapat dipelajari dan dikuasai oleh pelajar.

Cadangan penambahbaikan untuk menghasilkan rekaan fesyen dan pakaian yang menepati fungsinya

Bagi senario pelajar program fesyen dan pakaian yang terdedah dengan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan pelajar, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis amat penting bagi membantu menghasilkan rekaan yang berfungsi, bersesuaian dan berkualiti. Tambahan pula kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dapat membantu pereka untuk menvisualkan rekaan pakaian dan mengenal pasti keperluan dari segi teknik pemilihan material fabrik yang tepat. Oleh itu pengetahuan, penggunaan dan teknik yang tepat dapat membantu keberhasilan proses keseluruhan dalam

menghasilkan rekaan pakaian. Sungguhpun begitu, penulisan ini masih berada diperingkat awal di mana lebih banyak teknik dan jenis material fabrik yang terkini bersifat *sustainability* perlu dilakukan kajian lanjautan untuk melihat keberkesanannya dalam pemilihan fabrik kelasterian itu dalam rekaan fesyen dan pakaian di dalam era globalisasi kini.

Kesimpulan

Sesuatu kemenjadian rekaan pakaian yang dihasilkan adalah daripada pemilihan tema, stail, *trend* dan fungsi yang bersesuaian seiring dengan keperibadian diri, arah, aktiviti, tujuan dan destinasi yang ingin dilakukan oleh seseorang. Kewujudan, asal usul dan nilai sesuatu pakaian yang berkualiti tinggi itu meliputi pelbagai aspek dan kriteria yang penting bagi menjadikan keistimewaan rekaan fesyen dan pakaian sentiasa dipelihara dan dimartabatkan. Tiada makna bagi sesuatu rekaan jika pakaian itu hanya cantik tanpa mempunyai fungsi, kesesuaian dan kualiti. Dengan erti kata yang lain adalah rekaan fesyen dan pakaian itu haruslah seiring dengan sifatnya yang kerap kali dikaitkan dengan perkataan glamor, anggun, mewah dan mempunyai karektor serta nilai estetika fesyen dan pakaian merentas dunia. Implikasi daripada pengaruh elemen – elemen kreativiti dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian dapat melahirkan penggemar fesyen untuk memahami istilah kreativiti bagi menghasilkan rekaan pakaian yang berfungsi, bersesuaian dan berkualiti. Setiap teknik, kaedah dan cara yang versatil ditambah pula dengan penggunaan *material*, alat dan bahan yang lengkap dan terbaik dapat diaplikasikan mengikut kreativiti masing- masing agar rekaan pakaian yang dihasilkan tidak membosankan, mengikut trend dan stail terkini serta praktikal.

Justeru, konsep, amalan dan kaedah yang bersesuaian, praktikal dan terancang akan menghasilkan idea atau karya seni yang baharu dan pertama kali ditunjukkan kepada orang lain. Ia mungkin satu aktiviti khayalan atau pengeluaran *material*, gambaran pengalaman lama berhubung dengan aktiviti yang baharu. Namun, Implimentasi elemen kreativiti dalam bidang rekaan fesyen dan pakaian dapat menghasilkan inovasi produk yang kreatif dan inovatif seterusnya dapat menyelesaikan sesuatu masalah dalam rekaan pakaian. Ianya juga dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman dalam penggunaan elemen – elemen yang dapat membantu dalam perkembangan idea seterusnya menghasilkan produk yang berimpak dan berkualiti tinggi. Melalui medium ini juga, penambahbaikan dari semasa ke semasa perlu dilakukan terutamanya pada silibus kajian fabrik agar *trend, stail* dan *fashion focus* terkini dapat direalisasikan oleh pelajar dalam penghasilan pakaian yang berfungsi dengan tepat. Justeru, diharapkan penulisan ini dapat membantu pelajar mengaplikasikan idea dan kretiviti melalui fabrik yang sedia ada kepada fabrik yang baharu serta kepelbagaian teknik yang bersesuaian. Impaknya, pelajar program fesyen dan pakaian akan lebih yakin menghasilkan pakaian dengan eksplorasi fabrik yang terkini kepada hasil rekaan ciptaan mereka setelah tamat pengajian kelak.

Rujukan

Ahyoung Han, Kwangyun Wohn, Jaehong Ahn, 2021. Towards new fashion design education: learning virtual prototyping using E-textiles International, *Journal of Technology and Design Education* (2021) 31:379–400, https://doi.org/10.1007/s10798-019-09558-w, pages 380-400.

Arasinah Kamis, S. M. (2016). Selamatkan Planet Kita: Mereka Bentuk Semula PakaianTerpakai untuk Pelbagai Kegunaan. *2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, pages

Armstrong M (2003) A handbook of human resource management practice. Kogan Press, London.

Bethan Bide, 2021, Class and creativity in fashion education: A comparison of the pedagogies of making and design at British technical schools and art and design schools, 1870s–1950s', pages 175- 194.

Bernama. (2018). Berita Harian Online. Nurul Izzah Anwar, *Harapan tinggi belia terhadap TVET*, 13 Julai 2018, Julai 2019. Retrieved: https://www.utusan.com.my/malaysia-kita/harapan-tinggi-belia-terhadap-tvet- 1.708354

Camilo Ayala-Garcia[a] & Valentina Rognoli[b]. (2017). The New Aesthetic of DIY-Materials, S375 - S389

Clothworkers Company. 1876–78. Trusts and General Superintendence Committee, Vol 8. The Clothworkers' Company Archive.

Cheng. S (2018), 'The Interdependence Between The Demand of Fashion Industry And The Function of Fashion Education.', p 1065–1072.

Choi, Jaz et al. (2019), 'Creative Risk-Taking: Developing Strategies For First Year University Students In The Creative Industries', p 73-89

Cristina Palacios-Mateo, Yvonne van der Meer and Gunnar Seide, 2021, Analysis of the Polyester Clothing Value Chain to Identify Key Intervention Points for Sustainability, 33:2, 1-25.

Cotton Inc. (1998). In Search of jeans that fit, 22 October, available at: http://www.cottoninc.com/WWD/cyberware.cfm?PAGE=939 (accessed 19 December 2002)

Fiona Fylan, Laura A. Bentley, Dean Brough, Mark King, Alex A. Black, Neil King & Joanne M. Wood. (2021). Designing Cycling and Running Garments to Increase Conspicuity, Vol 14, No. 3, 263-271.

Frings, G.S, 2008, 'Fashion from concept to consumer (9th edition)'. Upper Saddle River, NJ: Pearson.

Jane Wood, James Redfern and Joanna Verran, 2023, Developing Textile Sustainability Education in The Curriculum: Pedagogical Approaches to Material Innovation in Fashion, *International Journal of Fashion Design, Technology and Education* 2023, Vol. 16, No. 2, 141–151 Https://Doi.Org/10.1080/17543266.2022.2131913

Jung Soo Lee & Charlotte Jirousek. (2015). The Development of Design Ideas in The Early Apparel Design Process: A Pilot Study, Vol. 8, No. 2, 151–161.

Jeevanya Manimaran, 2021, Menggunakan Bahan Kitar Semula dalam Pakaian Wanita yang Siap Dipakai *(ready-to-wear)*1-104.

Karla et al., (2015). Body Measurement Techniques Comparing 3D Body-Scanning and Anthropometric Methods for Apparel Applications. *International Journal of Fashion Design, Technology and Education*, vol 7, no (3), 220-243.

Kerlinger, F.N. (1986). Foundations of behavioural research (3rd. ed.). Fort Worth, TX: Holt, Rinehart, and Winston

Kurikulum Program Fesyen & Pakaian, JPPKK (Kementerian Pengajian Tinggi 2022).

Kim, I., & Uh, M. (2002). *Apparel making in apparel design.* New York: Fairchild Publication

Kurikulum Fesyen Dan Pakaian, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (2021). Sijil Fesyen & Pakaian (SFP 20073), Wilayah Persektuan Putrajaya.

Mariam Abu Bakar, 2004, Panduan Membuat Pakaian, Panduan Lengkap Langkah Demi Langkah Teknik Menjahit, Kuala Lumpur

Melita M Neal, 1961, Needlework for School. Blackie & Son Limited. Glasgow

Mentari Widyani Prameswari & Marissa Cory Agustina Siagian. (2019). Kebakaran Hutan Kalimantan Sebagai Inspirasi Pada Rancangan Pakaian *ready to wear,* Vol 7/N3, 269 – 278.

McDonough, W. d. (2013). *The upcycled: Beyond sustainability-designing for abundance.* New York: North Point Press

McDowell (2000) Fashion Today. Phaidon Press, Austria.

Mohd Hafiz Bin Sabran, Noraini Binti Mohamad Nor & Salina Binti Abdul Manan. (2016). Permasalahan Di kalangan Pelajar Program Fesyen Dan Pakaian Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PNP) dan Penilaian Akhir Amali Bagi Modul Penghasilan Pakaian.

Monika Murzyn-Kupisz & Dominika Hołuj, 2021, Fashion Design Education and Sustainability: Towards an Equilibrium between Craftsmanship and Artistic and Business Skills?, *Jurnal Education*, Sci. 2021, 11, 531, pages 1-30, https://doi.org/10.3390/educsci11090531

Museum, V. a. (2016). History of Fashion 1900-1970. *The World's leading museum ofart and design*.

Nesma ElShishtawy[a], Pammi Sinha[b] & Julia A. Bennell[c]. (2021). A comparative review of zero- waste fashion design thinking and operational research on cutting and packing optimisation, 1-14.

Norulaini Mohd Ramly, Nazlina Shaari. (2019). Senario Penghasilan Pola Pakaian di Malaysia Bagi Program Fesyen TVET, Vol. 7, 31-40.

Noor Azreen Binti Ibrahim[1], Noorhati Binti Abd Kadir[2]. (2020). *Pre-Toile* Sebagai Proses Eksperimentasi Pola Rekaan Fesyen Bagi Pelajar Diploma Rekabentuk Fesyen Dan Pakaian Politeknik Ibrahim Sultan, Vol 20 - OMICOT, 125-132.

Pablo Campos, Laura Luceno and Carlos Aguirre, 2021, Physical Spaces in Higher Education as Scenarios of Learning Innovation: Compositional and Formative Synergies among Architecture, Music, and Fashion, Architecture, Music, and Fashion, *Journal Investigation Health, Psychology and Education,* 2021, 11, 1166–1180. https://doi.org/ 10.3390/ejihpe11040086, pages 1167 - 1180

Paulien Harmsen, Michiel Scheffer & Harriette Bos. (2021). Textiles for Circular Fashion: The Logic behind Recycling Options, 13, 9714, 1-17.

Portal Program Sijil Fesyen Dan Pakaian, Politeknik & Kolej Komuniti Selayang, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, 2022

Rosmawati binti Mamat. (2019). Keperluan Kebolehan Visualisasi Spatial Dalam Reka Bentuk Pakaian, Jilid II, 134-143.

TextileWorld & Tyton BioSciences. (2021). Developer of Recycling Technology for the Fashion Industry, Closes Series a Funding Round. Available online: https://www.textileworld.com/textile-world/knitting-apparel/2020/01/tyton-biosciences-llc-developerof-recycling-technology-for-the-fashion-industry-closes-series-a-funding-round/

Susan Postlethwaite, 2020, Investigating Creative Processes and Pedagogy in the UK: Fashion Thinking, Pages 151-163, *The Journal of Design, Creative Process & the Fashion Industry*, Taylor & Francis Online, Volume 14, 2022 - Issue 1,

Sonya Abrego, (2018). Cone Mills Denim: An Investigation into Fabrication, Tradition, and Quality Fashion Theory, Volume 23, Issue 4-5, pp. 515–530

Stefano Parisi, Valentina Rognoli & Marieke Sonneveld. (2017). Material Tinkering. An Inspirational Approach for Experiential Learning and Envisioning in Product Design Education, S1167 - S1184.

Zarina Binti Yusof. (2016). Ekplorasi *'Embellishment'* Sulaman Melalui Konsep 3R *(recycle, reduce, reuse)* Dalam Kurikulum Bidang Rekaan Fesyen Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Home Structure Defect Inspection: A Study at Sungai Rambai, Muar

Hazilah binti Mohamad [1, a], Nur Nadia Natasya binti Musa [2, b] and Muhammad Zakwan bin Zaulkffali [3, c]

[1] Department Civil Engineering, Politeknik Merlimau, Kementerian Pendidikan Tinggi, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia

[2] Department Civil Engineering, Politeknik Merlimau, Kementerian Pendidikan Tinggi, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia

[3] Department Civil Engineering, Politeknik Merlimau, Kementerian Pendidikan Tinggi, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia

[a]hazilah@pmm.edu.my, [b]nurnadia0570@gmail.com, [c]zakwankffali17@gmail.com

Abstract. Home inspection provide an opportunity for a buyer in order to identify the major and minor defects. The concept of inspection checking is can be used as a contingency in buyer's contract with the developer. This contingency provides that if a home inspection revealed a significant defect, the buyers can claim their rights to the developer within a specific timeframe. The developer needs to repair the defects immediately if the buyers are claiming the right on the timeframe of Liability Defect Period. So, the objective of this case study is to determine the types of structure defect at home construction. This is because the lack of observation by the customer will lead into losses. Inspectors vary in experience, ability, and thoroughness, but a good inspector should examine certain home components and then produce a report covering their findings. The typical inspection lasts two to three hours, and the buyer should be present for the inspection to get a first-hand explanation of the inspector's findings. For the conclusion, it is much better to hire the professional inspector in order to detect more defect so it will be saved your money in the future.

Keywords: Structure; Defect inspection; Home inspection; Liability defect period

1. INTRODUCTION

The title that has been chosen is Home Structure Defect Inspection. The title that have been given is intend to do the research about the defect at home in order to identify the defect before it will affect the end user sooner or later. By deciding to this research, it will help the clients in order to claim their Liability Defect Period from the developer because there are a lot of customers who are thinking this checking is not necessary to do this checking. As a home buyer, the home inspection is the last chance to uncover defects with the house and potentially get the seller/developer to compensation or pay for them before sealing the deal with the customer. Homes of any age may have areas that are not current in code requirements. This is a new home, and this home should be expected to meet all current code requirements. While this inspection makes every effort to point out safety issues, it does not inspect for code. It is common that homes of any age will have had repairs performed and some repairs may not be in a workmanlike manner. Some areas may appear less than standard. This inspection looks for items that are not functioning as intended. It does not grade the repair. The home inspection does not look for possible manufacturer re-calls on components that could be in this home. Always consider hiring the appropriate expert for any repairs or further inspection. (Smith, J., & Smith, J. (2007). After the physical inspection, the home inspector also may take a couple of days to send the written report. For the last one, buyers should attend the inspection so they can explore their new home in detail and ask questions during the process. This can give you much more information than the report alone. There are many causes that lead to defects in the new buildings. The defects in new buildings are due to reason of design and construction problems which is poor workmanship, construction materials, faulty during construction, and not according to the specification, etc. Other

than that, climatic condition, lack of maintenance, external environment, limited time and cost will also cause defects to be occurred. All these causes will eventually reduce the value of the buildings and the cost of rectifying it will be expensive if the defects are being neglected by the occupants (Tunku, Universiti, and Abdul Rahman, 2016). Defects are major contributions to rework. Therefore, unnecessary efforts are needed to correct it. However, defects in new buildings can be prevented and minimized by implementing a strict supervision towards the workers and also the construction of new buildings, provide training and education to the workers, communicate well with the parties that are involving inside, proper design and construction management, lastly will be the allocation of the manpower (Meor Hasan, 2016).

2. METHODOLOGY

In this research, two types of methodologies are used which is field study and interview to the stake holder. For the field study, the data will be transformed to The Checking of Inspection table by using the Construction Industry Standard by CIDB. All of the data has been to obtained from the inspection checking and directly were collected to perform the process of analysis data. By using the report from the inspection checking, the quality of material based on the structure defects will be determined. Besides that, the types of defects will also be determined by using the checklist form (CIDB).




Fig. 1. Flow Chart Methodology

3. ANALYSIS DATA

3.1 Result Analysis at Sungai Rambai, Muar

a) Wall Deffect

Table 1. Wall Defects

Defect Characteristic	HOME				
	1	2	3	4	5
Wall alignment (<3mm per 1.2m)	/	-	/	-	/
Wall not meet at the right angle (<4mm over 300mm)	/	/	/	/	-




Fig. 2. Pie Chart of Wall Defects at Sungai Rambai, Muar

Table and figure show the data collection of Wall Defects by referring Construction industry Standard by CIDB. Based on the (CIS), the marked part that will be appointed as defects such as having stain marks, not having consistency colour tone and good paintwork, alignment and evenness which is <3mm per 1.2m, wall not meet the right angle which is <4mm over 300mm. Based on the following data, most of defects that have been detected are mostly wall not meet at the right angle which is the connection between two walls are over than 4mm. For wall alignment, the defects that have been detected are the surfaces of the wall are not smooth and having more than 3mm distances between the water level.

b) Skim Coat Defect

Table 2. Skim Coat Defects

Defect Characteristic	HOME				
	1	2	3	4	5
Wall finishes	/	/	/	-	-
Wall hollow	-	-	-	-	-




Fig. 3. Pie Chart of Skim Coat Defects at Sungai Rambai, Muar

Table and figure show the data collection of Skim Coat Defects by referring Construction industry Standard by CIDB. Based on the (CIS), the marked part that will be appointed as defects such as not having a finished texture and colour to be uniform. Most of the defects that have been detected is wall finishes. Basically, the causes of wall finished defect are uneven panting. It is basically can be seen by the eyes about the differences colour tone.

c) Tiling Defects

Table 3. Tiling Defects

Defect Characteristic	HOME				
	1	2	3	4	5
Hollowness	/	-	-	-	/
Lippage	-	-	-	-	-
Jointing and Gap	-	-	-	-	-
Crack and Damage	-	-	-	-	-
Stain	/	/	-	/	-




Fig. 4. Pie Chart of Tiling Defects at Sungai Rambai, Muar

Table and figure show the data collection of Tiling Defects by referring Construction industry Standard by CIDB. Based on the (CIS), the marked part that will be appointed as defects such as having a hollowness & stain marks. Most of the defects that have been detected is stain. For this inspection, the types of defects for tiling are more to stain and hollowness. There are a few types of stain that have been detected such as a dropping paint and marks. For the hollowness by using tapping rod, there have been a few houses that have the same issues which is hollowness.

d) Plaster Ceiling Defects

Table 4. Plaster Ceiling Defects

Defect Characteristic	HOME				
	1	2	3	4	5
Crack and Damage	/	-	-	-	-
Plaster Finishes	-	-	-	-	-
Watermark	-	/	/	-	-
Stain	-	-	-	/	/




Fig. 5. Pie Chart of Plaster Ceiling Defects at Sungai Rambai, Muar

Table and figure show the data collection of Plaster Ceiling Defects by referring Construction industry Standard by CIDB. Based on the (CIS), the marked part that will be appointed as defects such as no pin holes and no trowel marks, formwork joints are grounded smooth, stain and damage. Most of the defects that have been detected are crack & damage, watermark and stain at the ceiling. Based on the inspection, the factor that influence the crack & damage and watermark are basically came from the water system. The problem that water system caused can affect the ceiling and it will happen a crack and damage. For the stain defects, it is probably come from the workers that accidently point a scratch at the ceiling during the construction time.

e) Door Frame Defect

Table 5. Door Frame Defects

Defect Characteristic	HOME				
	1	2	3	4	5
Alignment	-	-	-	-	-
Dented	-	/	/	-	-




Fig. 6. Pie Chart of Door Frame Defects at Sungai Rambai, Muar

Table and figure show the data collection of Door Frame Defects by referring Construction industry Standard by CIDB. Based on the (CIS), the marked part that will be appointed as defects such as damage and door frame corners not maintained at the right angle. Based on the following data at the table, most of the defects that have been detected are dented. Dented are mostly caused by the production company or by the workers at the site construction. Basically, it will happen by accidently and it will affect the appearance of the door frame.

4. CONCLUSION

Based on the data that have been analysed, it shows that the types of defect that have been detected during the inspection checking. The highest defects percentage that have been detected is Wall Defect. After doing the inspection checking, it can be seen that the wall not meet at the right angle which is more than 4mm over 300mm. Basically, the wall should be in range which is not less and more than 4mm. But then for the consideration term, lack of 1mm or 2mm should not be assumed as defects. For the conclusion, the main objective of this study which is to determine the types of structure defect at home construction are have been proofed perfectly.

5. RECOMMENDATION

These are the recommendation on how to do the inspection works in a better way so it will help the professional inspector and the contractor to improve their inspection skill. In my opinion, the data is supposed to be listed out by following the structure name such as wall, tiles and so on. It will show directly what is the defects that happens at the structure.

a) Wall

- Some spalling damage was observed on the chimneys and walls. Some repairs are needed now such as the hole in the chimney. Sealing with a masonry sealer will help prevent further damage.
- For exterior wall, the inspector will check for damaged or missing siding, cracks, and whether the soil is in excessively close contact with the bottom of the house, which can invite wood-destroying insects.

b) Window

- Most of the leaded glass windows are bowed in slightly, but noticeable; not sure exactly why. May be due to temperature differentials over time effecting the malleable lead. They are likely somewhat weakened due to this bowing. I would not recommend trying to straighten them out on your own.

6. REFERENCES

Admin. (2020). Designing Building. "Housing Defects." *Designingbuildings.co.uk*, www.designingbuildings.co.uk/wiki/Housing_defects.

A.S. Ali* & K. H. Wen. (2011). "*Building Defects: Possible Solution For Poor Construction Workmanship*." Asafab@Um.edu.my.

Macías, Mario Enrique Uribe. (2017). Analysis of Construction Projects Stakeholders from Corporate Social Responsibility. *Cuadernos de Administración* (pp. 58-76). Universidad Del Valle.

Mahadev Desai. (2022). *All House Related Solutions - GharPedia.Gharpedia.com*, 27 Nov. 2017, gharpedia.com/blog/classifications-defects-house/.

Meor Hasan, Meor Ibrahim, et al. (2016). *Minimizing Defects In Building Construction Project*. Johor, Malaysia.

Smith, J., & Smith, J. (2016). *Inspection Report.* PORTLAND: Anytime Inspections of Wisconsin LLC.

Tayeh, Bassam A., et al. (2020). *Factors Affecting Defects Occurrence in the Construction Stage of Residential Buildings in Gaza Strip*. *SN Applied Sciences*, vol. 2, no. 2, 10.1007/s42452-020-1959-1.

Tunku, Universiti, and Abdul Rahman. (2016). *Investigation of Defects In New Buildings In Malaysia Hong Chin Hang a Project Report Submitted in Partial Fulfillment of Requirement for the Award of the Degree of Bachelor of Science (Hons) Construction Management Faculty of Engineering and Green Technology*. Kampar Perak, Malaysia.

Urton, Maxine. (1991). *A Community Home Inspection Approach to Preventing Falls among the Elderly*. Washington.

Ziraldo, Katie. (2022). *Reasonable Requests after a Home Inspection*. www.rocketmortgage.com/learn/reasonable-requests-after-home-inspection

Potensi Produk Anti Pacat Secara Semulajadi Untuk Aktiviti Rekreasi di Dalam Hutan

Nor Shahurulnesma binti Husain[1, a]
[1]Kolej Komuniti Jerai
[a] nesma@kkjerai.edu.my

Abstrak: Produk yang telah dibangunkan ini adalah sebuah produk yang direka bagi membantu pelajar-pelajar Sijil Pengembaraan Pelancongan di Kolej Komuniti Jerai menjalani aktiviti yang melibatkan aktiviti luar seperti perkhemahan, perkelahan, *hiking*, *jungle trekking* dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti seperti ini kadangkala memberi cabaran kepada pelajar kerana ada sesetengah pelajar fobia atau geli dengan pacat dan ini merencatkan aktiviti yang telah dirancang. Seperti yang kita sedia maklum, mewujudkan satu situasi yang selesa dan selamat dalam kalangan pelajar juga perlu diberikan perhatian kerana apabila pelajar tidak dapat memberikan sepenuhnya komitmen, ia akan menjadi satu aktiviti yang berisiko terutama sekali aktiviti yang melibatkan kawasan hutan. Oleh itu, produk ini boleh membantu pelajar-pelajar melakukan aktiviti ini dengan selesa dan selamat. Produk ini ialah produk anti pacat secara semulajadi dan bahan yang digunakan bagi menghasilkan produk ini adalah daripada bahan-bahan organik dan semulajadi. Produk ini telah melalui kaedah pengujian ke atas pacat yang diambil dari kawasan hutan sekitar daerah Yan. Pengujian ini dianalisa melalui pemerhatian serta tindakbalas pacat terhadap produk anti pacat serta keberkesanan pada individu yang menggunakannya. Ia bertujuan melihat sejauh mana potensi produk ini boleh digunakan sebagai produk anti pacat dalam menjalankan aktiviti rekreasi yang melibatkan aktiviti di dalam hutan. Seterusnya mampu membantu pelajar dan penggemar aktiviti rekreasi di dalam hutan lebih mudah dan tidak teragak-agak untuk menikmati aktiviti yang sedang dilakukan.

Kata kunci: Anti pacat1, Aktiviti luar2, Semulajadi3

Pengenalan

Aktiviti rekreasi adalah sebuah aktiviti yang dilakukan bagi mengisi masa lapang yang tidak bertujuan sebagai pertandingan tetapi bertujuan untuk menyegarkan badan, keseronokan dan hobi. Terdapat pelbagai kategori aktiviti rekreasi di Malaysia iaitu rekreasi dalam (*in-door*) dan rekreasi luar (*out-door*). Dewasa ini, aktiviti yang seringkali menjadi pilihan masyarakat adalah aktiviti yang melibatkan aktiviti diluar rumah (*out-door*) Ini kerana masyarakat lebih cenderung mendedahkan diri kepada persekitaran luar yang lebih memberikan impak positif kepada tubuh badan apabila menghubungkan diri dengan alam semulajadi. Antara aktiviti tersebut adalah perkhemahan, *hiking*, perkelahan, *jungle trekking* dan yang seumpamanya.

Aktiviti-aktiviti luar ini cenderung mendapat gangguan daripada serangga dan haiwan kecil terutama melibatkan kawasan hutan seperti nyamuk, kumbang, agas-agas, semut selangor, kerengga dan juga tidak terkecuali pacat. Faktor gangguan serangga dan haiwan kecil ini boleh menjadi penghalang kepada individu. sukar menjalankan aktiviti luar yang melibatkan hutan dan kawasan semak. Salah satu daripada serangga atau haiwan kecil yang cuba dielak oleh individu apabila melakukan aktiviti ini adalah pacat.

Pacat atau nama saintifiknya *Haemadipsa Javanica* ialah sejenis haiwan kecil yang menghisap darah. Pacat amat ditakuti oleh individu yang hendak melakukan aktiviti di kawasan hutan. Kawasan hutan Borneo dan hutan Hujan Tropika adalah salah sebuah hutan yang paling banyak dijumpai pacat jenis *Tiger Leech* (Spesis *Haemadipsa Picta*) dan *Brown Leech* (Spesis *Haemadipsa Zeylanica*). Panjang badan *Tiger Leech* boleh mencapai 6 cm sementara *Brown Leech* lebih kecil iaitu 2 cm. Menurut

Walter H et al (1963), gigitan dari *Tiger Leech* lebih tajam dan menyakitkan seumpama 10 ekor nyamuk gigit di tempat yang sama serta dalam kajiannya juga turut menyatakan semasa perang dunia ke dua pacat adalah parasit yang paling tidak disukai oleh tentera Amerika. Selain dari itu, Walter H et Al (1963) turut menyatakan, bahawa pacat mempunyai potensi untuk memainkan peranan sebagai pembawa penyakit melalui darah sekaligus mendatangkan risiko jangkitan kepada mangsanya.

Di Malaysia, pacat mudah didapati di kawasan yang lembap dan kering sesuai dengan iklim di Malaysia yang panas dan lembap sepanjang tahun. Biasanya pacat akan bergayut atau menunggu di dedaun, kayu, rerumput dan dimana sahaja kawasan yang menjadi laluan mangsanya. Penghasilan produk anti pacat secara semulajadi bertujuan membantu penggemar-penggemar aktiviti luar di kawasan hutan lebih mudah melakukan aktiviti tersebut dengan mengurangkan kebimbangan terhadap gangguan pacat yang boleh mendatangkan keburukan dari semasa ke semasa. Tambahan pula produk anti pacat secara semulajadi ini tidak akan memberikan kesah sampingan kepada pengguna, alam sekitar mahupun kepada pacat. Justeru itu, produk ini adalah mesra pengguna dan mesra alam.

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

i. Memastikan produk dapat berfungsi sebagai produk anti pacat secara semulajadi yang berkesan
ii. Menyelesaikan masalah takut pacat dalam kalangan pelajar dan masyarakat ketika melakukan aktiviti rekreasi di dalam hutan

Kajian Literatur

Kebanyakkan bahan anti serangga yang terdapat dipasaran kebiasaannya mengandungi bahan kimia yang boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pengguna dan juga alam sekitar. Ini turut dinyatakan oleh Puji (2010), produk penghalau serangga yang terdapat di pasaran mempunyai bahan kimia aktif (N,N-DIETHYL-M-TOLUAMIDE atau N,N-DIETHYL-3-METHYLBENZAMIDE (DEET) dan bahan ini banyak digunakan di dalam produk anti serangga dan nyamuk. Dalam penghasilan sesuatu produk, amatlah digalakkan agar bahan penghasilan produk tersebut tidak boleh memberikan kesan sampingan kepada pengguna serta alam sekitar kerana masyarakat juga perlu menitikberatkan pengjagaan eko-sistem. Kesan penggunaan bahan kimia yang aktif, mampu menjejaskan eko-sistem dengan merosakkan flora dan fauna dalam jangka masa panjang. Sebagai masyarakat yang sayangkan alam sekitar, keseimbangan eko-sistem perlu dipelihara agar masyarakat dapat mewariskan alam sekitar yang baik kepada generasi akan datang.

Dalam penelitian produk produk anti pacat ini, amat dititikberatkan penggunaan bahan yang mesra alam iaitu bahan yang tidak memberi kesan negatif kepada pengguna, alam sekitar dan juga pacat tersebut. Beberapa formulasi telah dicuba untuk menghasilkan produk nyah pacat supaya lebih memberi kesan kepada pengguna tanpa mendatangkan kemudaratan kepada manusia dan eko-sistem alam. Berikut adalah hipotesis kajian:

H1 : Penggunaan produk dapat menghindarkan pacat dari mendekati pengguna

H2: : Penggunaan produk mampu meningkatkan keyakinan diri pengguna untuk melakukan aktiviti rekreasi.

H3 : Produk anti pacat merupakan produk berasaskan bahan semulajadi yang boleh

menggantikan produk berasaskan bahan kimia yang sedia ada di pasaran.

H4 : Penggunaan produk tidak akan memberi kesan kepada alam sekitar dan pengguna

Menurut Bhat A. I., Habib A. Arjumand H. et al. (2014) terdapat pelbagai cara yang boleh didapati bagi menghindari pacat mendekati badan seperti memakai stokin anti pacat, stokin tembakau, serta penggunaan bahan kimia seperti dettol, baygon dan lain-lain namun begitu masih tiada lagi produk atau alternatif untuk menghalau dan menghindari pacat daripada mangsa terutama produk yang berasaskan bahan-bahan semulajadi. Produk ini disediakan dari bahan semulajadi yang berkesan tetapi juga juga dapat menjaga alam sekitar tanpa membunuh haiwan ini. Ia juga turut membantu individu lain diluar yang meminati aktiviti rekreasi darat ini. Kebanyakan produk diluar yang dijual hanya tertumpu kepada produk nyamuk, dan serangga. Masih tidak ada produk khusus untuk pacat di buat selain kebanyakan produk yang dijual juga mempunyai bahan kimia aktif dalam kandungan yang dinyatakan. Bahan ini disediakan dengan pek mudah guna dan mudah dibawa. Produk ini juga merupakan produk yang mesra alam dan tidak membahayakan kerana ianya tidak menggunakan bahan kimia yang lain. Bahan-bahan yang digunakan adalah bahan-bahan organik. Selain itu juga ia tidak membunuh haiwan ini, sebaliknya hanya membuatkan haiwan ini tidak mendekati penggunanya untuk membantu usaha-usaha konservasi terhadap alam sekitar. Secara tidak langsung, produk ini dapat membantu pelajar-pelajar lebih fokus menjalankan aktiviti rekreasi disamping meningkatkan mutu Pembelajaran dan Pengajaran di hutan. Selain itu juga, produk ini dijadikan sebagai satu produk inovasi kerana masih tidak ada produk seumpama ini dipasaran.

Metodologi


Kaedah kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah pemerhatian terhadap pacat dan juga ke atas pelajar. Ini bagi melihat sejauh mana kesan yang berlaku kepada pacat dan pelajar.

i. Kajian telah memilih secara rawak 6 responden yang terdiri daripada pelajar yang mengikuti Kursus Rekreasi Pelancongan. Pelajar ini telah disembur produk anti pacat secara semulajadi pada bahagian peha hingga ke kaki setiap pelajar sebelum memulakan aktiviti rekreasi di hutan. Lokasi di Tangga Kenari, Gunung Jerai telah dijadikan lokasi kajian kerana keadaan hutan di lokasi tersebut sememangnya terdapat spesis pacat liar. Kumpulan responden yang telah dipilih tersebut melaksanakan aktiviti *hiking* selama 7 jam iaitu, 4 jam perjalanan mendaki dan 3 jam perjalanan menurun.

   Produk anti pacat secara semulajadi telah disembur sebanyak dua kali pada bahagian peha dan kaki responden iaitu sebelum mendaki dan sebelum perjalanan menurun. Ini kerana faktor responden berpeluh, sepanjang menjalankan aktiviti *hiking* perlu juga dipertimbangkan.

ii. Kajian telah mengambil beberapa sampel pacat hidup di sekitar kawasan hutan Tangga Kenari, Gunung Jerai. Pacat yang diambil dari kawasan kajian ini terus diuji bagi memastikan pacat tersebut belum lagi terjejas habitatnya agar dapatan kajian boleh dipercayai. Ini disokong dengan penyataan Finstad et al. (2007), McGregor e atl. (2014) dan Bostrom-Einarsson et al. (2018) kesan perubahan habitat boleh memberi impak pada penurunan jangka hayat hidupan kerana sesuatu spesis flora dan fauna yang terdapat di hutan mempunyai corak hidup yang berbeza dan sekiranya dialihkan habitatnya akan memberikan masalah adaptasi pada suasana baharu yang berkemungkinan tidak sesuai.

Pacat ini telah diletakkan di atas dua keping kertas dan di sekeliling kertas tersebut telah disembur dengan produk anti pacat secara semulajadi. Sekeping kertas yang telah disembur produk dikekalkan kebasahan cecair semburan manakala sekeping kertas lagi, semburan produk tersebut dibiarkan sedikit kering. Ini bertujuan melihat reaksi pacat pada terhadap cecair semburan serta kawasan bekas semburan produk yang terdapat pada permukaan kertas tersebut.



Rajah 1: Proses pembangunan produk dan tinjauan potensi

Perbincangan

Hasil dapatan pemerhatian yang telah dilaksanakan pada responden dan sampel pacat telah mendapati persamaan tindak balas terhadap kesemua responden serta tindak balas terhadap pacat juga menunjukkan saling berkaitan antara satu sama lain.

i. Pemerhatian terhadap responden

Pemerhatian	**Responden 1**	**Responden 2**	**Responden 3**	**Responden 4**	**Responden 5**	**Responden 6**
Bilangan semburan produk	1	1	1	2	2	2
Mendapat gigitan pacat (pendakian)	tiada	tiada	tiada	tiada	tiada	tiada

Mendapat gigitan pacat (perjalanan turun)	tiada	ya	tiada	tiada	tiada	tiada
Iritasi pada bahagian kulit yang disembur	tiada	tiada	tiada	tiada	tiada	tiada

Jelas menunjukkan bahawa hampir tiada ancaman dan gigitan pacat pada kesemua responden walaupun hanya sekali semburan dan dua kali semburan. Ternyata produk anti pacat secara semulajadi berkesan dalam menghidari pacat dari mendekati responden berdasarkan analisa dapatan. Cuma hanya seorang responden sahaja yang terdapat gigitan pacat pada perjalanan menurun dari pendakian. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian, mendapati responden tersebut hanya menggunakan produk anti pacat secara semulajadi sekali semburan sahaja dan gigitan pacat setelah hampir 4 jam penggunaan produk. Ini bermakna terdapat limitasi keberhasilan produk dan berdasarkan maklum balas responden, beliau ada membilas bahagian yang disembur semasa mendaki kerana faktor ketidak selesaan seperti responden berpeluh dan terdapat kotor lumpur yang melekat di bahagian badan beliau. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa semburan produk mungkin telah dinyahkan daripada bahagian yang telah disembur.

ii. Pemerhatian terhadap pacat

Hasil dapatan daripada ujian yang dilakukan ke atas pacat seperti mana yang diterangkan pada bahagian metodologi telah menunjukkan:

a. Kertas yang masih basah kesan disembur cecair produk menunjukkan pacat menjauhi cecair tersebut. Pacat masih hidup dan masih aktif.

b. Kertas yang telah disembur dengan produk tetapi sedikit kering mendapati pacat menjauhi kawasan bekas semburan produk tersebut. Pacat masih hidup dan masih aktif.

Jelas menunjukkan produk ini boleh menjadi produk anti pacat yang berkesan untuk penggemar aktiviti rekreasi di dalam hutan. Pacat juga tidak menunjukkan sebarang kemudaratan apabila terkena atau berada berdekatan dengan semburan produk. Oleh itu, produk ini tidak akan menjejaskan eko-sistem iaitu tidak mematikan pacat tersebut.

Justeru, produk ini berpotensi untuk menjadi sebuah produk wajib dimiliki oleh penggemar aktiviti rekreasi di dalam hutan sebagai langkah pencegahan gigitan pacat. Atas keberkesanan produk, pelajar yang mengikuti kursus Rekreasi Pelancongan tidak perlu bimbang apabila ingin melakukan aktiviti seumpamanya dan pensyarah pula tidak gusar akan risiko keselamatan apabila menjalankan aktiviti rekreasi di dalam hutan. Potensi produk ini terbukti dengan ujian keberkesanannya dah boleh ditambahbaik lagi dari segi ketahanan, dan juga diperluaskan kepada serangga atau haiwan kecil lain pula.

Selain itu, hasil dapatan mendapati pelajar yang telah diuji dengan produk anti pacat secara semulajadi ini menunjukkan perasaan gembira, yakin dan bersemangat melakukan aktiviti rekreasi di dalam hutan kerana tiada gangguan pacat terhadap diri pelajar ini. Aktiviti rekreasi di dalam hutan yang dilakukan juga menjadi lebih cepat, kurang risiko dan berjalan lancar. Ini membuktikan produk anti pacat boleh membantu pelajar dan seterusnya masyarakat menyokong aktiviti-aktiviti rekreasi di dalam hutan seperti aktiviti konservasi alam sekitar.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan terhadap produk kepada responden dan juga pacat, produk anti pacat ini mempunyai potensi yang sangat baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta boleh juga dikomersialkan secara meluas untuk penggemar aktiviti rekreasi di dalam hutan. Melalui pengalaman mengendalikan aktiviti rekreasi di dalam hutan bersama pelajar, pelaksanaan aktiviti ini pasti menghadapi halangan seperti pelajar tidak yakin serta tidak bersemangat kerana perasaan takut terhadap gangguan pacat, namun setelah menggunakan produk anti pacat secara semulajadi ini, menunjukkan aktiviti yang dijalankan menjadi lebih lancar serta lebih terjamin keselamatannya. Pelajar mula menunjukkan peningkatan rasa minat dan tidak takut menjalani aktiviti rekreasi di hutan. Oleh itu, keberhasilan produk ini berpotensi boleh diluaskan penggunaannya dalam kalangan penggemar aktiviti rekreasi di hutan.

Potensi produk ini bukan sahaja untuk menggalakkan pelajar serta masyarakat bergiat aktif dengan aktiviti rekreasi di dalam hutan, tetapi produk ini juga mampu menyokong program-program konservasi alam sekitar. Berbeza dengan produk-produk yang terdapat dipasaran, kebanyakkan produk tersebut akan menghapus serangga dan haiwan kecil secara kekal namun produk anti pacat ini masih lagi memelihara flora dan fauna agar eko sistem tidak terjejas. Sebagai penggiat bidang pelancongan, adalah penting memastikan kesejahteraan eko sistem sentiasa menjadi keutamaan dan membantu mengurangkan isu kepupusan flora dan fauna.

Rujukan

Bhat A. I., Habib A. Arjumand H. et al. (2014) Leech Therapy in Alopecia Areata-a Single Case Report. Case study and case report. 2014; 4(3): 118-124.

Boström-Einarsson L, Bonin MC, Munday PL, and Jones GP. 2018. Loss of live coral compromises predator-avoidance behaviour in coral reef damselfish. Sci Rep-UK 8: 7795.

Finstad AG, Einum S, Forseth T, and Ugedal O. 2007. Shelter availability affects behaviour, size-dependent and mean growth of juvenile Atlantic salmon. Freshwater Biol 52: 1710–18.

McGregor HW, Legge SM, Jones M, and Johnson CN. 2014. Landscape management of fire and grazing regimes alters the fine-scale habitat utilisation by feral cats. PLoS ONE 9: e109097.

Puji, Wibowo (2010). Pertumbuhan dan Produktivitas Galur Harapan Padi (Oryza sativa l.) Hibrida di Desa Ketaon Kecamatan Banyudono Boyolali. Skripsi Fakultas Pertanian Universitas Saebelas Maret Surakat.

Potensi Pautan KKJ Promo Link di Kolej Komuniti Jerai

Ummi Atiqah binti Ahmad[1, a] dan Noor Hayati binti Saleh[2, b]
[1]Kolej Komuniti Jerai, Kedah
[2]Kolej Komuniti Jerai, Kedah
[a]ummi.atiqah@staf.kkjerai.edu.my, [b]noorhayati@staf.kkjerai.edu.my,

Abstrak: KKJ PROMO LINK merupakan satu inovasi yang diwujudkan bagi menyelesaikan beberapa masalah yang timbul ketika melaksanakan promosi Kolej Komuniti Jerai iaitu ketika negara berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) pada 2019-2020, dimana institusi sangat terkesan dalam melaksanakan gerak kerja promosi. Unit promosi telah mencari inisiatif untuk melaksanakan promosi pengambilan pelajar baharu dan kursus pendek walaupun terdapat kekangan ketika itu. Maka wujudlah inovasi ini dimana ia dapat memberikan info menyeluruh mengenai informasi kolej kepada masyarakat. Objektif inovasi ini adalah untuk memperkasakan dan membudaya penggunaan konsep hijau serta menghapuskan pembaziran dalam institusi disamping mewujudkan platform kepada masyarakat untuk lebih dekat dengan Kolej Komuniti Jerai. Objektif seterusnya adalah untuk memudahkan gerak kerja promosi dengan mengurangkan masa, ruang dan kewangan. Selain itu, pengguna juga boleh terus membuat permohonan kemasukan pelajar baharu untuk Program Sijil Pengembaraan Pelancongan dan kursus pendek. Disamping itu, pengguna boleh memberi cadangan dan maklumbalas penambahbaikan terhadap setiap perkhidmatan yang ditawarkan di KKJ. Hasil dapatan kajian berdasarkan borang maklumbalas, seramai 11 orang yang telah memberi respon. Semua responden bersetuju bahawa pengunaan pautan ini mudah untuk memahami dan mencapai maklumat kolej. Ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah permohonan terus ke Kolej Komuniti iaitu sebanyak 63 permohonan. Hasil dapatan keberkesanan mendapati bahawa kaedah ini sangat efektif dan memudahkan saluran pemberian info. Terdapat cadangan dari pengguna KKJ LINK PROMO dimana penggunaan pautan ini perlu digunakan dengan lebih meluas lagi seperti dicetak di setiap bahan-bahan promosi. selain itu, pengguna juga memberi maklumbalas sistem ini memudahkan mereka untuk membuat penerangan mengenai info-info terkini. Oleh itu, pemantauan program ini akan sentiasa dijalankan Unit Promosi dan Pengambilan pelajar bagi memastikan maklumat yang sampaikan sentiasa terkini supaya sentiasa memenuhi keperluan kolej dan masyarakat.

Kata Kunci: Pengambilan Pelajar1, Promosi2, Info Kolej Komuniti Jerai3, Pembelajaran Sepanjang Hayat4, Sijil Sepenuh Masa5

Pengenalan

Teknologi digital telah memberikan impak yang besar terhadap kehidupan manusia dalam banyak aspek. Boleh dikatakan bahawa peningkatan dalam penggunaan teknologi digital merupakan salah satu hikmah terbesar endemik COVID-19. Dalam era revolusi 4.0, teknologi digital yang sedang berkembang pesat. Ia juga menjadi kepentingan dalam kehidupan seharian terhadap komunikasi secara berkesan dan dapat berinteraktif dengan siapa saja dan di mana jua. Namun, kepesatan teknologi digital juga memberikan perspektif yang berbeza bagi kebanyakan kita. Terutama dalam hal memahami bagaimana teknologi digital bekerja dan bagaimana ia dapat digunakan secara bijak terutamanya dalam aspek pendidikan. Pada dasarnya, teknologi digital dan komunikasi dapat digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan, namun baik atau buruknya bergantung kepada penggunaannya.

Menurut Nurhanisah(2011) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 telah mendidik rakyat Malaysia untuk hidup dalam keadaan dan persekitaran norma baharu. Kehidupan dan aktiviti harian masyarakat kini telah banyak berubah. Akibat daripada penularan wabak pandemik COVID-19 ini, ia telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor di seluruh dunia termasuk institusi Pendidikan seperti Kolej Komuniti Jerai yang turut mengalami perubahan dari segi kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (Pdp) dan perkhidmatan lain seperti gerak kerja promosi untuk kursus pendek dan sepenuh masa.

Disamping itu, menurut artikel daripada Rahmatunnisah Sailin (2023) berdasarkan kenyataan media Jabatan Perdana Menteri bertarikh 28 April 2022, berhubung laporan tinjauan penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan capaian isi rumah kepada internet menunjukkan peningkatan kepada 95.5 peratus pada tahun 2021 berbanding 91.7 peratus pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 3.8 peratus. Capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit dan komputer juga masing-masing meningkat kepada 99.6 peratus dan 88.3 peratus pada tahun 2021 ketika kemuncak PdPR dijalankan. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan penggunaan internet isi rumah.

Mengambil ruang dan peluang yang wujud bagi menyelesaikan masalah gerak kerja promosi maka wujudlah KKJ PROMO LINK yang bertujuan untuk memudah cara dan menyelesaikan masalah gerak kerja promosi ketika PKP dan sehingga kini masih digunakan dengan ditambahbaik dari masa ke semasa. Usaha ini dilihat berpotensi mempercepatkan proses pengurusan pengumpulan data permohonan baharu sama ada kursus pendek atau sepenuh masa. Ia juga dilihat menjimatkan tenaga kerja, masa, ruang dan bajet. Menurut Dr Fauziah Hassan dalam artikel yang bertajuk Norma Baharu Tuntut ‘Reaksi Segera’ Strategi Kemasukan Pelajar, kaedah promosi yang terdahulu, pendekatan promosi secara konvensional dengan mengadakan pameran pendidikan, menyertai karnival dan ekspo pendidikan menjadi medium utama untuk bertemu dengan bakal pelajar secara fizikal. Namun kini, pertemuan di alam maya menjadi kecenderungan utama kerana kaedah ini lebih efektif dan trend ini hampir digunakan oleh semua IPT untuk menarik minat pelajar dengan berjumpa secara maya sahaja. Walaupun berlaku banyak kekangan semasa PKP tetapi unit promosi dan pengambilan pelajar telah Berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi untuk menggerakkan kerja-kerja promosi semasa PKP di mana satu inovasi QR code yang didalamnya terkandung bahan-bahan promosi yang lengkap dengan info dan permohonan.

Objektif

I. Memudahkan gerak kerja promosi dengan mengurangkan masa, ruang dan bajet.
II. Memperkasakan dan membudaya penggunaan konsep hijau dan Lean untuk menghapuskan pembaziran dalam institusi.
III. Mewujudkan platform kepada masyarakat untuk lebih dekat dengan Kolej Komuniti Jerai

Anjuran/ Kerjasama

Unit Promosi dan Pengambilan Pelajar

Permasalahan Dan Penyelesaian Lean Tools Yang Digunapakai

Berdasarkan permasalahan yang dihadapi ketika menjalankan gerak kerja promosi, unit promosi telah menjalankan soal selidik maklumbalas penambahbaikan KKJ PROMO LINK dengan mengenalpasti melalui konsep kitaran PDCA dimana ia mempunyai 8 langkah yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Langkah-langkah tersebut adalah seperti huraian berikut:

i. Menentukan masalah

KKJ PROMO LINK merupakan satu inovasi yang diwujudkan bagi menyelesaikan beberapa masalah yang timbul ketika melaksanakan promosi berkenaan Kolej Komuniti Jerai iaitu yang pertama ketika negara berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) pada tahun lalu, dimana institusi sangan terkesan dalam melaksanakan gerak kerja promosi. Unit promosi telah mencari inisiatif untuk melaksanakan promosi pengambilan pelajar baharu dan kursus pendek walaupun terdapat kekangan ketika itu maka wujudlah inovasi ini bagi menyelesaikan masalah tersebut bagi memastikan promosi dapat berjalan seperti biasa walaupun dalam suasana baru.

Berdasarkan dapatan dari soal selidik yang direspon oleh 11 orang responden, kesemua mereka bersetuju bahawa kegunaan link ini dapat memberikan info menyeluruh mengenai informasi KKJ berkenaan program sepenuh masa dan kursus pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat. Selain dari mendapat informasi pengun juga boleh terus membuat permohonan kemasukan pelajar baharu untuk Program Sijil Pengembaraan Pelancongan dan kursus pendek yang diingini. Disamping itu, kelebihan kepada inovasi ini dimana pengguna boleh memberi cadangan dan maklumbalas penambahbaikan terhadap setiap perkhidmatan yang ditawarkan di KKJ.

ii. Menetapkan sasaran


KKJ PROMO LINK dibangunkan untuk pengunaan menyeluruh oleh semua kakitangan Kolej Komuniti Jerai dimana link ini akan menghubungkan Institusi dengan masyarakat. Sasaran pengguna KKJ Promo Link adalah masyarakat setempat yang ingin menambahkan kemahiran dan lepasan SPM yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Seperti yang sedia maklum ketika PKP ramai orang yang hilang punca pendapatan oleh itu, KKJ melaksanakan satu pendekatan untuk menyediakan kursus secara atas talian untuk golong terkesan. Melalui KKJ promo link ini, pengguna boleh membuat permohonan terus menguna link ini.

iii. Melaksanakan analisa akar masalah root couse analysis

Menurut Farhan Al-Banna (2011), Route couse analysis(RCA) merupakan satu *skill* yang sangat penting dalam menganalisa sebuah masalah, isu mahu pun kerosakan. Tidak kiralah bidang apa pun, baik bidang *medic* mahupun *engineering* mahupun ekonomi, politik, sains farmasi dan lain sebagainya, memahami *root cause* kepada sesebuah masalah sangat penting demi mengatasi masalah tersebut. Kerana seringkali masalah yang cuba kita selesaikan itu pun sebenarnya bukanlah masalah, sebaliknya merupakan *symptom* sebuah masalah. Berdasarkan analisis yang dilaksanakan terdapat beberapa punca masalah dibincangkan. Yang pertama terdapat kekangan ketika tempoh PKP dilaksanakan semua kakitangan terpaksa bekerja di rumah di mana gerak kerja promosi secara fizikal tidak dapat dilakukan disampingkan beberapa kekangan iaitu masa, ruang dan bajet.

iv. Menentukan pelan penambahbaikan

Promosi secara fizikal dilihat memerlukan bajet yang tinggi untuk cetakan bahan-bahan promosi seperti flyer, brosur, banner, bunting dan lain-lain. Selain itu dilihat berlaku pembaziran dimana pengguna banyak membuang bahan promosi cetakan begitu sahaja. Bagi menyelesaikan masalah berikut KKJ PROMO LINK telah digunakan secara menyeluruh ketikan PKP dan penggunaannya masih relevan sehingga kini. Penambahbaikan ini diringkaskan dengan menggunakan gambar rajah pokok.



v. Melaksanakan penambahbaikan

KKJ PROMO LINK dibangunkan, diuji dan digunakan setelah mendapat kelulusan pengurusan atasan.

vi. Penyeragaman


Semua kakitangan di KKJ diwajibkan menggunakan KKJ PROMO LINK ketika menjalankan gerak kerja promosi dan telah dihebahkan ketika perjumpaan bulan staf KKJ.

vii. Menentukan penambahbaikan berikutnya


Berdasarkan dari penggunaan sistem ini boleh ditambahbaik dengan penggunaan sistem linktree dimana penggunaan sistem ini dilihat dapat memberi nilai tambah dengan menghubungkan ke semua media sosial dapat dihimpunkan dalam satu rangkaian aplikasi.

Carta Alir Sebelum dan Selepas Program/Aktiviti

i. Carta alir sebelum pelaksanaan program



ii. Carta alir selepas pelaksanaan program



PROSES

Memberikan QR KKJ PROMO LINK kepada semua kakitangan

Kakitangan mengunakan QR KKJ PROMO LINK pada mana-mana program dan bila-bila masa diperlukan

Unit promosi mengemaskini data permohonan baharu

Pelaksanaan Program

Program membangunkan KKJ PROMO LINK ini adalah bertujuan untuk memudah cara dan menyelesaikan masalah gerak kerja promosi ketika PKP dan sehingga kini masih digunakan. Usaha ini dilihat mampu mempercepatkan proses pengurusan pengumpulan data permohonan baharu sama ada kursus pendek atau sepenuh masa seterusnya menjimatkan masa, ruang dan bajet. Disamping itu ia juga dapat membudayakan penggunaan konsep hijau dan menghapuskan pembaziran terutama penggunaan kertas dalam institusi.

Sebelum ini, pelaksanaan program gerak kerja promosi dilihat tidak begitu efisyen kerana perlu melibatkan ramai kakitangan, penggunaan masa yang lama dan pembaziran kertas yang banyak.

Berdasarkan pemerhatian pengguna yang menerima bahan promosi banyak membuang bahan tersebut umpama tiada nilai dan sangat merugikan peruntukan yang digunapakai untuk penyedia bahan promosi bercetak seperti flyer, banner, bunting, brosur dan lain-lain lagi.

Berdasarkan permohonan kemasukan pelajar baharu pula sebelum ini proses permohonan dilihat sangat rumit dimana pemohon perlu mengisi borang permohonan dan menghantar permohonan terus ke Institusi atau melalui pos. proses ini dilihat memberikan sedikit kesan negatif seperti kelewatan menerima borang permohonan dan berlaku kecicir an dokumen.

Sehubungan dengan itu, unit Promosi dan pengambilan pelajar telah membangunkan beberapa keadah dalam KKJ PROMO LINK iaitu:

a. Video pendek (Youtube)

Video pendek ini menerangkan secara ringkas informasi berkaitan program sepenuh masa yang ditawarkan di KKJ iaitu Sijil Pengembaraan Pelancongan.




b. Google slide

Helaian pembentangan adalah berkaitan semua unit yang terdapat di dalam sistem pengurusan KKJ seperti Unit Akademik, Kursus Pendek, Pengambilan, HEP, Latihan Industri, Keusahawanan dan alumni



c. Google form

Menyediakan borang permohonan pelajar baharu dan kursus pendek. Selain itu pengguna juga borang memberi maklumbalas penambaikan sistem ini.



d. Link sosial media

Pengguna juga dapat melihat Semua pautan media sosial yang berkaitan dengan aktiviti kolej.



e. QR code promo link

Link ini diwujudkan untuk memudahkan proses a hingga d.





Penerangan Berkaitan Pelaksanaan Program

Seperti yang telah diperjelaskan di ruangan pelaksanaan program berkaitan gerak kerja promosi sebelum ini terdapat beberapa proses kerja yang agak panjang dan melibat ramai kaki tangan dan penggunaan masa. Walaupun berlaku banyak kekangan semasa PKP tetapi unit promosi dan pengambilan pelajar telah berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi untuk menggerakkan kerja-kerja promosi semasa PKP dimana satu inovasi QR code yang di dalam terkandung bahan-bahan promosi yang lengkap dengan info dan permohonan yang dinamakan KKJ PROMO LINK.

Usaha ini dilihat sangat sesuai dengan kehendak dan keperluan penggunaan pada masa tersebut yang sangat bergantung harap kepada sistem atas talian seiring dengan faktor desakan kepada penggunaan sistem pada masa itu. Penggunaan sistem pengimbas kod QR digunakan secara meluas di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Secara keseluruhan, proses promosi telah berjaya di pendek dan diringkaskan proses gerak kerjanya. Proses-proses yang terlibat untuk pelaksanaan program adalah dimana kakitangan KKJ hanya perlu menggunakan KKJ PROMO LINK untuk membuat gerak kerja promosi pada pelbagai keadaan yang diperlukan. Pengguna hanya perlu mengimbas kod QR yang diberikan untuk mendapatkan info seterusnya membuat permohonan secara atas talian mengunakan pautan yang disediakan.

Impak Program (Kajian, Statistik, Soal Selidik)

KKJ PROMO LINK dilihat memberi impak yang sangat positif kepada masyarakat dan kakitangan. Penggunaan KKJ PROMO LINK telah digunakan secara menyeluruh pada program-program yang dijalankan di Kolej Komuniti Jerai untuk menyebar luas info kolej. Untuk melihat keberkesanan system ini satu soal selidik telah dibina dan kepada masyarakat termasuk juga kepada kakitangan KKJ itu sendiri. Hasil dari kutipan maklum balas dari soal selidik ini mendapati bahawa kesemua bersetuju bahawa kaedah ini sangat efektif dan menyenangkan dimana segala info dan kaedah pemohonan terdapat dalam satu himpunan kod pengimbas QR. Walaubagaimanapun terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dimana penggunaan kod pengimbas QR KKJ LINK PROMO ini perlulah digunakan dengan lebih meluas lagi dimana ia dijadikan pelekat dan dilekatkan dimana-mana platform seperti cenderahati, sijil, media sosial dan lain-lain lagi. Hasil dari cadangan tersebut, pihak promosi telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan dengan menggunakan sepenuhnya cadangan tersebut seperti yang ditunjukkan di gambar-gambar berikut.



Gambarajah : Penggunaan KKJ Promo Link pada bahan dan aktiviti promosi



Kesimpulan

Hasil daripada pemerhatian dari kajian ini, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa objektif kajian ini tercapai dimana penggunaan pautan KKJ PROMO LINK telah berjaya meningkatkan data permohonan pelajar secara walk in iaitu sebanyak 63 permohonan baharu. Kakitangan memberi maklumbalas inovasi ini juga memudahkan mereka untuk membuat penerangan mengenai info-info terkini dengan diperkasa dan dibudayakan penggunaan konsep hijau serta telah berjaya menghapuskan pembaziran dalam institusi. Sehubungan itu, KKJ PROMOLINK dilihat berjaya memudahkan gerak kerja promosi serta terbukti dapat menjimat masa, ruang dan kewangan. Menurut

Prof Madya Dr Mohammad Bin Ismail (2020) Landskap pemasaran juga turut berubah daripada konvensional kepada digital setelah pandemik COVID-19 yang telah melanda secara global. Senario ini dijangka akan berterusan dalam jangka masa panjang. Jadi, setiap usahawan harus buat penambahbaikan dari segi menyediakan platform sistem pemasaran digital yang jitu. Seiring dengan itu, pemantauan program ini akan sentiasa dijalankan oleh Unit Promosi dan Pengambilan pelajar bagi memastikan maklumat yang sampaikan sentiasa terkini supaya sentiasa memenuhi keperluan kolej dan masyarakat.

Menurut artikel dari venna.com, proses penyebaran informasi dan maklumat di media sosial adalah mudah dan lebih pantas berbanding media lain. Kita hanya perlu menghasilkan artikel, tulisan,gambar, video atau apa jua bentuk informasi lain dan meletakkannya di media sosial supaya dapat dilihat oleh semua pengguna di internet. Ia sepatutnya menjadi cara yang paling efektif untuk pengguna media sosial. Selain itu, penggunaan media sosial juga boleh meningkatkan kesedaran tentang kewujudan istitusi kolej komuniti Jerai bukan sahaja kepada masyarakat setempat malahan seluruh pengguna media sosial. Kelebihan platform ini adalah lebih efektif dan lebih terfokus kepada golongan yang disasarkan.

Rujukan

Rahmahtunnisah,S (2023,Oct 25)Tidak lagi canggung guna teknologi digital.Retrieved Jan 11,2024, from https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/tidak-lagi-canggung-guna-teknologi-digital

Dr Fauziah, H(2020, July 15) Norma Baharu Tuntut ‘Reaksi Segera’ Strategi Kemasukan Pelajar, Retrieved Jan 21,2024 from https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1859455

Nurhanisah, M, T (2021) Perubahan Cara Kerja Semasa Pandemik Covid-19: Respon Kepimpinan Kesatuan Pekerja-Pekerja SESB,Retrieved Jan 11,2024 from https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/31327/2/Kebolehkerjaan%20graduan%20antara%20pendidikan24pages.pdf

Vennea.com, Bagaimana Media Sosial Mempengaruhi Kehidupan Digital Kita,Retrieved Jan 11,2024 from https://vennea.com/media-sosial-mempengaruhi-kehidupan-digital/

Farhan,A (2011). Root Cause Analysis RCA.Retrieved Jan 11 2024 from https://farhan-albanna.blogspot.com/2011/11/root-cause-analysis-rca.html

Mohammad,I(2020,Jun 19) Anjakan Pemasaran Dan Gaya Hidup Pengguna Dalam Norma Baharu. Retrived Jan 11,2024 from https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1852380

Impak Keberkesanan Kemahiran Pengurusan Ikan Air Tawar Menggunakan Modul "Cerpia"

Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi [1, a], Nurulizzah binti Idris[2, b], Muhammad Muizzulihab bin Morsid[3, c]
[1,2,3]Kolej Komuniti Jerantut

Abstrak. Akuakultur merupakan proses yang merangkumi aktiviti pembiakan, pemeliharaan dan penuaian bagi hidupan akuatik air tawar, air payau dan air masin yang dilakukan di dalam persekitaran yang terkawal. Ia merupakan salah satu sektor yang amat penting dalam menyumbang kepada penghasilan produk makanan kepada penduduk dunia. Projek penternakan ikan air tawar Maahad Tahfiz Al-Ghoniah, Johol Negeri Sembilan merupakan salah satu projek rintis bagi menggunapakai modul CERPIA untuk melahirkan pengusaha ternakan ikan air tawar khususnya ternakan ikan tilapia. Pemerhatian awal mendapati pelajar-pelajar maahad ini kekurangan pengetahuan asas dan kemahiran teknikal yang telah diterapkan dalam pelan TVET negara untuk melahirkan pekerja- pekerja berkemahiran dalam sektor perindustrian khususnya dalam bidang akuakultur. Hasil kajian mendapati pelajar telah menguasai pengetahuan asas dan teknikal bagi ternakan ikan tilapia setelah menamatkan Kursus Asas Ternakan Ikan Air Tawar (Tilapia) dengan menggunakan modul CERPIA.

Katakunci : Akuakultur[1], TVET[2], Ternakan ikan air tawar[3], Modul CERPIA[4]

Latar Belakang Kajian

Modul CERPIA adalah singkatan bagi modul Cerdas Tilapia merupakan modul yang menerangkan tentang kaedah pengurusan ternakan ikan air tawar yang berfokus kepada ternakan ikan tilapia. Dalam modul ini terdapat maklumat berkaitan pengenalan akuakultur yang merupakan asas kepada pengenalan jenis- jenis ikan air tawar yang sesuai diternak di dalam kolam. Manakala topik pengurusan makanan terdiri daripada pengenalan kepada jenis makanan, kandungan nutrisi makanan dan kaedah pemberian makanan ternakan mengikut sukatan tertentu. Topik yang terakhir membincangkan berkaitan isu kualiti air, merangkumi penentuan parameter air yang bersesuaian kepada ternakan air tawar untuk mengelakkan penternak mengalami kerugian akibat kematian ikan yang diakibatkan oleh perubahan mendadak dalam suhu, pH air, dan kandungan ammonia yang tinggi. Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada isi kandungan modul CERPIA.

Kajian di dalam jurnal "Kesan Aktiviti Penternakan Ikan Sangkar Terhadap Perkembangan Ekonomi dan Sosial Komuniti", mendapati kebanyakan penternak sangkar ikan air tawar tidak mempunyai ilmu yang khusus dalam akuakultur dan hanya memulakan aktiviti ini dengan kaedah secara warisan perusahaan keluarga dan juga minat di dalam aktiviti penternakan yang memberi pulangan yang lumayan ini (Azimah Abd Rahman & Nornadhirah Abdul Khalib, 2022). Melalui pengalaman dan pemerhatian awal dalam pelaksanaan Kursus Asas Penternakan Ikan Air Tawar (Tilapia) anjuran Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Unit

Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut di Maahad Tahfiz Al-Ghoniah, Johol Negeri Sembilan, pelajar-pelajar tahfiz disini tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai pengurusan kolam ternakan ikan, termasuk pemakanan, penyelenggaraan air, dan pencegahan penyakit ikan. Pelajar-pelajar tahfiz ini didapati tidak mempunyai kemahiran praktikal yang diperlukan untuk menjaga kolam ternakan ikan dengan betul dan juga tidak mengetahui kaedah membersihkan kolam, mengawal kualiti air, atau memantau perkembangan ikan.

Selain itu, akibat tiada pemahaman dan kemahiran asas dalam bidang ternakan ikan air tawar menyebabkan para pelajar maahad tahfiz ini kurang inisiatif dalam merancang dan memantau kolam dengan berkesan dan tidak tahu untuk membuat jadual pemakanan ikan secara teratur, tidak menyemak kualiti air secara berterusan yang boleh mengakibatkan ternakan ikan menjadi *stress* dan mendapat penyakit (Harper & Wolf, 2009). Hal ini boleh membawa kepada kematian ikan dalam skala yang besar dan mendadak.

Oleh yang demikian, Unit Akuakultur Kolej Komuniti Jerantut telah mengambil keputusan untuk memperkenalkan modul CERPIA kepada pelajar maahad tahfiz ini bagi mengatasi masalah yang telah berlaku. Kajian telah dijalankan dengan beberapa prosedur seperti melakukan temubual, pemerhatian dan soal selidik.

Menerusi kajian ini, modul CERPIA dilihat dapat meningkatkan pemahaman dan kemahiran asas pelajar maahad tahfiz terhadap pengurusan ternakan air tawar iaitu ikan tilapia khususnya. Justeru, modul ini haruslah diteruskan kerana ia dapat melahirkan generasi yang mahir dalam bidang akuakultur selaras dengan agenda TVET nasional 2023 yang merupakan satu proses pembangunan modal insan dalam melahirkan pekerja-pekerja berkemahiran dalam sektor perindsutiran khususnya dalam bidang akuakultur (Zulkifli Bin Mohd Sidi, 2019).

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

MANUAL ASAS

PENGURUSAN TERNAKAN IKAN AIR TAWAR

UNIT AKUAKULTUR
KOLEJ KOMUNITI JERANTUT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

HAK CIPTA TERPELIHARA

Pengenalan



Akuakultur ialah proses menternak spesies mati (haiwan dan tumbuhan) air tawar, air payau atau air masin di dalam persekitaran yang terkawal. Selain itu, akuakultur juga merangkumi segala aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran produk hidupan air.

Matlamat utama akuakultur dijalankan adalah untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti ternakan serta menggunakan sepenuhnya sumber tanah dan perairan yang sedia ada. Antara kawasan-kawasan yang boleh dimajukan untuk akuakultur adalah tasik, bekas lombong, empangan, kolam, konkrit, muara sungai dan laut serta akuarium.

Pengurusan Makanan Ikan

1. Tujuan pemakanan ikan dalam akuakultur:
- Pembesaran ikan
- Pembiakan ikan dan;
- Kesihatan

2. Kebaikan makanan rumusan(bentuk pelet):
- Praktikal dan mudah diaplikasi secara terus pada ternakan
- Kandungan Nutrisi yang optimum untuk ternakan
- Kurang pembaziran
- Tidak menjejaskan kualiti air
- Lebih bersih/higenik(berbanding sisa ternakan seperti ayam dll.)
- Cadangan brand makanan yang sesuai : starfeed tilapia, gold coin tilapia feed
- Harga makanan bergantung kepada pasaran semasa
- Makanan ikan kebiasaannya boleh dibeli daripada pembekal makanan pertanian seperti PELADANG dan kedai makanan haiwan ternakan.

3. Perancangan berkesan pemberian makan:
- Keperluan zat makanan ikan
- Saiz makanan
- Waktu dan tempat memberi makan
- Nisbah Penukaran Makanan(FCR)
- Kadar pemberian makanan
- Penyelarasan semasa kadar pemberian makanan
- Kekerapan pemberian makanan
- Teknik pemberian makanan
- Waktu tuaian

Kesimpulan

Pengurusan kualiti air amat penting dalam semua jenis sistem ternakan kerana kegagalan dalam aspek kualiti air akan mengakibatkan kematian dan seterusnya mendatangkan kerugian kepada projek ternakan tersebut. Oleh itu tumpuan terhadap pengurusan kualiti air perlulah diberi keutamaan agar projek yang dijalankan menghasilkan pulangan yang lumayan kepada pengusaha.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Disediakan oleh
Encik Mohd Saiful Zairy Bin Mohd Zaidi
Pensyarah Unit Akuakultur
Kolej Komuniti Jerantut
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Rajah 1: Sebahagian daripada modul CERPIA

Isu/Fokus Kajian

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian soal selidik awal ke atas 30 orang pelajar maahad tahfiz, didapati pelajar tidak dan kurang memiliki pengetahuan tentang pengurusan ternakan ikan tilapia di kolam mereka. Pelajar didapati tidak memahami pengendalian ikan tilapia seperti pengurusan kualiti air yang baik, pemberian makanan mengikut sukatan dan masa yang perlu supaya tidak berlaku pembaziran dan kematian ikan. Justeru itu, kajian telah memilih 10 orang pelajar maahad tahfiz yang mendapat peratus penilaian awal yang sederhana bagi menggunapakai modul CERPIA ini dan melihat keberkesanan penggunaan modul ini.

Objektif Kajian

Objektif Am


Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pengurusan ternakan ikan air tawar dengan menyediakan modul CERPIA bagi pelajar Maahad Tahfiz Al-Ghoniah, Johol Negeri Sembilan.

Objektif Khusus

i. Pelajar dapat mempertingkatkan kaedah pengurusan ternakan ikan air tawar daripada amalan tradisi kepada amalan professional.
ii. Pelajar dapat memenuhi skor penilaian yang baik terhadap keberkesanan pelaksanaan pada borang soal selidik yang disediakan.

Pelaksanaan Kajian


Populasi kajian ialah kumpulan sasaran seramai 10 orang daripada 30 orang pelajar Maahad Tahfiz Al-Ghoniah, Johol Negeri Sembilan. Rekabentuk kajian secara kuantitatif yang digunakan ialah melalui borang soal selidik kursus pendek secara atas talian melalui *link* ePSH yang digunapakai di bawah Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) seperti di Rajah 2. Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan skor yang sederhana dalam tinjauan awal melalui peratus penilaian soal selidik yang diberikan. Keputusan untuk menjalankan kajian ke atas 10 orang pelajar maahad tahfiz ini supaya mereka mendapat manfaat kerana modul CERPIA ini boleh meningkatkan pengetahuan mereka untuk menguruskan ternakan ikan air tawar dengan kaedah yang betul.



Rajah 2: Borang Soal Selidik Kursus Pendek (PSH)


Refleksi Kajian

Hasil dapatan yang diperolehi merujuk kepada analisis statistik yang menggunakan perisian *Microsoft Excel* bagi mendapatkan peratusan penilaian pelaksanaan keberkesanan penggunaan modul CERPIA sebelum dan selepas.



Rajah 3: Peratus Penilaian Awal Keberkesanan Kursus

Rajah 3 merupakan penilaian awal bagi 30 orang pelajar maahad tahfiz setelah Kursus Asas Penternakan Ikan Air Tawar (Ikan Tilapia) dilaksanakan. Hasil analisis soal selidik menunjukkan seramai 2 orang pelajar mendapat peratus penilaian paling rendah iaitu kurang daripada 70% dan seorang pelajar mendapat peratus penilaian paling tinggi iaitu 91%. Manakala seramai 9 orang pelajar mendapat peratus penilaian antara 71%-75%, 10 orang pelajar mendapat peratus penilaian antara 76% – 80%, 6 orang pelajar mendapat peratus penilaian antara 81%-85% dan 2 orang pelajar mendapat peratus penilaian antara 86%-90%. Hasil penilaian awal ini, penyelidik telah memilih seramai 10 pelajar yang mendapat peratus penilaian yang sederhana iaitu antara 76%-80% sebagai sampel kajian bagi menggunapakai modul CERPIA ini.



	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10
Sebelum	79.04	76.96	76.96	79.04	79.04	76.96	76.96	76.96	76.96	76.96
Selepas	91.52	91.52	93.60	93.60	95.68	95.68	93.60	93.60	91.52	93.60

Rajah 4: Peratus Penilaian Keberkesanan Kusus setelah menggunakan modul CERPIA

Setelah pelajar diperkenalkan dan menggunapakai modul CERPIA ini, penyelidik telah menjalankan soal selidik sekali lagi kepada 10 orang pelajar tersebut bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Kursus Asas Penternakan Ikan Air Tawar (Ikan Tilapia) terhadap pemahanan dan peningkatan kemahiran pelajar-pelajar maahad tahfiz ini. Hasil analisis soal selidik yang telah dijawab oleh pelajar mendapati peratus peningkatan keberkesanan kursus telah meningkat daripada sebelum penggunaan modul CERPIA. Rajah 4 menunjukkan peningkatan peratus penilaian melebihi 90% keberkesanan kursus dikalangan pelajar setelah menggunapakai modul CERPIA ini.

Cadangan Untuk Meneruskan Kajian Tindakan

Penggunaan modul CERPIA ini diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Ghoniah, Johol Negeri Sembilan untuk menggalakkan penambahan dan peningkatan kemahiran di dalam bidang akuakulktur. Kajian ini juga sekaligus dapat membantu para penyelidik bagi menilai permasalahan yang dihadapi sepanjang memberi kemahiran kepada komuniti. Bedasarkan dapatan kajian ini penyelidik juga mencadangkan agar penggunaan modul ini diperluaskan penggunaannya kepada maahad tahfiz yang lain dan juga kepada komuniti setempat yang berminat untuk menerokai bidang ternakan ikan air tawar khususnya dalam ternakan ikan tilapia. Berikut juga merupakan cadangan penambahbaikan bagi modul CERPIA hasil daripada dapatan kajian ini;

1. Modul CERPIA dikemaskini dan dimurnikan dengan memberikan lebih banyak ilustrasi dan infografik yang mudah difahami.
2. Modul CERPIA di digitalkan dalam bentuk aplikasi agar mudah untuk di akses oleh semua peserta pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati tahap pemahaman dan kemahiran pelajar- pelajar Maahad Tahfiz Al-Ghoniah, Johol Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan selepas modul CERPIA digunapakai. Ini menunjukkan bahawa modul ni adalah wajar untuk dibudayakan kerana penggunaannya dapat membantu dalam memahami keperluan asas dalam bidang ternakan ikan air tawar khususnya ternakan ikan tilapia. Pemahanan dan kemahiran yang betul amat penting dalam membantu peningkatan kemahiran seorang penternak ikan air tawar. Ilmu asas merupakan paksi utama dalam memulakan ternakan ikan air tawar bagi meminimumkan kerugian dan mengoptimumkan keuntungan.

Rujukan

Azimah Abd Rahman,, & Nornadhirah Abdul Khalib. (2022). *Penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti ternakan ikan dalam sangkar sekitar kawasan Temerloh, Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Harper, C., & Wolf, J. C. (2009). Morphologic effects of the stress response in fish. In *ILAR Journal* (Vol. 50, Issue 4, pp. 387–396). https://doi.org/10.1093/ilar.50.4.387

Zulkifli Bin Mohd Sidi. (2019). Metodologi Penyampaian Latihan Mengajar: Tinjauan Amalan Latihan Pedagogikal Kemahiran & Vokasional di Malaysia. *ICPIE 2019*, 1–14.

Idris Ahmad. (2018). Akuakultur Ikan dan Udang. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lar. Rohaniah Mod Nor. (2015). Asas Akuakultur. Kelantan: Unit Penyelidikan dan Inovasi & Pengkomersilan, Politeknik Jeli.

Najiah Musa & nadirah Musa. (2022). Penyakit dan Pengurusan Kesihatan Ikan Ternakan. Terengganu: Penerbit UMT

Persepsi Pelajar Teknikal Terhadap Personaliti Pensyarah Kolej Komuniti Batu Pahat

Nur Arifah Muhammad[1, a] and Noorhafizah Rubaai[2, b]

[1]Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Batu Pahat, Johor

[2]Unit Pengajian, Kolej Komuniti Batu Pahat, Johor

[a]nurarifahmuhammad@kkbpj.edu.my, [b]noor.hafizah@kkbpj.edu.my

Abstrak: Seorang pendidik adalah bertanggungjawab untuk menggalas tugas dalam pembentukan insan setiap pelajar. Mereka dididik untuk menjadi insan yang mempunyai tahap emosi, rohani dan intelek yang baik. Jadi, sudah tentu setiap tindakan dan tingkah laku pendidik akan menjadi perhatian dan contoh ikutan pelajar. Disamping itu, kriteria baik yang ada pada seorang pendidik juga boleh menarik minat dan perhatian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di kuliah-kuliah. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi para pelajar terhadap personaliti pensyarah yang mengajar mereka. Kajian ini dibentuk untuk mengkaji ciri-ciri personaliti positif pensyarah yang disukai oleh pelajar, ciri-ciri personaliti negatif pensyarah yang melemahkan semangat pelajar-pelajar dan perbezaan persepsi pelajar di antara personaliti pensyarah lelaki dan perempuan. Kajian ini telah melibatkan responden yang terdiri daripada 50 orang pelajar Kolej Komuniti Batu Pahat Johor dan menggunakan instrumen soal selidik secara atas talian. Dapatan kajian mendapati 32% pelajar memilih sikap bertanggungjawab sebagai personaliti positif pensyarah yang tertinggi. Manakala ciri personaliti negatif pensyarah yang melemahkan semangat mereka adalah pensyarah yang kurang persediaan iaitu sebanyak 34%. Implikasi kajian ini dilihat dapat memberi motivasi kepada pendidik untuk membudayakan personaliti positif dan mengelakkan personaliti negatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Keywords: Personaliti; Pensyarah; Pelajar; Kolej Komuniti Batu Pahat Johor; Pendidik

Pengenalan

Pensyarah adalah pendidik yang turut memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran menjadi lebih berkesan dan efektif (Normala & Mohamad Kamil, 2023). Mereka mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku serta perangai yang dimiliki oleh pelajar. Tingkah laku pensyarah akan sentiasa diperhati dan kemudiannya diikuti oleh pelajar terbabit. Oleh itu adalah wajar setiap warga pensyarah untuk menyedari hakikat ini dan seterusnya memastikan mereka sentiasa memberi imej yang positif kepada pelajar.

Setiap pensyarah mempunyai personaliti dan sikap yang berbeza. Para pelajar pula sentiasa mempunyai persepsi yang berbeza terhadap personaliti pensyarah. Ada dari kalangan pensyarah yang kehadirannya sentiasa dinantikan oleh pelajar. Kuliah dan pengajaran dari para pensyarah ini menjadi kesukaan pelajar. Malah mereka semangat untuk menguasai subjek yang dipelajari di dalam kuliah. Terdapat juga kuliah yang tidak diminati, dan antara faktor penyumbang adalah kerana personaliti pensyarah yang tidak digemari oleh pelajar (Martin, 2009). Ini menunjukkan bahawa ada banyak ciri personaliti pensyarah yang disukai atau tidak disukai oleh pelajar yang perlu kita kaji.

Sorotan Literatur

Bager (2000) menyatakan bahawa personaliti boleh didefinisikan sebagai suatu corak kelakuan yang konsisten dan berasal daripada pemprosesan di dalam diri seseorang individu. Selain itu, personaliti

turut dimaksudkan dengan suatu organisasi sistem psikologi yang dinamik dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaiannya dengan alam sekeliling dengan cara yang unik (Long, 1991).

Peranan pensyarah dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar adalah sangat penting (Normala & Mohamad Kamil, 2023). Interaksi dua hala antara pensyarah dan pelajar sudah tentu membuka ruang untuk pelajar memerhati personaliti yang dibawa oleh pensyarah. Menurut Abdul Rashid, Mohamad Yazid, Muhammad Khairi, Nur Kareelawati, Nur A'in & Nurun Najihah (2022) personaliti pensyarah berperanan untuk memastikan kelancaran dalam proses pengajarannya. Kualiti personaliti yang positif dapat membantu pensyarah menjalinkan hubungan kemanusiaan yang baik dengan para pelajarnya. Terdapat perkaitan antara personaliti pensyarah dengan proses pengajaran dan pembelajaran (Norliza & Abu Hassan, 2004). Pensyarah yang baik mempunyai sikap yang positif dan berkemahiran tinggi dalam menangani permasalahan dengan para pelajarnya, bijak mewujudkan suasana pembelajaran yang membantu merangsang pembelajaran, dapat mencipta suasana pembelajaran yang kondusif, mengenali proses pembangunan manusia, serta berjaya mengendalikan bilik kuliah dengan cekap (Walter Mischel, 1993).

Adalah menjadi tugas pensyarah untuk mendidik pelajar sehingga mereka dapat menguasai subjek dan kemahiran yang telah ditetapkan (Rahimah, 1992). Tugas untuk menyampaikan pengajaran dan juga mengembangkan pengajarannya bertujuan untuk merealisasikan potensi pelajar semaksimum yang boleh. Suatu pembelajaran telah dapat dilaksanakan dengan baik apabila para pelajar turut terlibat sama di dalam proses pengajaran tersebut (Khalid, 2005). Para pelajar dapat terlibat secara langsung serta memberikan maklum balas terhadap apa jua aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mereka alami. Keberkesanan pendidik perlu dilihat bukan sahaja dari aspek kejayaannya menyampaikan pengajarannya di bilik kuliah tetapi juga dalam usaha menunjuk dan mengekalkan personaliti yang positif semasa berhadapan dengan para pelajar. Ini akan membantu pelajar mencapai kecemerlangan dalam pelajaran yang diambil (Rohaty & Subahan, 1993). Amat penting untuk para pensyarah mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif dan mengekalkan personaliti yang positif agar masalah seperti ponteng serta produktiviti rendah di kalangan pelajar dapat dielakkan (Mohd Mahyideen, J., Mohamad Rusli, & Yaakob, 2020).

Pernyataan masalah

Perbincangan di kalangan pensyarah Kolej Komuniti Batu Pahat telah menunjukkan bahawa ada dikalangan pelajar yang menunjukkan sikap tidak komited dan tidak bersungguh semasa pembelajaran berlaku. Ada sesetengah pelajar yang mempunyai masalah kehadiran dan ada dikalangan mereka yang tidak menghantar tugasan mengikut waktu yang ditetapkan. Selain dari aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai, personaliti pensyarah turut dilihat memainkan peranan dalam mempengaruhi sikap pelajar terhadap sesuatu matapelajaran yang diambil. Dalam masa yang sama, kebanyakan dari para pensyarah tidak dapat memastikan bahawa personaliti yang mereka tampilkan di dalam kuliah dan pengajaran adalah diminati oleh pelajar atau sebaliknya. Tiada kajian khusus di Kolej Komuniti Batu Pahat yang dijalankan sebelum ini yang boleh membantu memberi panduan kepada para pensyarah dalam aspek personaliti yang bagus untuk membantu penguasaan dan minat pelajar kepada sesuatu subjek. Jika pensyarah tahu tentang ciri personaliti yang pelajar minati, ini boleh menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada minat untuk belajar, kefahaman terhadap subjek yang dipelajari dan kejayaan para pelajar itu dalam menguasai isi kandungan pelajaran sama ada dari segi teknikal atau teori. Kajian ini adalah kajian rintis untuk mengetahui sama ada pensyarah di Kolej Komuniti Batu Pahat memiliki ciri personaliti positif atau negatif yang memberi kesan kepada pembelajaran pelajar, dan diharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi panduan kepada para pensyarah untuk memperbaiki sikap dan membudayakan personaliti positif bagi membantu pelajar menguasai pelajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti ciri-ciri personaliti positif pensyarah yang diminati oleh pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Batu Pahat Johor.
2. Mengenalpasti ciri-ciri personaliti negatif pensyarah yang melemahkan semangat pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Batu Pahat Johor.
3. Mengenalpasti perbezaan persepsi pelajar di antara personaliti pensyarah lelaki dan pensyarah.

Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah ciri-ciri personaliti positif pensyarah yang diminati oleh pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Batu Pahat Johor?
2. Apakah ciri-ciri pensyarah negatif yang tidak diminati oleh pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Batu Pahat Johor?
3. Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar di antara personaliti pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan?

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan melibatkan rekabentuk dan instrumen kajian, sampel kajian, pengumpulan data dan prosedur analisis data. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap personaliti pensyarah dari segi personaliti positif yang diminati, personaliti negatif yang melemahkan semangat pelajar dan perbezaan pandangan terhadap personaliti pensyarah dari segi jantina.

Reka bentuk dan instrumen kajian

